



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

► mendekati pemegang kepentingan dan taslel urus korporat

Kestabilan

KEWANGAN BERTERUSAN

LAPORAN TAHUNAN 2017

► pengiraan modal insan strategik ► rejim resolusi efektif





Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia



MANDAT

Mentadbir 2 sistem perlindungan konsumer kewangan:

- Sistem Insurans Deposit
- Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan:

- Deposit yang disimpan di bank-bank ahli
- Manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans

Menyediakan insentif kepada institusi ahli bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan

Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan



VISI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik



MISI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangannya

SOROTAN KEWANGAN 2017



Pendapatan

RM575
juta



Perbelanjaan Operasi

RM112
juta



Perbelanjaan Modal

RM6
juta



Kumpulan Dana Insurans Deposit

RM2.0
bilion



Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

RM1.6
bilion

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1

TINJAUAN

- 4 Profil Korporat
- 11 Sorotan Pencapaian Tahun 2017
- 13 Ringkasan Kewangan: Prestasi 5 Tahun
- 16 Melangkah ke Hadapan

BAHAGIAN 2

PERUTUSAN

- 18 Perutusan Pengerusi
- 20 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

BAHAGIAN 3

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

- 24 Persekitaran Operasi
- 29 Tinjauan Prestasi
- 43 Tinjauan Kewangan

BAHAGIAN 4

TINJAUAN KEAHLIAN

- 66 Tinjauan Keahlian

BAHAGIAN 5

TADBIR URUS KORPORAT

- 72 Penyataan Tadbir Urus Korporat
- 86 Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 90 Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil
- 95 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil
- 102 Struktur Organisasi


BAHAGIAN 6

PENYATA KEWANGAN

- | | |
|-----------------------------------|---|
| 104 Laporan Lembaga Pengarah | 116 Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain |
| 109 Pernyataan Pengarah | 117 Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab |
| 110 Akuan Berkanun | 118 Penyata Aliran Tunai |
| 111 Persijilan Ketua Audit Negara | 119 Nota kepada Penyata Kewangan |
| 115 Penyata Kedudukan Kewangan | |

LAMPIRAN

- 187 Senarai Institusi Ahli
- 188 Glosari Istilah
- 191 Butiran Hubungan



BAHAGIAN 1

TINJAUAN

Profil Korporat
Sorotan Pencapaian Tahun 2017
Ringkasan Keuangan: Prestasi 5 Tahun
Melangkah Ke Hadapan

PROFIL KORPORAT


MENGENAI PIDM

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) 2005.¹ PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan dan ditadbir oleh Lembaga Pengarah, yang dipilih daripada sektor awam dan swasta dan dilantik oleh Menteri Kewangan.

TANGGUNGJAWAB KAMI

Sebagai sebahagian penting daripada sistem jaringan keselamatan kewangan, objektif berkanun PIDM adalah untuk:


- mentadbir 2 sistem perlindungan konsumen kewangan – Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit dalam bank ahli; dan manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans;
- menyediakan insentif kepada institusi ahli bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.



Sebagai pihak berkuasa resolusi dan dalam usaha menggalakkan kestabilan sistem kewangan negara, PIDM bekerjasama dengan institusi ahlinya untuk membangunkan pelan resolusi yang boleh dilaksanakan dan berwibawa supaya sebarang kegagalan institusi tidak akan memberi kesan buruk terhadap sistem kewangan dan ekonomi secara keseluruhannya.

¹ Dipinda pada tahun 2010 dan tahun 2016

PEMEGANG KEPENTINGAN



INSTITUSI AHLI

Ahli-ahli PIDM adalah institusi berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013⁴ (termasuk subsidiari entiti asing):

- bank perdagangan
- bank Islam
- syarikat insurans
- pengendali takaful

Pada 5 Januari 2018, terdapat 89 institusi ahli (43 bank ahli dan 46 ahli penginsurans).

KUMPULAN DANA YANG DITADBIR

PIDM mentadbir 6 kumpulan dana berasingan dan berbeza seperti berikut:

- Dana Insurans Deposit Konvensional
- Dana Insurans Deposit Islam
- Dana Perlindungan Insurans Am
- Dana Perlindungan Insurans Hayat
- Dana Perlindungan Takaful Am
- Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga diurus dan ditadbir berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

Kumpulan dana sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

RM **2.0** billion
KUMPULAN DANA
INSURANS DEPOSIT

RM **1.6** billion
KUMPULAN DANA
PERLINDUNGAN
MANFAAT TAKAFUL
DAN INSURANS

² Merujuk kepada Jabatan Audit Negara, Perbendaharaan (Kementerian Kewangan), Jabatan Peguam Negara Malaysia serta jabatan dan agensi Kerajaan berkaitan

³ Merujuk kepada pihak ketiga atau penyedia perkhidmatan atau organisasi penyumbangan luar yang menyediakan atau berkongsi kepakaran, sumber atau kecekapan dalam mencapai objektif PIDM

⁴ Sebelum ini, bank perdagangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989; bank Islam berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983; syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996; dan pengendali takaful berlesen di bawah Akta Takaful 1984

KE ARAH MEMENUHI OBJEKTIF BERKANUN

Membina asas – tadbir urus korporat, kakitangan, sistem					
2005	2006	2007	2008	2009	2010
Ditubuhkan di bawah Akta PIDM ▶ Sistem Insurans Deposit ditubuhkan	▶ Melaksanakan Perjanjian Perikatan Strategik bersama Bank Negara Malaysia	▶ Memulakan pelaksanaan pelan komunikasi bersepadu	▶ Mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan ▶ Mentadbir insurans penstabilan ▶ Melaksanakan rangka kerja sistem premium berbeza bagi Sistem Insurans Deposit ▶ Memulakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (<i>Financial Institutions Directors' Education - FIDE</i>) bersama dengan Bank Negara Malaysia		▶ Memudahkan cara peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan ▶ Meningkatkan had perlindungan Sistem Insurans Deposit kepada RM250,000 ▶ Meluaskan skop perlindungan dengan memasukkan kepada mata wang asing ▶ Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ditubuhkan – meluaskan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans ▶ Melancarkan program pendidikan Projek PIDM MoneySmart
					Kesediaan
			▶ Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit	▶ Melaksanakan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit bagi sistem pembayaran balik	▶ Menjalankan latihan simulasi pertama bagi intervensi dan resolusi kegagalan sebuah bank ▶ Menjalankan 2 simulasi mini dan latihan simulasi selama 2.5 hari bagi intervensi dan resolusi kegagalan sebuah bank ▶ Menyempurnakan integrasi antara modul-modul sistem pembayaran balik
Objektif berkanun PIDM	▶ Mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	▶ Menyediakan perlindungan bagi kehilangan deposit dalam bank ahli; dan manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans	▶ Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar	▶ Menggalak keyakinan orang awam terhadap kestabilan sistem kewangan	

Rejim resolusi efektif, kakitangan, pengurusan pemegang kepentingan

2012	2013	2014	2015	2016	2017
▶ Melaksanakan Perjanjian Perikatan Strategik yang disemak semula dengan Bank Negara Malaysia ▶ Menyokong penubuhan FIDE FORUM⁶	▶ Melaksanakan rangka kerja sistem levi berbeza bagi syarikat insurans		▶ Memperoleh kuasa pemindahan saham bagi menangani institusi ahli yang tidak berdaya maju secara cepat dan efektif ▶ Bekerjasama dengan kartunis terkenal, Lat, untuk kempen pengiklanan baharu ▶ Menubuhkan rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am	▶ Melaksanakan rangka kerja sistem levi berbeza bagi pengendali takaful ▶ Menubuhkan rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat	▶ Memperkenalkan inisiatif perancangan pemulihan dan resolusi secara rasmi kepada industri, bersama dengan Bank Negara Malaysia ▶ Menyertai Jaringan Pendidikan Kewangan bagi perumusan strategi celik kewangan kebangsaan

Operasi




- ▶ Menjalankan latihan simulasi yang pertama bagi intervensi dan resolusi kegagalan sebuah syarikat insurans
- ▶ Menjalankan latihan simulasi bagi kegagalan sebuah syarikat insurans
- ▶ Menjalankan lintas semak terhadap proses dan sistem pembayaran balik sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan
- ▶ Menjalankan latihan simulasi bagi kegagalan sebuah bank
- ▶ Menjalankan latihan simulasi untuk pembayaran balik dalam 3 hari bagi sebuah bank ahli hipotetikal yang bersaiz sederhana
- ▶ Menjalankan latihan simulasi skop penuh termasuk aspek pelarasan pasca-pembayaran, komunikasi dan pembiayaan bagi sebuah bank ahli hipotetikal
- ▶ Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

⁵ Sebuah program yang ditadbir oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif yang bertujuan untuk meningkatkan tadbir urus lembaga pengarah bagi sektor kewangan


⁶ Alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan

KAKITANGAN KAMI

PIDM mengiktiraf kepelbagaian dalam tenaga kerjanya sebagai satu sumber kekuatan. Seperti yang dinyatakan dalam Kod Tatalaku dan Etika Urusan, kakitangan perlu menghormati dan menghargai budaya, jantina dan pengalaman yang berbeza.




Profil Usia




Tenaga kerja yang komited penting bagi memenuhi visi dan misi kami, dan melaksanakan mandat kami dengan efektif.


Indeks Keterlibatan Mapan⁷




Kadar Pusing Ganti Kakitangan⁸



Kadar Pengekalan Kakitangan Selepas Cuti Bersalin⁹



Kadar Tidak Hadir¹⁰



⁷ Kekukuhan hubungan kakitangan terhadap organisasi mereka berdasarkan komitmen ke arah mencapai matlamat kerja, diberi kuasa dan pengalaman kerja yang meningkatkan kesejahteraan kakitangan. Kaji selidik ini dijalankan setiap 2 tahun sekali

⁸ Kadar yang mana kakitangan tetap, meninggalkan PIDM secara sukarela

⁹ Kadar kakitangan menyambung semula kerja selepas cuti bersalin

¹⁰ Peratusan waktu kerja, yang dinyatakan sebagai hari bekerja yang mana seseorang kakitangan tidak hadir semasa tahun tersebut. Ketidakhadiran bermakna tidak hadir yang di luar kawalan PIDM, termasuk cuti sakit, cuti rawatan di hospital, cuti belas kasihan, cuti menunaikan haji, cuti ibu bapa (bersalin dan paterniti), cuti belajar dan cuti berkahwin

PENGIKTIRAFAN

2007

- Menerima Sijil Merit Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards* – NACRA) untuk Laporan Tahunan 2006.
- Menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dalam Kategori Berkanun Persekutuan daripada Jabatan Audit Negara.

2008

- Menerima Sijil Merit NACRA untuk Laporan Tahunan 2007.

2009

- Menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam NACRA untuk Laporan Tahunan 2008.

2010

- Menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam NACRA untuk Laporan Tahunan 2009.

2011

- Menerima anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers* – IADI).
- Menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam NACRA untuk Laporan Tahunan 2010.
- Menerima pengiktirafan daripada Institut Juruaudit Dalam Malaysia kerana mematuhi Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalam terbitan Institut Juruaudit Dalam.

2012

- Menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam NACRA untuk Laporan Tahunan 2011.
- Menerima anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik (Gangsa), daripada Promotion Marketing Awards Asia (PMAA).
- Rangka kerja Sistem Insurans Deposit dinilai di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan Tabung Kewangan Antarabangsa-Bank Dunia, yang keseluruhannya mematuhi Prinsip-Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Efektif IADI.

2013

- Menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam NACRA untuk Laporan Tahunan 2012.
- Menerima anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik (*Order of Merit*), daripada PMAA.
- Menerima penilaian “baik” bagi Audit Indeks Akauntabiliti 2013 yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.

2014

- Menerima Sijil Merit NACRA, anugerah tertinggi yang disampaikan dalam kategori organisasi bukan senaraian awam bagi Laporan Tahunan 2013.
- Diiktiraf sebagai Rakan Kokurikulum oleh Kementerian Pendidikan.

2015

- Diiktiraf sebagai Rakan Kokurikulum oleh Kementerian Pendidikan.

2016

- Menerima 2 anugerah di Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2016 – Kecemerlangan dalam Pemasaran Sektor Kerajaan (Perak) dan Kecemerlangan dalam Komunikasi Pemasaran / Perhubungan Awam (Gangsa).

2017

- Menerima anugerah perak, yang disampaikan oleh Australasian Reporting Awards, bagi pendedahan maklumat dalam Laporan Tahunan 2015.
- Menerima penilaian “cemerlang” bagi Audit Indeks Akauntabiliti 2016 yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.

SOROTAN PENCAPAIAN TAHUN 2017

Rejim Resolusi Efektif¹¹

PERANCANGAN RESOLUSI

- Menganjurkan seminar bersama industri dengan Bank Negara Malaysia mengenai perancangan pemulihan dan resolusi bagi para pengarah dan pengurusan kanan kumpulan perbankan untuk menekankan kepentingan perancangan pemulihan dan resolusi, jangkaan kawal selia dan pelan hala tuju strategik bagi pelaksanaannya di Malaysia, termasuk latihan perintis dan perundingan industri.
- Penglibatan dengan bank-bank perintis, bersama dengan Bank Negara Malaysia, untuk memastikan pelaksanaan latihan perintis perancangan pemulihan dan resolusi yang efektif.

PENGADARAN KEBOLEHSELESAIAN

- Memulakan kaji selidik mengenai rangka kerja dan metodologi pengadaran kebolehselesaian.

PEMBIAYAAN

- Membangunkan rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai bagi memastikan perancangan pembiayaan mudah tunai yang holistik semasa resolusi.

SIMULASI PEMBAYARAN BALIK

- Menjalankan latihan simulasi untuk pembayaran balik dalam 3 hari termasuk aspek pelarasan pasca-pembayaran, komunikasi dan pembiayaan bagi sebuah bank ahli hipotetikal.

SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Membangunkan 2 sistem berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans untuk menyokong proses pembayaran bagi manfaat dilindungi dan pembayaran balik premium sekiranya sesebuah ahli penginsurans dibubarkan.

PERATURAN-PERATURAN

- Menambah baik 2 peraturan-peraturan berkaitan dengan terma dan syarat keahlian serta rangka kerja sistem premium berbeza.

¹¹ Rujuk halaman 29 hingga 31 untuk butiran lanjut

SOROTAN PENCAPAIAN TAHUN 2017

Pengurusan Strategik Modal Insan¹²

MODEL KECEKAPAN

- Menyempurnakan kajian semula model kecekapan PIDM, bagi memenuhi keperluan dan jangkaan yang berubah-ubah:
 - memperkenalkan instrumen penilaian kepimpinan dan tenaga kerja dengan kecekapan kepimpinan yang dikemas kini; dan
 - mengemas kini atau membangunkan definisi kecekapan bahagian.

PENGURUSAN KERJAYA

- Menyempurnakan pembangunan program kerjaya bagi 3 bahagian, untuk menyediakan peluang bagi pembangunan dan kemajuan kerjaya serta pengekalan tenaga kerja utama.

ORGANISASI PEMBELAJARAN

- Menerbitkan e-buku korporat PIDM untuk mengekalkan pengetahuan dan memori korporat.
- Membangunkan pelan strategik pengurusan pengetahuan.

Mendekati Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat¹³

KESEDARAN AWAM

- Mengendalikan sejumlah 69 sesi taklimat kepada pelbagai pemegang kepentingan bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Mencapai tahap kesedaran awam sebanyak 62% mengenai PIDM, 49% bagi Sistem Insurans Deposit dan 37% bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

KAJIAN TINGKAH LAKU KONSUMER

- Menjalankan kajian tingkah laku konsumer kewangan untuk menganalisis kebarangkalian tingkah laku konsumer kewangan dalam situasi tidak menentu, serta hubungan antara reaksi mereka dan kesedaran mengenai insurans deposit, sebagai input bagi strategi komunikasi pada masa hadapan.

PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN

- Meningkatkan hubungan dalam kalangan pemegang kepentingan dan rakan kongsi strategik kami termasuk Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara dan persatuan-persatuan industri.


¹² Rujuk halaman 32 hingga 35 untuk butiran lanjut

¹³ Rujuk halaman 36 hingga 39 untuk butiran lanjut

RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI 5 TAHUN


Hasil Premium dan Levi

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




Pendapatan Pelaburan

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




Jumlah Pendapatan

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




Jumlah Perbelanjaan

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




Lebih Bersih Operasi

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)



Jumlah Aset


(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)



RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI 5 TAHUN


Kumpulan Dana Insurans Deposit

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)



Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

(Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)



RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI 5 TAHUN


	2017	2016	2015	2014	2013
	RM Juta				
BUTIRAN TERPILIH DARIPADA PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER					
Hasil Premium dan Levi	474.3	468.2	442.0	311.0	245.1
Kumpulan Dana Insurans Deposit	400.0	388.4	359.2	239.7	180.3
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	74.3	79.8	82.8	71.3	64.8
Pendapatan Pelaburan	101.1	89.2	78.5	63.7	56.1
Kumpulan Dana Insurans Deposit	55.7	46.1	36.7	26.2	20.5
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	45.4	43.1	41.8	37.5	35.6
Pendapatan Pelbagai	–	–	0.8	–	–
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	–	–	–	–	(0.6)
Kumpulan Dana Insurans Deposit	–	–	–	–	–
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	–	–	–	–	(0.6)
Jumlah Pendapatan	575.4	557.4	521.3	374.7	300.6
Jumlah Perbelanjaan	112.3	98.9	94.7	83.9	82.1
Lebihan Bersih Operasi bagi Tahun Ini	463.1	458.5	426.6	290.8	218.5
Pengukuran Semula Liabiliti Pelan Persaraan Jangka Panjang	(0.1)	–	–	–	–
Keuntungan Bersih bagi pelaburan tersedia untuk jualan	–	–	–	–	0.2
Wang diterima daripada Kumpulan Dana Skim Jaminan Insurans	–	35.0	–	–	–
Lebihan Bersih bagi Tahun Ini yang Merupakan Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun Ini	463.0	493.5	426.6	290.8	218.7

RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI 5 TAHUN


	2017	2016	2015	2014	2013
	RM Juta				
BUTIRAN TERPILIH DARIPADA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER					
Jumlah Aset	3,602.6	3,141.9	2,647.5	2,218.7	1,923.5
Jumlah Liabiliti	12.1	14.4	13.6	11.4	7.0
Kumpulan Dana dan Rizab	3,590.5	3,127.5	2,633.9	2,207.3	1,916.5
Kumpulan Dana Insurans Deposit	2,023.9	1,655.2	1,298.4	973.1	768.3
Dana Insurans Deposit Konvensional	1,684.7	1,388.3	1,095.7	831.3	660.9
Dana Insurans Deposit Islam	339.2	266.9	202.7	141.8	107.4
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,566.6	1,472.3	1,335.5	1,234.2	1,148.2
Dana Perlindungan Insurans Am	1,216.7	1,183.0	1,110.1	1,065.2	1,024.5
Dana Perlindungan Insurans Hayat	283.1	237.0	188.6	141.4	104.1
Dana Perlindungan Takaful Am	22.3	17.8	12.1	9.1	6.5
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	44.5	34.5	24.7	18.5	13.1
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab	3,602.6	3,141.9	2,647.5	2,218.7	1,923.5

MELANGKAH KE HADAPAN

Gambar rajah di bawah menerangkan tinjauan keseluruhan bagi rancangan masa hadapan PIDM.



* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut



BAHAGIAN 2

PERUTUSAN

Perutusan Pengerusi

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

PERUTUSAN Pengerusi

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF



Pada tahun 2017, Lembaga Pengarah PIDM telah memberi tumpuan kepada 3 bidang: keberkesanan Lembaga Pengarah; peralihan kepimpinan yang lancar; dan mencapai tahap kesediaan.

KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Pertama, keberkesanan Lembaga Pengarah. Pada tahun 2017, 2 pengarah baharu telah dilantik dan sukacita saya mengalu-alukan Encik Johan Mahmood Merican dan Puan Gloria Goh. Saya yakin pengalaman dan kepakaran profesional mereka yang luas akan membawa perspektif yang baharu dan bermakna kepada Lembaga Pengarah. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Encik George Anthony David Dass yang bersara pada tahun 2017 dan Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad, yang baru sahaja bersara, atas sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Inisiatif penting bagi keberkesanan Lembaga Pengarah adalah melalui pendidikan. Sebagai sebahagian daripada program pendidikan Lembaga Pengarah, beberapa mesyuarat telah diadakan pada tahun 2017 untuk meningkatkan kefahaman Ahli Lembaga Pengarah mengenai urusan dan hal ehwal PIDM. Ahli Lembaga Pengarah telah dijemput untuk menghadiri semua acara berkaitan FIDE FORUM serta mengambil bahagian dalam seminar dan persidangan antarabangsa yang berkaitan. Para Pengarah yang baharu diberikan orientasi untuk melatih dan menyediakan mereka untuk peranan yang akan dilaksanakan.

Penilaian luaran mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah yang dijalankan pada tahun 2017 telah memberi penilaian "kukuh" kepada Lembaga Pengarah PIDM. Laporan tersebut menyatakan bahawa Lembaga Pengarah telah mempamerkan keupayaan yang kukuh dalam sebilangan besar elemen kritikal bagi keberkesanan Lembaga Pengarah.

PERALIHAN KEPIMPINAN YANG LANCAR

Lembaga Pengarah, yang disokong oleh Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian, telah memastikan peralihan kepimpinan yang lancar di peringkat Pengurusan. Encik Rafiz Azuan Abdullah telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuat kuasa dari 28 Ogos 2017 oleh Menteri Kewangan.

MENCAPAI TAHAP KESEDIAAN

Keutamaan strategik yang penting bagi PIDM adalah berkaitan dengan perancangan resolusi, yang juga dikenali sebagai "living wills" bagi institusi kewangan. Rancangan ini akan memastikan semua institusi kewangan, tanpa mengira saiz, boleh menjalani tindakan resolusi dengan teratur, tanpa mengganggu kesinambungan perkhidmatan kewangan kritikal.

Malahan bagi sebilangan besar masyarakat, kebanyakan masa mereka diluangkan untuk kehidupan seharian dan menyediakan wasiat mungkin bukan menjadi keutamaan antara perkara yang perlu dilakukan untuk jangka masa yang panjang. Namun kita perlu akur bahawa inisiatif ini perlu dilaksanakan, memandangkan gangguan dan kos yang akan ditanggung tanpa persediaan untuk menghadapi kegagalan, serta kerugian yang bakal dialami oleh sistem kewangan, ekonomi dan orang awam. Bagi PIDM, adalah menjadi tugas kami untuk memastikan semua ini dilaksanakan, demi kestabilan sistem kewangan negara yang mapan dalam jangka masa panjang. Kuncinya adalah untuk memastikan ia dilaksanakan semampunya dengan cara yang paling efektif dan tidak membebankan, di samping memenuhi tanggungjawab kami.

PIDM merancang untuk merumus pelan resolusi yang berwibawa serta memilih strategi resolusi yang realistik dan boleh dilaksanakan bagi setiap institusi kewangan apabila berlakunya krisis. PIDM akan mengadakan penglibatan secara berkala dengan institusi ahli sepanjang proses perancangan resolusi tersebut. Kami juga akan terus bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk memastikan ketekalan dalam keperluan-keperluan kami, dan mengurangkan pertindihan kerja dan sumber yang tidak produktif.

BERSEDIA UNTUK MASA HADAPAN

Meskipun prospek ekonomi yang menggalakkan, kami akan terus berhati-hati dalam pemantauan risiko kami. Kami juga memahami keperluan untuk meningkatkan kesediaan kami bagi memastikan PIDM sentiasa bersedia untuk mengambil tindakan dalam menghadapi krisis.

Sementara itu, pihak Lembaga Pengarah akan terus menumpukan usaha untuk memenuhi tanggungjawab pengawasannya, bertindak secara bebas dan demi kepentingan PIDM. Lembaga Pengarah juga akan terus mengekalkan tahap tinggi dalam kebebasan operasi PIDM. Pemilikan kemampuan dan kuasa untuk bertindak tanpa campur tangan adalah penting dalam mengurus mana-mana kegagalan atau krisis kewangan sistemik.

KESIMPULAN

Perlantikan saya sebagai Pengerusi ke-3 Lembaga Pengarah PIDM berkuatkuasa dari 15 Ogos 2017 merupakan suatu penghormatan oleh Menteri Kewangan. Setelah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah selama 6 tahun sebelum ini, saya berharap akan dapat meneruskan kerjasama dengan rakan-rakan Ahli Lembaga Pengarah dalam usaha untuk memenuhi visi PIDM.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias, mantan Pengerusi PIDM, atas kepimpinan dan sumbangan beliau yang tidak ternilai untuk memastikan sebuah Lembaga Pengarah yang mantap dan efektif. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Jean Pierre Sabourin, mantan Ketua Pegawai Eksekutif atas kepimpinan luar biasa beliau dalam meletakkan PIDM di kedudukannya sekarang. Semangat dan dedikasi beliau terhadap usaha mengetengahkan kepentingan insurans deposit dalam menggalakkan kestabilan sistem kewangan tiada tolok bandingnya. Bagi pihak semua warga PIDM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengerusi dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif kami. Terima kasih daripada kami atas khidmat yang disumbangkan oleh mereka kepada negara.

Saya juga berterima kasih atas sokongan rakan-rakan Ahli Lembaga Pengarah. Sumbangan mereka amat dihargai. Saya khususnya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah *ex officio* kami, Muhammad bin Ibrahim, Gabenor Bank Negara Malaysia dan Tan Sri Dr. Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan atas sokongan dan bimbingan yang telah diberikan.

Akhir sekali, Lembaga Pengarah seikhlasnya merakamkan penghargaan atas usaha gigih, komitmen dan sumbangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif baharu kami, Encik Rafiz Azuan Abdullah, serta pasukan Pengurusan dan semua kakitangan kami.



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

RAFIZ AZUAN ABDULLAH



Edelman Trust Barometer melabelkan laporan globalnya bagi tahun 2017 sebagai “Kepercayaan dalam Krisis” (*Trust in Crisis*). Manakala, laporan globalnya bagi tahun 2018 merumuskan, “Kepercayaan Sukar Dipulih” (*No Recovery in Trust*).

Berita baiknya, pada hari ini, kepercayaan adalah apa yang membezakan industri perkhidmatan kewangan yang dikawal selia daripada syarikat teknologi kewangan dalam era perubahan yang dikuasai teknologi kini. Buat masa ini, sekurang-kurangnya, industri perkhidmatan kewangan masih mempunyai kelebihan dari segi 3 elemen kepercayaan – kepercayaan pelanggan, pengalaman dalam pematuhan peraturan dan modal.¹ Bagaimana industri menggabungkan strategi digital untuk memanfaatkan peluang ini dan menyediakannya mengikut keperluan pelanggan akan membantu menentukan kemapanan masa hadapannya.

Kajian juga mendedahkan tahap kepercayaan konsumen yang rendah di negara-negara yang mengalami krisis kewangan berbanding negara yang tidak mengalaminya.² Kesimpulannya? Kerjasama erat dengan pengawal selia lain ke arah kestabilan kewangan – termasuk membendung, seberapa boleh, sebarang krisis kewangan – adalah demi kepentingan industri perkhidmatan kewangan dan konsumen. Asas kepercayaan ini meningkatkan keyakinan awam terhadap institusi yang melindungi kebajikan dan kepentingan mereka.

Bagi PIDM, menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan negara merupakan satu objektif yang sangat jelas, seperti yang digariskan dalam Akta PIDM.

¹ Laporan *The Economist Intelligence Unit* “Symbiosis - Your bank has your trust. Can fintech make you love it?”, Ditaja oleh Temenos, pakar perisian bagi perbankan dan kewangan

² Contoh, Raija Anneli Järvinen, (2014) “Consumer trust in banking relationships in Europe”, *International Journal of Bank Marketing*, Vol. 32 Iss 6 pp. 551 – 566, https://www.researchgate.net/profile/Raija_Jaervinen/publication/265969491_Consumer_trust_in_banking_relationships_in_Europe/links/5549daec0cf205bce7ac42bf.pdf

TAHUN PERUBAHAN BAGI PIDM

Bagi PIDM, tahun 2017 merupakan tahun perubahan. Pada Ogos 2017, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias bersara sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah. Di peringkat Pengurusan pula, Encik Jean Pierre Sabourin, Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, juga bersara sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kami.

Bagaimanapun, apa yang tidak berubah ialah teras asas PIDM – tadbir urus korporat yang baik dalam perkhidmatan awam dan mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek.

Ketika saya melalui peralihan ini, saya sekali lagi menghargai nilai-nilai asas ini; yang mana Lembaga Pengarah dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif kami telah bangunkan dengan gigih. Meskipun melalui cabaran perubahan dalaman ini, kami tetap bersedia dengan perspektif yang jelas mengenai tanggungjawab kami berkaitan mandat dan objektif PIDM.

TAHUN 2017 DAN MELANGKAH KE HADAPAN

Secara keseluruhannya ahli-ahli kami tetap dalam keadaan kukuh dan berdaya maju. Bagaimanapun, PIDM terus kekal berhati-hati dan berusaha mengukuhkan kesediaan operasi dan kestabilan sistem kewangan negara.

Pada Julai 2017, bersama dengan Bank Negara Malaysia, kami telah memperkenalkan inisiatif perancangan pemulihan dan resolusi kepada institusi ahli kami secara rasmi. Bank-bank perintis telah dikenal pasti untuk menguji rangka kerja perancangan resolusi kami semasa latihan perintis dijalankan. Rangka kerja ini seterusnya, akan diperhalusi untuk memastikan keperluan perancangan resolusi PIDM bagi semua institusi ahli adalah efektif dan boleh dipraktikkan. Dari semasa ke semasa, pembangunan rancangan ini akan mencerminkan risiko institusi, serta menentukan tindakan dan tempoh masa bagi menangani halangan ke arah kebolehseslesaian.

Pada tahun 2017, kami telah menjalankan satu lagi simulasi pembayaran balik. Menerusi khidmat pemerhati bebas, kami menguji semua aspek kesediaan pembayaran balik kami. Ini termasuk

penyelarasan pasca-pembayaran, komunikasi dan pembiayaan serta interaksi dengan sebuah bank ahli hipotetikal. Pada masa hadapan, kami akan terus menjalankan simulasi termasuk menguji komunikasi antara agensi. Kami juga merancang untuk mengkaji lebih lagi cara-cara inovatif yang boleh dilaksanakan dalam menguruskan pembayaran kepada pendeposit.

Kami juga telah membangunkan strategi capaian pemegang kepentingan yang menyeluruh, agar usaha kami lebih bersepadu dan terselaraskan dengan lebih baik lagi dalam organisasi. Kami sedar cabaran dalam memastikan kestabilan sistem kewangan adalah perkara yang dihadapi oleh beberapa pihak berkuasa, dan kami memerlukan kerjasama dalam kalangan pelbagai pemegang kepentingan. Oleh yang demikian, rancangan kami melibatkan perundingan dan komunikasi yang lebih mendalam, terutamanya bagi perancangan resolusi. Kami berharap dapat bekerjasama dengan lebih efektif lagi dengan pemegang kepentingan utama kami – yang kami anggap sebagai rakan kongsi strategik – ke arah objektif yang sama, iaitu menyokong kestabilan sistem kewangan.

Kami juga meneruskan usaha kami untuk memastikan kesedaran awam mengenai PIDM dan sistem perlindungan yang kami tadbir. Kami mendapati bahawa tahap kesedaran awam telah menunjukkan petanda titik tepu. Susulan laporan kaji selidik dan kajian tingkah laku konsumen kami, kami menyemak semula rancangan komunikasi kami untuk mengambil perspektif lebih berjangka panjang supaya kami dapat mencapai tahap kesedaran awam dan pemahaman yang lebih tinggi dan mapan.

SENTIASA ADA RUANG BAGI PENAMBAHBAIKAN

Prinsip kami, di PIDM, adalah sentiasa ada ruang untuk penambahbaikan.

Pada tahun 2017, PIDM menerima anugerah perak daripada *Australasian Reporting Awards* bagi Laporan Tahunan 2015. Pada masa lalu, kami menerima beberapa anugerah daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*).

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

RAFIZ AZUAN ABDULLAH

Walaupun begitu, kami terus berusaha untuk menambah baik laporan kami. Menerusi laporan ini, kami menyasar untuk menjadikan ia lebih mudah dibaca dan lebih menyeluruh. Kami menyasarkan penyampaian laporan yang ringkas dan padat tetapi relevan serta lebih teratur. Ini kerana kami mahu pemegang kepentingan kami faham dengan lebih jelas peranan yang telah dimainkan oleh PIDM, mengapa, dan bagaimana PIDM menambah nilai kepada kestabilan sistem kewangan.

Kami amat menyedari bahawa kami menggalas tanggungjawab kepada orang awam dan kepada pemegang kepentingan kami. Kami akan terus berusaha untuk mencapai mandat kami dengan cara terbaik yang boleh kami lakukan.

Mencapai tahap operasi yang lebih cekap di samping mengekalkan objektif PIDM juga merupakan teras utama kami dalam melaksanakan usaha kami bagi tempoh beberapa tahun akan datang.

Bagi kami, kepercayaan pemegang kepentingan utama kami juga adalah kritikal kepada keupayaan kami untuk memenuhi mandat kami secara efektif.

PENGHARGAAN

Pada awal tahun 2017, kami menyaksikan persaraan Encik George Anthony David Dass dan mengalu-alukan kedatangan Encik Johan Mahmood Merican serta Puan Gloria Goh. Kami juga merasai kehilangan khidmat Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias dan Encik Jean Pierre Sabourin, yang telah bersara pada Ogos 2017. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada individu-individu ini yang telah membina aras kukuh bagi PIDM dan memastikan kelancaran perubahan dalaman. Sudah tentunya juga sokongan semua Ahli Lembaga Pengarah kami, termasuk mantan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran, Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad, yang bersara pada Januari 2018.

Saya sukacitanya ingin mengalu-alukan Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, dengan pengalaman kepimpinannya yang meluas, sekali lagi sebagai Ahli Lembaga Pengarah kami, dan kali ini sebagai Pengerusi baharu kami.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan dan kakitangan PIDM atas sokongan padu dan yang tidak berbelah bahagi. Keputusan kaji selidik kakitangan terbaharu PIDM pada Disember 2017, menunjukkan tahap keterlibatan yang tinggi pada 88%. Bagi tahun 2017, meskipun jumlah kakitangan kami yang kecil, ramai yang menawarkan diri untuk menyertai sukan antara agensi dan aktiviti berkaitan yang merupakan sebahagian daripada aktiviti penglibatan dengan pemegang kepentingan kami. Saya kagum dengan semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan dan kesediaan untuk menyertai aktiviti di luar daripada bidang tugas mereka. Saya percaya ini mencerminkan tatacara kami bekerja di PIDM dan saya ingin berterima kasih kepada mereka atas dedikasi yang ditunjukkan.

Saya berasa optimistik mengenai masa hadapan. Menerusi sokongan Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya yakin 1 lagi tahun yang penuh cabaran dan perubahan dapat dilalui dengan jayanya.



Rafiz Azuan Abdullah



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN


BAHAGIAN 3

Persekitaran Operasi
Tinjauan Prestasi
Tinjauan Kewangan

PERSEKITARAN OPERASI

PIDM sentiasa mengenal pasti dan menilai risiko utama yang mesti diurus bagi membolehkan PIDM mencapai objektifnya (rujuk halaman 87 untuk perbincangan yang lebih terperinci mengenai risiko-risiko PIDM). PIDM juga membangunkan pelan tindakan untuk menangani risiko-risiko yang dikenal pasti. Pelan tindakan ini digabungkan sebagai sebahagian daripada inisiatif utama PIDM dan boleh didapati secara umum dalam rancangan korporat.

Bagi tahun 2017, dan seterusnya, inisiatif utama PIDM terus diselaraskan dengan 3 keutamaan strategik jangka panjang berikut, yang dikenal pasti sejak 2016:



Tinjauan keadaan ekonomi dan institusi ahli. PIDM memantau secara berterusan keadaan ekonomi dan prestasi institusi ahlinya. Penilaian terhadap keadaan institusi ahli dan prospek serta risiko mereka bagi masa hadapan boleh didapati di Bahagian 4 – Tinjauan Keahlian (di halaman 66). Bagi tahun 2018, institusi ahli dijangka terus mengekalkan asas yang teguh, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang mantap, serta kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh.

RISIKO UTAMA

PIDM telah menjalankan satu penilaian “kepentingan” bersama pengurusan kanan. Berikutan daripada penilaian ini, PIDM mengenal pasti 3 bidang utama yang penting serta memberi impak kepada pemegang kepentingannya.

Berdasarkan penilaian tersebut, PIDM telah membangunkan beberapa keutamaan strategik, iaitu (a) berusaha ke arah rejim resolusi yang efektif bagi Malaysia, (b) menangani keperluan modal insan untuk kemampanan dan kejayaan masa hadapan, dan (c) meningkatkan penglibatan pemegang kepentingan dan mengekalkan tadbir urus yang baik.

Risiko kepada Kestabilan Sistem Kewangan


Memastikan kestabilan sistem kewangan. Risiko kepada sistem kewangan tidak dapat diketahui dengan pasti, dan krisis kewangan boleh berlaku dari semasa ke semasa. Pada masa ini, kesediaan krisis adalah merupakan aspek penting dalam mana-mana rangka sistem kestabilan kewangan. Sebuah rejim resolusi yang dirangka dengan baik – yang boleh menyokong pihak berkuasa dalam menangani institusi ahli yang tidak berdaya maju tanpa menyebabkan impak negatif terhadap kestabilan sistem kewangan – merupakan sebahagian daripada kesediaan krisis.

PIDM sudah mempunyai pelbagai instrumen penyelesaian resolusi dalam perundangannya. Walau bagaimanapun, terdapat aspek penting mengenai rejim resolusi semasa di Malaysia yang perlu dipertingkatkan untuk mengurangkan sebilangan risiko dan isu-isu berkaitan dengan krisis kewangan. Kekurangan maklumat yang mencukupi tentang potensi impak kegagalan sesebuah institusi kewangan yang kompleks terhadap kestabilan sistem kewangan ketika krisis adalah hanya salah satu daripada isu-isu ini.

Rejim resolusi efektif. Selaras dengan mandat kestabilan kewangan dan risiko yang berkaitan dengan krisis kewangan, PIDM bertanggungjawab untuk berusaha ke arah menyediakan rejim resolusi yang efektif bagi Malaysia. Peserta jaringan keselamatan kewangan, termasuk PIDM, mesti menangani kekurangan dalam perundangan atau halangan lain untuk memastikan resolusi institusi ahli dapat dilaksanakan secara teratur.

Perancangan resolusi untuk institusi ahli. Inisiatif utama PIDM adalah untuk memastikan supaya setiap institusi ahli mempunyai pelan resolusi tersendiri (inisiatif perancangan resolusi). Inisiatif perancangan resolusi juga akan memberikan peluang bagi institusi ahli untuk mengkaji semula serta menilai struktur dan operasi organisasi, meningkatkan kecekapan operasi, serta mengurangkan risiko.

Gambar rajah berikut menerangkan bagaimana PIDM mewujudkan nilai, dan komponen utama dalam rantaian nilainya.




Penambahbaikan bagi mewujudkan rejim resolusi yang benar-benar efektif adalah penting bagi menangani isu-isu resolusi yang pernah dialami, termasuk krisis kewangan global yang baru berlalu. Ini akan membantu mengurangkan risiko kegagalan yang meluas dan sistemik dalam sistem kewangan.

PERSEKITARAN OPERASI

Modal Insan

Model Modal Insan PIDM

"Pihak berkuasa resolusi harus mempunyai sumber yang mencukupi kepakaran, sumber dan keupayaan operasi untuk melaksanakan langkah-langkah resolusi yang berkaitan bagi firma besar dan kompleks." Klausula 2.5 daripada Ciri-Ciri Utama Rejim Resolusi Efektif bagi Institusi Kewangan yang diterbitkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan.



Cabaran model operasi. Model operasi PIDM tertumpu kepada tenaga kerja profesional yang pakar dalam bidang masing-masing. Sekiranya wujud keperluan, sumber luaran akan dilantik. PIDM perlu memastikan bahawa warga kerjanya mempunyai kecekapan dari segi tingkah laku dan teknikal yang diperlukan untuk melaksanakan keutamaan strategik, visi dan misi jangka panjangnya. Beberapa cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- (a) Memandangkan keunikan urusannya, PIDM telah banyak melabur dalam latihan dan pembangunan kakitangannya. Oleh sebab struktur organisasinya yang agak rata yang mengehadkan potensi perkembangan kerjaya, risiko utama yang telah dikenal pasti pada tahun-tahun kebelakangan ini adalah berkaitan dengan pengambilan, penglibatan dan pengekalan kakitangannya.
- (b) Risiko “kakitangan” diberi pengkadaran “meningkat”, sebahagiannya disebabkan oleh inisiatif perancangan resolusi PIDM yang memerlukan pemerolehan sumber yang mahir serta latihan intensif untuk kakitangan dalam bidang baharu.

Penyelarasan dengan pelan strategik jangka panjang. Pelan Strategik Modal Insan 2015 - 2020 PIDM telah dibangunkan untuk menyokong strategi dan pertumbuhan korporat PIDM. Antara strategi utama adalah untuk menjadikan pengurusan modal insan sebagai tanggungjawab bersama antara Bahagian Sumber Manusia dengan pengurus-pengurusnya. Dalam tempoh jangka panjang, pelaburan dalam modal insan dan intelektual serta cadangan nilai kakitangan yang jelas terus menjadi keutamaan dalam agenda PIDM.

Kecemerlangan modal insan. PIDM telah memulakan usahanya ke arah menjadi sebuah organisasi pembelajaran, yang mana kakitangannya berkemahiran untuk mewujudkan, memperoleh dan berkongsi pengetahuan. Asas-asas kukuh yang dicadangkan untuk menjayakan aspirasi sedemikian adalah: (a) persekitaran yang menyokong pembelajaran, (b) proses pembelajaran mantap, dan (c) pemimpin yang menekankan budaya pembelajaran dalam organisasi. Pewujudan organisasi pembelajaran juga merupakan sebahagian daripada strategi modal insan PIDM untuk kemapanan PIDM.

Mendekati Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat

“Mencapai hasil pengawalseliaan yang baik biasanya merupakan usaha secara bersama: oleh kerajaan, dalam kalangan pengawal selia, pihak yang dikawal selia, dan komuniti yang lebih luas ...”¹
 Amalan Terbaik bagi Polisi Kawal Selia Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (Organisation for Economic Co-operation and Development – OECD) – Tadbir Urus Pengawal Selia, 29 Julai 2014.

Pemegang kepentingan. Sepanjang beberapa tahun, PIDM telah menjalankan usaha penglibatan bersama pelbagai pemegang kepentingannya, yang merangkumi orang awam, institusi ahli dan pihak berkuasa yang berkaitan. Untuk mencapai kefahaman yang mencukupi mengenai industri dan impak polisi atau peraturan yang dicadangkan, PIDM berkomunikasi dengan pihak industri untuk mendapatkan maklum balas dan menangani sebarang kebimbangan. Melangkah ke hadapan, memandangkan keutamaan adalah untuk membentuk rejim resolusi yang efektif, penglibatan erat dan komunikasi dengan institusi ahli dan pembuat keputusan utama adalah amat penting.

¹ Halaman 15

PERSEKITARAN OPERASI

Program penglibatan pemegang kepentingan utama PIDM adalah seperti berikut:

Kumpulan Pemegang Kepentingan	Platform Penglibatan
Dalaman	
Kakitangan	• Aktiviti dan program keterlibatan • Program latihan • Polisi dan prosedur • Komunikasi melalui pelbagai saluran, contohnya, sesi taklimat umum, komunikasi melalui emel, buletin dalaman dan intranet • Kaji selidik
Luaran	
Kementerian dan agensi kawal selia	• Perjanjian, contohnya, Perjanjian Perikatan Strategik bersama Bank Negara Malaysia • Mesyuarat • Perundingan
Institusi ahli dan persatuan industri berkaitan	• Mesyuarat / taklimat • Perundingan • Laman web
Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans	• Memorandum persefahaman • Mesyuarat • Seminar / persidangan • Laman web
Penyedia perkhidmatan dan rakan strategik utama	• Mesyuarat
Orang awam / masyarakat	• Kaji selidik • Taklimat • Pameran / jerayawara • Iklan • Program pendidikan • Laman web

Keyakinan awam. Kesedaran dan keyakinan awam terhadap PIDM adalah penting agar PIDM mencapai mandatnya, termasuk menggalak dan menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. Oleh itu, PIDM terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengekalkan tahap kesedaran yang baik dan untuk meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai peranannya dalam sistem kewangan di Malaysia.

Bahagian berikut menyediakan gambaran keseluruhan pencapaian utama PIDM, prestasi kewangan dan rancangannya bagi tempoh 2018 - 2020, berbanding 3 keutamaan strategiknya.

Secara keseluruhan, PIDM telah mencapai kesemua inisiatifnya bagi tahun 2017 sejajar dengan Rancangan Korporat 2017 - 2019, kecuali 1 inisiatif sistem teknologi maklumat yang telah diberi keutamaan semula kerana menunggu cadangan perubahan kepada peraturan yang berkaitan dengan inisiatif tersebut (rujuk nota 5 di halaman 42). Ketiga-tiga tahap kesedaran awam berbanding sasaran mencatat perbezaan marginal seperti yang dijelaskan di halaman 36 dan 37. PIDM juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif ini menurut rancangan kewangan 2017 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

KEUTAMAAN STRATEGIK – REJIM RESOLUSI EFEKTIF

Perancangan resolusi merupakan aspek penting dalam membentuk rejim resolusi yang efektif. Rejim resolusi yang efektif membolehkan institusi kewangan menjalani proses resolusi tanpa gangguan sistemik yang serius, di samping melindungi dana awam, mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan, dan mengehadkan bahaya moral. Salah satu aspek rejim ini ialah pewujudan rancangan pemulihan dan resolusi bagi semua institusi ahli. Pada tahun 2017, PIDM dan Bank Negara Malaysia telah mewujudkan satu rangka kerja polisi untuk melaksanakan perancangan pemulihan dan resolusi bagi institusi-institusi kewangan di Malaysia. Inisiatif bersama ini memastikan pendekatan bersepadu dan efektif ke arah melaksanakan perancangan pemulihan dan resolusi di Malaysia. Fasa pertama perancangan ini melibatkan pelancaran latihan perancangan pemulihan perintis oleh Bank Negara Malaysia pada Julai 2017 untuk bank-bank perintis terpilih.

Huraian mengenai kemajuan berbanding dengan rancangan bagi tahun 2017 dan rancangan ke arah pelaksanaan garis panduan berkaitan dengan perancangan resolusi akhir untuk institusi ahli bagi tempoh 3 tahun akan datang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Perancangan resolusi	- Menganjurkan seminar industri bersama Bank Negara Malaysia mengenai perancangan pemulihan dan resolusi untuk pengarah dan pengurusan kanan kumpulan perbankan pada Julai 2017 untuk menggariskan kepentingan perancangan ini, kehendak pihak kawal selia dan pelan tindakan strategik untuk pelaksanaannya di Malaysia, termasuk program perintis dan perundingan industri. - Penglibatan dengan bank-bank perintis, bersama Bank Negara Malaysia, untuk memastikan pelaksanaan perancangan pemulihan dan resolusi perintis yang efektif. - Penglibatan berterusan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, di dalam dan di luar negara, bagi kerjasama, pertukaran dan penyelarasan maklumat ketika perancangan resolusi untuk entiti yang relevan, serta mewujudkan protokol yang relevan ketika resolusi.	- Menjalankan latihan perintis perancangan resolusi. Berdasarkan hasil program perintis dan perundingan industri, PIDM akan mempertingkatkan rangka kerja berkaitan perancangan dan metodologi resolusi. - Membangun cadangan polisi dan mengesyorkan pindaan perundangan yang diperlukan bagi perancangan resolusi.
Pengedaran kebolehsesediaan	Memulakan kaji selidik mengenai rangka kerja dan metodologi pengedaran kebolehsesediaan.	Membangun rangka kerja dan metodologi pengedaran kebolehsesediaan.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2019 untuk butiran lanjut

"Penginsurans deposit mengambil bahagian dalam perancangan kontingensi dan latihan simulasi secara berkala berkaitan dengan kesediaan dan pengurusan krisis seluruh sistem yang melibatkan semua peserta jaringan keselamatan." Kriteria Penting 4, Prinsip 6 Prinsip-Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif yang dikeluarkan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa.

PIDM berusaha untuk memastikan kesediaan operasi pada tahap tinggi. Memastikan kesediaan operasi untuk sebarang intervensi atau resolusi institusi ahli sentiasa menjadi sebahagian daripada rancangan PIDM. PIDM akan terus berusaha memastikan bahawa resolusi, termasuk pembayaran semula, jika ada, akan dijalankan dengan segera dan efektif, serta memenuhi keperluan mereka yang dilindungi sebaik mungkin. Sepanjang tahun 2017, PIDM terus berusaha untuk memastikan ia telah mengemas kini dan menguji semua sistem dan infrastruktur untuk tujuan tersebut. Secara khusus, PIDM telah menjalankan satu simulasi untuk proses menyeluruh bagi pembayaran balik dalam 3 hari, termasuk pelarasan pasca-pembayaran, komunikasi dan pembiayaan. Simulasi pembayaran tersebut memenuhi objektif utamanya, iaitu kejayaan pelaksanaan pembayaran balik dalam 3 hari oleh bank ahli hipotetikal. Simulasi ini juga membolehkan PIDM mengenal pasti isu-isu operasi dan praktikal yang mungkin berlaku serta menyediakan latihan kerja untuk kakitangan yang mengambil bahagian.



Pencapaian utama PIDM pada tahun 2017 dan rancangan masa hadapan dari segi kesediaan adalah seperti berikut.

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Intervensi dan resolusi kegagalan	- Menjalankan simulasi pembayaran balik, untuk proses pembayaran balik dalam 3 hari termasuk pelarasan pasca-pembayaran, komunikasi dan pembiayaan bagi sesebuah bank ahli hipotetikal. - Membangunkan model penilaian bagi penaksiran yang pantas dan efektif bagi kos kuantitatif resolusi sesebuah institusi ahli. Model penilaian tersebut memudahkan penentuan oleh PIDM mengenai pilihan kuantitatif "resolusi kos paling rendah". - Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium bagi tujuan menentukan pembayaran balik premium yang belum diperoleh bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans dan Sistem Pengurusan Tuntutan untuk memantau tuntutan dan jumlah yang perlu dibayar kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku sesuatu pembayaran balik. - Mengeluarkan Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Terma dan Syarat Keanggotaan) (Pindaan) 2017 kepada institusi ahli untuk memastikan terma-terma kekal terkini dan relevan, dan mengambil kira keperluan khusus insurans bagi mencerminkan ciri-ciri unik industri. - Mengeluarkan Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2017 kepada bank ahli untuk mengukuhkan petunjuk pembiayaan bagi mencerminkan dengan lebih baik penilaian profil pembiayaan bank ahli.	- Menjalankan simulasi mini dan latihan simulasi antara agensi. - Menyempurnakan pembangunan Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi, untuk mengekalkan butiran pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku proses pembayaran balik, dan Sistem Pengurusan Pembayaran untuk memproses pembayaran kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.
Pembiayaan	- Membangunkan dana sasaran bagi kumpulan dana takaful, iaitu dana yang diperlukan secukupnya untuk menampung kerugian bersih yang dijangkakan timbul daripada mana-mana aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. - Membangunkan rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai bagi memastikan perancangan pembiayaan mudah tunai yang holistik semasa resolusi.	- Memuktamadkan pengaturan pembiayaan mudah tunai yang dikenal pasti atau dirancang. - Mengkaji semula asas dan metodologi bagi dana sasaran dan penilaian premium sejajar dengan rangka kerja perancangan resolusi.

*Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2018, program perintis perancangan resolusi bagi bank-bank ahli yang berkaitan akan bermula berikutan penyempurnaan program perintis perancangan pemulihan. Menerusi proses ini, bank-bank perintis berpeluang untuk memberi maklum balas berhubung keperluan perancangan resolusi sebelum keperluan tersebut dilaksanakan kepada seluruh industri.

PIDM akan mengadakan penglibatan bersama institusi ahli dan peserta jaringan keselamatan kewangan sepanjang proses perancangan resolusi. Institusi ahli – yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai perniagaan dan operasi mereka – memainkan peranan kritikal dalam proses perancangan resolusi. Melalui penglibatan yang kerap, PIDM akan bekerjasama dengan institusi ahli untuk membangunkan pelan resolusi mereka, bagi memastikan rancangan tersebut boleh dilaksanakan dan boleh dipercayai, serta halangan-halangan kepada kebolehsesediaan dapat diatasi. PIDM juga akan terus mengukuhkan kesedaran dalam kalangan pemegang kepentingan utama mengenai perancangan resolusi melalui pelbagai saluran termasuk Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan anjuran Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif.

Pada masa yang sama, PIDM akan terus berusaha untuk meningkatkan kesediaan operasi. Simulasi mini untuk menguji aspek kesediaan lain untuk intervensi dan resolusi juga akan dijalankan pada tahun 2018. PIDM juga akan memantau persediaan untuk simulasi antara agensi. PIDM juga mengkaji kebolehlaksanaan proses pembayaran balik yang lancar menggunakan platform pembayaran elektronik dan kaedah pengesahan pendeposit untuk membolehkan kaedah pembayaran balik yang lebih efektif kepada pendeposit ke atas deposit yang diinsuranskan.

KEUTAMAAN STRATEGIK – PENGURUSAN STRATEGIK MODAL INSAN

Terdapat kemajuan dalam usaha PIDM terhadap matlamat bagi pelan strategik modal insan. Pelan Strategik Modal Insan 2015 - 2020 PIDM menyediakan rangka tindakan peringkat tinggi bagi penambahbaikan berterusan dan hala tuju bagi menangani keperluan, aliran dan cabaran jangka panjang modal insan. Matlamat utama termasuk:

- (a) mengekalkan keterlibatan kakitangannya;
- (b) memastikan PIDM sentiasa mengawasi hal-hal berkaitan modal insan; dan
- (c) berusaha ke arah sebuah organisasi pembelajaran.

Di PIDM, pengurusan modal insan termasuk penglibatan dan pengekalan kakitangan merupakan tanggungjawab bersama antara Bahagian Sumber Manusia PIDM dan para pengurusnya.

Kejayaan peralihan kepimpinan peringkat atasan. Pada tahun 2017, PIDM memberi tumpuan kepada pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif yang dipimpin oleh Lembaga Pengarah. Peralihan lancar dalam kepimpinan telah berjaya dilaksanakan, dengan pelantikan seorang calon dalaman PIDM sebagai Ketua Pegawai Eksekutif oleh Menteri Kewangan pada Ogos 2017.

Kecekapan kepimpinan yang unik dan terkini telah dibangunkan. PIDM juga mengkaji semula dan mengemas kini model kecekapan dan kemahirannya, sebagai asas bagi PIDM untuk menyelaraskan strategi modal insannya yang lain. Khususnya, PIDM telah mengenal pasti kecekapan kepimpinan yang unik bertujuan untuk memastikan bahawa PIDM membangunkan para pemimpin sejajar dengan perubahan dalam keperluan PIDM. Ketua-ketua Bahagian terus terlibat dengan Bahagian Sumber Manusia bagi memastikan keperluan modal insan pasukan mereka dipenuhi dengan sewajarnya dan mereka terus komited dan bermotivasi.

PIDM terus mengusahakan aspek strategi penglibatannya. PIDM menggalakkan kakitangannya untuk mengurus kerjaya mereka secara aktif dan mengenal pasti peluang kerjaya dalaman. PIDM juga berusaha untuk memberi peluang bagi pergerakan kerjaya dalam PIDM dan membantu kakitangan yang berminat untuk mempelajari bidang lain dengan lebih lanjut. Menerusi inisiatif perancangan resolusi, kakitangan juga berpeluang untuk memperkembangkan kepakaran mereka dalam bidang baharu. Pada tahun 2017, bagi perancangan resolusi, PIDM telah membangunkan laluan berstruktur yang memberi peluang kepada kakitangan untuk menguruskan kerjaya mereka (program kerjaya).

Pencapaian utama PIDM pada tahun 2017 dan rancangan masa hadapan dari segi pengurusan modal insan adalah seperti berikut.

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Kecekapan, kepimpinan dan pembangunan kakitangan	- Menyempurnakan kajian semula terhadap model kecekapan PIDM, yang menyokong strategi pengambilan, pembangunan dan keterlibatan kakitangan PIDM: - memperkenalkan instrumen penilaian kepimpinan dan tenaga kerja dengan kecekapan kepimpinan yang dikemas kini, yang memenuhi jangkaan keperluan PIDM yang berubah-ubah. - mengemas kini atau membangunkan takrifan kecekapan mengikut bahagian, yang memenuhi jangkaan keperluan PIDM yang berubah-ubah. - Meneruskan pembangunan kakitangan melalui latihan profesional, teknikal, kemahiran insaniah dan latihan sambil bekerja: - purata bilangan hari latihan bagi setiap kakitangan pada tahun 2017 berjumlah 10.8 hari. 29% daripada jumlah latihan yang disediakan adalah berkaitan latihan teknikal, 44% dan 27% masing-masing berkaitan kemahiran insaniah dan lain-lain seperti keselamatan dan kesihatan.	- Melaksanakan penilaian secara menyeluruh bagi setiap kakitangan dan kekuatan kumpulan dengan tujuan mengoptimumkan tenaga kerja dalaman. - Menyepadukan model kecekapan yang dipertingkatkan dengan strategi modal insan lain yang berkaitan, termasuk pengurusan tenaga kerja. - Membangun dan melaksanakan kurikulum khusus bagi PIDM. Ini termasuk kurikulum latihan menyeluruh bagi perancangan resolusi.
Keterlibatan kakitangan	- Mencapai 88% dalam Indeks Keterlibatan Mapan, berbanding sasaran, iaitu 80%. - terus menggalakkan keterlibatan aktif kakitangan menerusi pelbagai platform. Aktiviti pada tahun 2017 termasuk sesi taklimat umum setiap suku tahun, sambutan hari perayaan dan hari jadi, aktiviti berpasukan serta aktiviti kesihatan dan kesejahteraan. - program saringan kesihatan tahunan ditawarkan kepada kakitangan berserta komunikasi secara berkala mengenai hal-hal keselamatan dan kesihatan kepada semua kakitangan. - kelab rekreasi, yang dikenali sebagai Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM, telah ditubuhkan bagi membolehkan kakitangan mengambil bahagian, antara lain, dalam acara sukan bersama pemegang kepentingan lain serta antara kakitangan.	- Menetapkan tanggungjawab yang jelas bagi pengurusan modal insan (termasuk keterlibatan dan pengurusan tenaga kerja) dalam sistem pengurusan prestasi keseluruhan. - Terus melaksanakan inisiatif untuk mencapai Indeks Keterlibatan Mapan sebanyak 80% dalam kaji selidik kepuasan kerja kakitangan yang seterusnya.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

TINJAUAN PRESTASI

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Keterlibatan kakitangan	- Kelab Toastmasters juga telah ditubuhkan bagi membolehkan kakitangan meningkatkan kemahiran menyampaikan pembentangan dan ucapan. - memberi anugerah pengiktirafan dan ganjaran kepada 9 kakitangan. - menerbitkan 3 keluaran surat berita dalam untuk komunikasi dengan kakitangan. • Melaksanakan inisiatif dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat seperti berikut: - pungutan derma untuk Pusat Jagaan Orang-orang Kurang Upaya dan Terbiar Lovely. - program celik kewangan untuk golongan kurang upaya pendengaran. - mengadakan sambutan perayaan utama bersama golongan yang kurang bernasib baik. - mengambil bahagian dalam acara tahunan Larian Bursa Bull Charge (<i>Bursa Bull Charge Run</i>) untuk mengumpul dana bagi Yayasan Bursa Malaysia, untuk diedarkan kepada badan kebajikan yang membantu golongan kurang upaya, para belia, golongan kurang bernasib baik dan ibu-ibu tunggal. - tajaan hadiah untuk Hari Pediatrik anjuran Hospital Rehabilitasi Cheras. - menjalankan kerja sukarela ketika Sambutan Akhir Tahun Pertubuhan Pertolongan Wanita (<i>Women's Aid Organisation – WOA</i>) 2017, yang dianjurkan bagi bekas penghuni dan penghuni semasa.	
Keterlibatan kakitangan melalui program kerjaya	• Menyempurnakan pembangunan program kerjaya bagi 3 bahagian, untuk menyediakan peluang bagi pembangunan dan kemajuan kerjaya serta mengekalkan tenaga kerja utama.	• Menyempurnakan pelaksanaan program kerjaya.
Organisasi pembelajaran	• Melaksanakan strategi untuk membangunkan organisasi pembelajaran, yang tertumpu kepada (a) mewujudkan persekitaran sokongan pembelajaran, (b) menerapkan budaya pembelajaran dalam proses PIDM, dan (c) pengukuhan dan sokongan daripada pucuk kepimpinan: Budaya - menubuhkan pasukan petugas organisasi pembelajaran untuk menerajui inisiatif organisasi pembelajaran. - melaksanakan projek penjanaan idea untuk penambahbaikan organisasi.	• Melaksanakan pelan strategik pengurusan pengetahuan yang dibangunkan pada tahun 2017. Pelan ini membimbing pemerolehan dan pemindahan pengetahuan yang efektif dalam kalangan kakitangan PIDM.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Organisasi pembelajaran	Proses - melatih kakitangan sebagai fasilitator untuk sesi ulasan selepas tindakan, yang kini dijadikan sebagai amalan dalam projek utama. - menerbitkan e-buku korporat PIDM bagi memelihara pengetahuan dan maklumat korporat. - membangunkan pelan strategik pengurusan pengetahuan yang membimbing pemerolehan, pemahaman dan pemindahan pengetahuan secara efektif dalam kalangan kakitangan PIDM.	• Terus memantapkan budaya pembelajaran dan mewujudkan lebih banyak proses untuk menyokong persekitaran pembelajaran.

Melangkah ke Hadapan

PIDM akan meneruskan pembangunan kepimpinannya, berdasarkan hasil penilaian kepimpinan yang dijalankan pada tahun 2017 sebagai poin data, dengan tumpuan untuk menyelaraskan kecekapan kepimpinan semasa dengan kecekapan yang dikenal pasti bagi PIDM.

Bagi tahun 2018, PIDM akan meneruskan usahanya untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi memastikan keterlibatan kakitangan yang mapan dan pengekalan tenaga kerja utama melalui beberapa cara, termasuk:

- akauntabiliti kepimpinan yang jelas bagi keterlibatan dan pengekalan tenaga kerja. Ini akan diperkukuh melalui sistem pengurusan prestasi keseluruhan;
- PIDM akan memulakan program kerjaya yang dibangunkan pada tahun 2017, dan memastikan latihan teknikal yang mencukupi untuk kakitangan yang berkaitan termasuk mereka yang terlibat dalam inisiatif perancangan resolusi, sebagai persediaan untuk pelaksanaan garis panduan perancangan resolusi di peringkat industri pada tahun 2020. Program kerjaya bagi kakitangan di bahagian lain juga akan disediakan; dan
- komunikasi dan penglibatan berterusan bersama kakitangan, antara lain, melalui sesi taklimat umum, kerja berpasukan dan sambutan perayaan.

PIDM juga akan meneruskan usaha pembinaan modal intelektual melalui inisiatif organisasi pembelajarannya. Pada tahun 2018, PIDM akan memulakan pelaksanaan pelan strategik pengurusan pengetahuan PIDM yang dibangunkan pada tahun 2017. E-buku korporat PIDM akan menjadi asas bagi pembangunan aspek-aspek khusus dalam kurikulum PIDM untuk dibangunkan pada tahun 2018.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

KEUTAMAAN STRATEGIK – MENDEKATI PEMEGANG KEPENTINGAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

“Untuk melindungi pendeposit dan menyumbang kepada kestabilan kewangan, adalah penting bagi orang awam dimaklumkan secara berterusan mengenai manfaat dan had-had perlindungan sistem insurans deposit.” Prinsip 10 Prinsip-Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif yang dikeluarkan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa.

PIDM terus melaksanakan program kesedaran awamnya. Pada tahun 2017, PIDM melaksanakan program kesedaran awamnya melalui pelbagai saluran dan memperoleh impak positif. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk pengiklanan yang menampilkan bahan kreatif kartunis Lat melalui pelbagai saluran, platform digital, papan iklan elektronik, 8 siaran media serta 3 penglibatan bersama media. PIDM juga membangunkan modul pembelajaran melalui video dan dalam talian untuk melengkapkan para belia dengan pengetahuan mengenai pengurusan kewangan asas dan untuk mewujudkan kesedaran tentang PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM juga meneruskan aktiviti penglibatan bersama pemegang kepentingannya yang lain seperti yang dinyatakan di halaman berikut.

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*																
Komunikasi dan kesedaran awam	Tahap kesedaran awam yang lebih rendah berbanding sasaran:<table><tr><th>Tahap Kesedaran</th><th>Sebenar 2016</th><th>Sebenar 2017</th><th>Sasaran 2017</th></tr><tr><td>PIDM</td><td>59%</td><td>62%</td><td>63%</td></tr><tr><td>Sistem Insurans Deposit</td><td>50%</td><td>49%</td><td>53%</td></tr><tr><td>Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans</td><td>34%</td><td>37%</td><td>38%</td></tr></table>	Tahap Kesedaran	Sebenar 2016	Sebenar 2017	Sasaran 2017	PIDM	59%	62%	63%	Sistem Insurans Deposit	50%	49%	53%	Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	34%	37%	38%	- Membangun dan melaksanakan kandungan dan bahan baharu bagi kesedaran awam dan pemahaman yang lebih meluas. - Mempertingkatkan titik hubungan awam menerusi penglibatan turun padang dan kemunculan dalam media. - Memanfaatkan media sosial sebagai saluran untuk mencapai audiens sasaran yang berbeza.
	Tahap Kesedaran	Sebenar 2016	Sebenar 2017	Sasaran 2017														
PIDM	59%	62%	63%															
Sistem Insurans Deposit	50%	49%	53%															
Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	34%	37%	38%															
	- secara amnya, terdapat peningkatan dalam tahap kesedaran secara keseluruhan berbanding tahun 2016, kecuali Sistem Insurans Deposit, yang menunjukkan penurunan marginal. - peningkatan tahap kesedaran ini berikutan daripada kejayaan kempen pengiklanan PIDM 2017, khususnya iklan radio dan cetak. Kempen pengiklanan PIDM juga mempunyai impak positif terhadap tingkah laku dan sikap berkaitan kewangan, yang mana lebih ramai responden menyatakan bahawa mereka lebih mengetahui keperluan untuk menabung dan memahami manfaat perlindungan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. - penguatkuasaan peraturan maklumat, yang menetapkan bank-bank ahli untuk menyediakan pendeposit dengan maklumat mengenai perlindungan insurans deposit dan skop perlindungan bagi produk deposit mereka, telah menyokong kesedaran umum tentang peranan PIDM dan sistem perlindungannya.																	

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Komunikasi dan kesedaran awam	- kesedaran mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menunjukkan peningkatan yang mantap, khususnya dalam kalangan pemilik polisi insurans. PIDM menjangka untuk menyaksikan pertumbuhan berterusan kesedaran mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dari semasa ke semasa, memandangkan kewujudan sistem ini adalah agak baru, iaitu kurang daripada 10 tahun. - berbanding sasaran, tahap kesedaran yang dicapai pada tahun 2017 adalah lebih rendah. Laporan penyelidikan pengguna menyatakan keperluan untuk memperbaharui bahan iklan dan memastikan peruntukan risalah dan maklumat yang lebih baik mengenai PIDM semasa pembukaan akaun baharu di cawangan bank ahli.	
Penglibatan pemegang kepentingan	• Bank Negara Malaysia: terus bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia termasuk mengenai hal-hal perancangan pemuliharaan dan resolusi, pembiayaan dan polisi. • Kementerian: mengadakan mesyuarat dengan Kementerian Kewangan mengenai pembiayaan, pindaan perundangan dan pelbagai hal-hal polisi. • Institusi ahli dan persatuan industri berkaitan: - mengadakan Mesyuarat Tahunan 2017 dengan Pegawai Perhubungan pada Mac 2017 untuk memaklumkan inisiatif baharu. - mengadakan sesi taklimat mengenai perancangan resolusi kepada Ketua Pegawai Risiko bank-bank ahli. - mengadakan sesi mesyuarat dan perundingan dengan institusi ahli untuk mendapatkan maklum balas mengenai inisiatif yang mungkin memberi kesan kepada industri, termasuk topik seperti kajian semula skop dan had manfaat yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, portal industri dalam talian PIDM dan cadangan peningkatan keperluan pendedahan mengenai manfaat dan had perlindungan Sistem Insurans Deposit. - menjalin hubungan kerja dengan pengurusan kanan persatuan industri, iaitu Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia, untuk mengukuhkan hubungan bersama. - sejumlah 42 sesi taklimat dijalankan untuk kakitangan dan ejen institusi ahli mengenai sistem perlindungan konsumen kewangan.	• Meneruskan pelaksanaan strategi penglibatan bersama pemegang kepentingan yang menyeluruh yang dibangunkan pada tahun 2017. • Mengadakan penglibatan yang kerap dengan institusi ahli mengenai pembangunan pelan resolusi dan penilaian kebolehsesediaan institusi ahli. • Melaksanakan memorandum persefahaman dengan pihak berkuasa asing untuk memudahkan kerjasama rentas sempadan dan pertukaran maklumat yang efektif berkenaan mana-mana pelan resolusi dan pada masa berlakunya resolusi.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Penglibatan pemegang kepentingan	• Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans: - terus mengambil bahagian secara aktif dalam seminar, persidangan dan mesyuarat Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers</i> - IADI) dan Forum Skim Jaminan Insurans Antarabangsa (<i>International Forum of Insurance Guarantee Schemes</i> – IFIGS). - menerima 5 kunjungan lawatan sambil belajar perwakilan daripada Bank of Zambia, Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia, (<i>Indonesia Deposit Insurance Corporation</i>), penginsurans deposit daripada rantau Afrika, State Bank of Pakistan dan Institut Pertanian Bogor (<i>Bogor Agricultural University</i>), Indonesia, membincangkan pelbagai topik berkaitan dengan infrastruktur teknologi maklumat, penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi kegagalan, perancangan pemulihan dan resolusi, serta sistem insurans deposit Islam PIDM. • Rakan strategik: terlibat secara proaktif dengan media melalui sesi hubungan kerja yang kerap bersama editor dan wartawan. • Orang awam atau komuniti: - mengadakan sejumlah 27 sesi taklimat kepada orang awam, komuniti, peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (<i>Federal Land Development Authority</i> – FELDA), pra-pesara dan pesara serta kakitangan Kerajaan, dengan kerjasama rakan strategik kami, Persekutuan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (<i>Federation of Malaysian Consumers Associations</i> – FOMCA) dan persatuan pesara. - mengambil bahagian dalam 3 acara Karnival Kewangan anjuran Bank Negara Malaysia. - mengambil bahagian dalam 13 pameran termasuk Malaysian Insurance Summit, Invest Smart, Hari Pengguna Malaysia dan lain-lain.	
Celik kewangan	• Jaringan Pendidikan Kewangan: dijemput untuk mengambil bahagian dalam Jaringan Pendidikan Kewangan, yang merupakan platform antara agensi untuk membangun dan menerbitkan strategi kebangsaan untuk celik kewangan yang bertujuan untuk meningkatkan pendidikan kewangan pada setiap peringkat hidup, iaitu kanak-kanak bersekolah, belia, orang dewasa yang bekerja dan pesara.	• Menyertai Jaringan Pendidikan Kewangan bagi perumusan dan pelaksanaan strategi kebangsaan untuk celik kewangan.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

Bidang	Pencapaian Utama bagi Tahun 2017	Rancangan bagi 2018 - 2020*
Celik kewangan	• Program celik kewangan: susulan daripada kajian kebolehlaksanaan yang menilai ketersediaan program celik kewangan semasa di Malaysia, PIDM telah mengenal pasti keperluan bagi program celik kewangan dalam golongan kurang upaya penglihatan, pendengaran dan pergerakan. Pada tahun 2017, PIDM menjalankan bengkel pengurusan wang dan perancangan kerjaya yang dirangka untuk golongan kurang upaya pendengaran di sekolah-sekolah terpilih di Malaysia.	• Bekerjasama dengan dan memanfaatkan rangkaian kerja dalam Jaringan Pendidikan Kewangan dan komuniti kewangan yang lebih besar bagi usaha lebih bersepadu dan jangkauan audiens sasaran yang lebih luas.
Tadbir urus korporat	• Terus menyokong FIDE FORUM, iaitu alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan bagi memanfaatkan rangkaian kerjanya, serta menjalinkan hubungan dengan para pengarah institusi kewangan mengenai perkara-perkara seperti perancangan resolusi. • Program biasiswa sarjana muda: diwujudkan pada tahun 2010, program biasiswa ini bermatlamat untuk menyumbang ke arah pembangunan modal insan negara. Pada tahun 2017, PIDM memberikan biasiswa kepada 20 pemegang biasiswa luaran.	• Memanfaatkan rangkaian kerja dan acara FIDE FORUM untuk mendekati pengarah institusi kewangan bagi menarik penglibatan mereka dengan inisiatif utama PIDM. • Terus menyediakan biasiswa kepada individu-individu yang layak dan memerlukan.

Melangkah ke Hadapan

PIDM akan meneruskan kempen kesedaran awam melalui pengiklanan dan mempertimbangkan penggunaan media sosial sebagai saluran untuk mendekati audiens sasaran yang berbeza. PIDM juga akan terus menyokong dan bekerjasama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan untuk menyokong inisiatif penting bagi menggalakkan celik kewangan dalam kalangan orang ramai.

Penglibatan pemegang kepentingan yang berterusan akan dilaksanakan. Pada tahun 2017, pihak Pengurusan telah membangunkan strategi penglibatan pemegang kepentingan yang menyeluruh untuk pendekatan strategik dan terselaras bagi penglibatan pemegang kepentingan, yang telah mula dilaksanakan. Pada tahun 2018, pihak pengurusan akan terus melaksanakan strategi ini dengan matlamat untuk meningkatkan kefahaman pemegang kepentingan luaran mengenai nilai yang disumbangkan oleh PIDM ke arah kestabilan sistem kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif PIDM telah dilantik untuk menganggotai Majlis Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa pada tahun 2017. Melangkah ke hadapan, PIDM akan terus memanfaatkan rangkaian antarabangsa ini untuk pembinaan hubungan kerja, termasuk untuk tujuan perancangan resolusi, serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

* Rujuk kepada Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020 untuk butiran lanjut

TINJAUAN PRESTASI

INISIATIF KORPORAT 2017

Secara keseluruhan, PIDM telah mencapai inisiatifnya bagi tahun 2017, kecuali 1 inisiatif sistem teknologi maklumat yang telah diberi keutamaan semula seperti yang dijelaskan dalam nota 5 di halaman 42. Ketiga-tiga tahap kesedaran awam berbanding sasaran mencatat perbezaan marginal seperti yang dijelaskan dalam halaman 36 dan 37. Inisiatif-inisiatif lain, yang merupakan usaha pembangunan berterusan yang melebihi tempoh 1 tahun, sedang dilaksanakan seperti dijadualkan. Semua inisiatif utama yang dirancang bagi tahun 2017 telah disempurnakan menurut rancangan kewangan yang diluluskan. Pencapaian kami diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2017 seperti berikut.

A Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

N Sasaran tidak dicapai, tersasar daripada tempoh penyempurnaan; dan / atau di bawah sasaran

P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

D Ditangguhkan disebabkan pengutamaan semula

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran 2017	Keputusan Dis 2017
-------------------	--------------------	--------------	--------------------



Pemegang Kepentingan

A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:		
	a. Kesedaran umum mengenai PIDM	63%	62% N
	b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	53%	49% N
	c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	38%	37% N
B Perkongsian efektif	2. Pelan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	A
	3. Hubungan PIDM dengan:		
	a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A
	b. Institusi ahli dan persatuan industri berkaitan	Memuaskan	A
	c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	A
	d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	A
	e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans	Kukuh	A
	f. Pemegang kepentingan utama lain	Memuaskan	A
	4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	A



Tadbir Urus dan Proses Dalaman

C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	5a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Pematuhan	A
	5b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	A
	5c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	A

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran 2017	Keputusan Dis 2017
 Tadbir Urus dan Proses Dalaman			
C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6a. Akta PIDM	Dikaji semula	P ¹
	i. Merangka draf berkaitan perancangan resolusi	Penyelidikan dan dibangunkan	P ¹
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh	7a. Model penilaian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Disempurnakan	A
	7b. Pelan strategik bagi kebolehseselesaian	Dibangunkan	P ²
	7c. Perancangan resolusi bagi institusi kewangan:		
	i. Rangka kerja dan garis panduan perancangan resolusi	Dikaji semula	P ³
	ii. Rangka kerja penilaian kebolehseselesaian	Dikaji semula	P ³
	iii. Rangka kerja dan metodologi pengedaran kebolehseselesaian bagi sistem premium berbeza	Penyelidikan	P ⁴
	7d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:		
	i. Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium	Dilaksanakan	A
	ii. Sistem Pengurusan Tuntutan	Dilaksanakan	A
	iii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Dibangunkan	D ⁵
	iv. Sistem Pengurusan Pembayaran	Dibangunkan	P ⁶
	7e. Peraturan-Peraturan:		
	i. Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji semula	P ⁷
	ii. Peraturan-peraturan terma dan syarat keahlian – Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	A
	7f. Program pematuhan institusi ahli dengan undang-undang PIDM bagi ahli penginsurans	Dibangunkan	A
	8. FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan dan sokongan aktif	A
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi:		
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A

TINJAUAN PRESTASI

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran 2017	Keputusan Dis 2017
 Tadbir Urus dan Proses Dalaman			
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A ⁸
	11. Pematuhan dan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	A
	12. Audit pengurusan	Dilaksanakan	P ⁹
	13a(i). Rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai – Rancangan pembiayaan alternatif	Dibangunkan	P ¹⁰
	13a(ii). Dana sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – kumpulan dana takaful	Dibangunkan	A
	13b. Pelan strategik teknologi maklumat tahunan	Disempurnakan	P ¹¹
	13c. Pusat pemulihan bencana dan infrastruktur	Diuji	A
	13d. Pengurusan keselamatan maklumat korporat	Dikekalkan	A
 Pembelajaran dan Pembangunan			
F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Pengurusan strategik modal insan	Dilaksanakan	A
G Persekitaran korporat yang kondusif	15. Indeks Keterlibatan yang Mapan (tinjauan dijalankan 2 tahun sekali untuk mengukur tahap keterlibatan kakitangan)	80%	A

¹ Semakan semula dan penggubalan pindaan undang-undang yang relevan berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

² Pembangunan kertas polisi berjalan lancar dan akan diteruskan pada tahun 2018 seperti yang dijadualkan.

³ Susulan selesainya draf pertama pada tahun 2016, semakan semula rangka kerja dan garis panduan akan menjadi proses berterusan untuk mengambil kira hasil daripada latihan perintis.

⁴ Usaha penyelidikan berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan diteruskan pada tahun 2018.

⁵ Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi adalah satu sistem yang akan menyokong PIDM untuk menyediakan butiran terperinci kepada pemilik polisi mengenai manfaat yang dilindungi dan tuntutan yang berkaitan, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Pembangunan Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi diutamakan semula bagi memenuhi cadangan perubahan kepada peraturan-peraturan PIDM mengenai manfaat yang dilindungi. Pengutamaan semula sistem ini juga akan membolehkan PIDM menguji data menerusi Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium dan Sistem Pengurusan Tuntutan yang telah disempurnakan pada tahun 2017.

⁶ Pembangunan sistem ini sedang berjalan lancar dan akan diteruskan pada tahun 2018.

⁷ Kajian semula peraturan-peraturan sedang berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

⁸ Perbezaan positif telah dicapai bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal.

⁹ Kerja audit sedang berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan diteruskan pada tahun 2018 dan 2019 sejajar dengan pelan audit yang diluluskan.

¹⁰ Rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai telah dibangunkan dan pelbagai rancangan bagi pembiayaan mudah tunai semasa resolusi berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

¹¹ Menyempurnakan inisiatif-inisiatif utama yang telah diberi keutamaan semula dalam pelan strategik teknologi maklumat. Pembangunan dan / atau pengukuhan sistem operasi yang melebihi tempoh setahun berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

TINJAUAN KEWANGAN

KEPUTUSAN OPERASI

	2017 Sebenar RM'000	2017 Bajet RM'000	Perbezaan sebenar berbanding Bajet		2016 Sebenar RM'000
			RM'000	%	
Hasil premium dan levi	474,338	482,000	(7,662)	(2)	468,245
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	101,080	103,000	(1,920)	(2)	89,191
Jumlah Pendapatan	575,418	585,000	(9,582)	(2)	557,436
Manfaat kakitangan	68,661	65,500	(3,161)	(5)	56,460
Perhubungan awam dan pengiklanan	8,795	11,500	2,705	24	10,853
Susut nilai hartanah dan peralatan	6,162	5,550	(612)	(11)	3,622
Pajakan operasi	6,066	6,045	(21)	*	6,048
Perbelanjaan lain	22,644	31,405	8,761	28	21,899
Jumlah Perbelanjaan	112,328	120,000	7,672	6	98,882
Lebih bersih operasi	463,090	465,000	(1,910)	*	458,554
Wang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	—	—	—	—	35,032
Lebih bersih bagi tahun semasa	463,090	465,000	(1,910)	*	493,586
Pendapatan komprehensif lain					
Pengukuran semula Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	(102)	—	(102)	(100)	—
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun Semasa	462,988	465,000	(2,012)	*	493,586

PERBELANJAAN MODAL

	2017 Sebenar RM'000	2017 Bajet RM'000	Perbezaan sebenar berbanding Bajet		2016 Sebenar RM'000
			RM'000	%	
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai pejabat	261	260	(1)	*	2,014
Peralatan pejabat dan sistem komputer	5,720	6,640	920	14	5,091
Kenderaan motor	—	—	—	—	300
Jumlah Perbelanjaan Modal	5,981	6,900	919	13	7,405

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran

ULASAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2017

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2017 keputusan operasi PIDM semakin mendekati tahap sara diri operasi, di mana perbelanjaan operasi PIDM akan ditampung oleh pendapatan pelaburan, dan premium dan levi yang dikumpulkan dari institusi ahli akan terus dituju ke arah pengumpulan Dana Perlindungan. Lebih bersih operasi tahunan PIDM adalah paling tinggi setakat ini berdasarkan trend aliran pendapatan premium dan levi. Pendapatan pelaburan PIDM juga meningkat sejajar dengan kenaikan asas dana pelaburan.


Perbelanjaan utama PIDM tertumpu kepada modal insan untuk membangunkan kapasiti dan kemampuan khusus bagi perancangan resolusi dan perkembangan ke arah sebuah organisasi pembelajaran. Di mana perlu, pakar-pakar bidang luaran dilantik untuk memberikan nasihat atau memindah pengetahuan dalam bidang khusus. Walaupun perbelanjaan modal insan meningkat, purata kos faedah kakitangan PIDM bagi setiap kakitangan kekal stabil.

Perbelanjaan operasi kekal konsisten oleh sebab infrastruktur operasi utama telah pun dibangunkan dan telah stabil.

Berikut adalah sorotan utama kewangan:

- (a) Jumlah pendapatan PIDM telah mencapai RM575.4 juta, peningkatan sebanyak RM18.0 juta atau 3.2% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan tahunan ini berpunca terutamanya dari peningkatan premium dari bank-bank ahli serta peningkatan pendapatan pelaburan disebabkan peningkatan asas dana pelaburan.
- (b) Perbelanjaan PIDM bagi tahun 2017 berjumlah RM112.3 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM13.4 juta atau 13.6% berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan ini adalah RM7.7 juta atau 6.4% lebih rendah berbanding bajet.
- (c) Lebih bersih operasi PIDM bagi tahun 2017 berjumlah RM463.1 juta, peningkatan sebanyak RM4.5 juta berbanding tahun 2016.
- (d) Pada 31 Disember 2017, kami telah memeterai kontrak-kontrak sebanyak RM6.0 juta bagi perbelanjaan modal, iaitu 86.7% daripada jumlah RM6.9 juta yang dibajetkan bagi tahun 2017.

Carta 1: Arah Aliran Kewangan Utama dari tahun 2013 hingga 2017



Pertumbuhan lebih bersih operasi sepanjang tahun adalah konsisten dengan pertumbuhan jumlah pendapatan. Di samping itu, tahap peningkatan perbelanjaan operasi adalah sedikit dari tahun ke tahun. Perbelanjaan operasi adalah selaras dengan keutamaan strategik PIDM seperti yang diterangkan pada halaman 29 hingga 39, di mana tumpuan diberi terhadap memastikan PIDM mempunyai kapasiti dan kemampuan untuk melaksanakan objek berkanunnya secara efektif.

Lebih dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada akhir tahun kewangan 2017 dan 2016 adalah seperti berikut:

Kumpulan Dana mengikut Sistem	2017	2016	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	Tahun-ke-Tahun RM'000	%
Kumpulan Dana Insurans Deposit	2,023,826	1,655,200	368,626	22.3
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,566,641	1,472,279	94,362	6.4
Jumlah	3,590,467	3,127,479	462,988	14.8

Lebih dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan digunakan untuk menampung sebarang kerugian yang mungkin berlaku dalam menyediakan perlindungan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

PENDAPATAN

Premium dan Levi – Insentif untuk Pengurusan Risiko yang Kukuh


PIDM telah diberi mandat untuk memberikan insentif kepada bank-bank ahli dan ahli penginsurans bagi pengurusan risiko yang kukuh, dan juga untuk mempromosi serta menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Salah satu dari keutamaan untuk memenuhi mandat ini adalah menerusi rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk bank-bank ahli dan juga rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk ahli penginsurans. Matlamat kedua-dua rangka kerja ini adalah untuk memastikan institusi ahli dengan profil risiko rendah membayar premium atau levi yang lebih rendah berbanding institusi ahli dengan profil risiko yang lebih tinggi. Kedua-dua Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza bertujuan untuk menyediakan insentif kepada institusi ahli untuk meningkatkan amalan pengurusan risiko dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan. Selanjutnya, Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza juga memastikan penilaian yang lebih adil berbanding dengan sistem kadar rata. PIDM membuat semakan Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza secara berkala untuk memastikan ianya kekal semasa dan relevan.

Hasil Premium – Sistem Insurans Deposit

Premium tahunan untuk bank-bank ahli dikira berdasarkan Sistem Premium Berbeza. Premium tahunan untuk Sistem Insurans Deposit dikira berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan di setiap bank-bank ahli pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya dan pada kadar premium yang diguna pakai. Bagi tahun taksiran 2017, jumlah premium yang diterima daripada bank-bank ahli (termasuk premium pertama) berjumlah RM400.0 juta, berbanding RM388.4 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah premium diterima ini adalah seiring dengan peningkatan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan.

Carta 2: Arah Aliran Premium bagi Sistem Insurans Deposit dan Jumlah Deposit Diinsuranskan dari Tahun Taksiran 2013 hingga 2017



Premium yang diterima bagi bank-bank konvensional berjumlah RM320.5 juta, peningkatan sebanyak 1.4% daripada RM316.1 juta yang diterima pada tahun sebelumnya. Bagi bank-bank Islam, premium yang diterima meningkat sebanyak 10.0% kepada RM79.5 juta berbanding RM72.3 juta pada tahun sebelumnya.

Bagi tahun taksiran 2017, Jumlah Deposit Diinsuranskan berjumlah RM527.3 bilion berbanding RM508.5 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan sebanyak RM18.8 bilion atau 3.7% ini adalah seiring dengan arah aliran pertumbuhan deposit bank-bank ahli. Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi urus niaga perbankan konvensional meningkat sebanyak RM10.2 bilion atau 2.4% dan berjumlah RM430.5 bilion pada akhir Disember 2016. Bagi urus niaga perbankan Islam, Jumlah Deposit Diinsuranskan berjumlah RM96.8 bilion berbanding RM88.2 bilion pada tahun sebelumnya, peningkatan sebanyak RM8.6 bilion atau 9.8%.

Hasil Levi – Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Sama seperti bank-bank ahli, penilaian levi untuk ahli penginsurans adalah berdasarkan Sistem Levi Berbeza. Levi tahunan yang perlu dibayar oleh ahli penginsurans takaful keluarga atau insurans hayat adalah berdasarkan kadar levi yang diguna pakai dan jumlah liabiliti penilaian aktuari sijil atau polisi layak² setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya. Bagi hal urus niaga takaful am atau insurans am, kadar levi adalah berdasarkan jumlah caruman bersih atau premium bersih sijil atau polisi berkelayakan yang diterima pada tahun taksiran sebelumnya.


² Sijil atau polisi layak merujuk kepada sijil atau polisi yang mengandungi sebahagian atau kesemua manfaat yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Manfaat Dilindungi) 2011, Perintah-Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Had Manfaat Dilindungi) 2011, dan Garis Panduan mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: Pengemukaan Laporan mengenai Pengiraan Premium bagi Urus Niaga Takaful dan Insurans (2016)

Bagi tahun taksiran 2017, jumlah levi yang diterima dari ahli penginsurans ialah sebanyak RM74.3 juta, berbanding dengan RM79.8 juta pada tahun taksiran sebelumnya. Jumlah levi yang rendah ini adalah disebabkan oleh penambahbaikan kategori levi untuk beberapa ahli penginsurans, dan diimbangi oleh peningkatan jumlah premium bersih atau caruman bersih dan liabiliti penilaian aktuari. Berikut adalah pecahan terperinci:

Dana Perlindungan Insurans Am. Bagi Dana Perlindungan Insurans Am, levi yang diterima ialah sebanyak RM5.4 juta, sejajar dengan tahun sebelumnya.

Dana Perlindungan Insurans Hayat. Bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat, levi yang diterima ialah sebanyak RM52.2 juta. Ini merupakan pengurangan sebanyak 8.7% berbanding RM57.2 juta pada tahun sebelumnya.

Carta 3: Arah Aliran Levi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Urus Niaga Insurans) dan Arah Aliran Premium Bersih, Caruman Bersih dan Liabiliti Penilaian Aktuari bagi Tahun Taksiran 2013 hingga 2017




Dana Perlindungan Takaful Am. Bagi Dana Perlindungan Takaful Am, levi yang diterima adalah sebanyak RM5.3 juta lebih rendah berbanding dengan RM6.2 juta yang diterima pada tahun taksiran sebelumnya.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga. Bagi Dana Perlindungan Takaful Keluarga, levi yang diterima meningkat sebanyak 3.4% kepada RM11.3 juta, berbanding dengan RM11.0 juta yang diterima pada tahun sebelumnya.

TINJAUAN KEWANGAN

Carta 4: Arah Aliran Levi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Urus Niaga Takaful) dan Arah Aliran Premium Bersih, Caruman Bersih dan Liabiliti Penilaian Aktuari bagi Tahun Taksiran 2013 hingga 2017




Pendapatan Berkaitan Pelaburan

Aktiviti dan operasi pelaburan PIDM adalah ditadbir menurut polisi pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang selaras dengan Akta PIDM. Matlamat pelaburan PIDM adalah untuk memelihara modal dan mengekalkan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila diperlukan, khususnya pada ketika adanya aktiviti resolusi terhadap institusi ahli.

Objektif pelaburan PIDM tidak didorong oleh pulangan atas pelaburan tetapi sebaliknya berdasarkan ketersediaan instrumen pelaburan konservatif dan terjamin yang dapat memenuhi keperluan pelaburannya. PIDM mengakui bahawa instrumen pelaburan yang bersesuaian mungkin tidak selalu tersedia. Oleh itu, PIDM secara proaktif menguruskan dana lebihan melalui penempatan dalam pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap untuk meminimumkan keadaan dana terbiar dan menjana pulangan yang munasabah sehingga instrumen pelaburan yang sesuai menjadi tersedia.

Pendapatan pelaburan PIDM bagi tahun 2017 meningkat tahun ke tahun sebanyak 13.3% atau RM11.9 juta kepada RM101.1 juta disebabkan peningkatan asas dana pelaburan hasil dari premium dan levi yang diterima bagi tahun semasa. Selain itu, pelaburan semula beberapa portfolio pelaburan sedia ada yang matang dalam tahun ini menghasilkan pulangan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pendapatan pelaburan untuk tahun semasa adalah 1.9% atau RM1.9 juta lebih rendah berbanding bajet sebanyak RM103 juta, disebabkan oleh kadar purata keuntungan keseluruhan yang lebih rendah berbanding bajet. Pendapatan pelaburan dijangka meningkat dengan mantap tahun ke tahun selaras dengan peningkatan asas dana pelaburan.

Carta 5: Arah Aliran Pendapatan Pelaburan menurut Instrumen Pelaburan dari Tahun 2013 hingga 2017



Sumber utama pendapatan pelaburan PIDM masih dari Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, apabila dana yang boleh dilaburkan meningkat, ketersediaan instrumen pelaburan yang sesuai yang memenuhi objektif pelaburan PIDM menjadi semakin terhad. Oleh itu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, mengikut dasar pelaburan yang diluluskan, PIDM telah melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta yang mempunyai penarafan AAA yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan Kerajaan. PIDM terus memantau dan menguruskan portfolio pelaburan secara proaktif bagi memastikan objektif pelaburannya dicapai.


Butiran kadar efektif pulangan purata berwajaran menurut jenis portfolio serta mengikut Dana masing-masing diuraikan di Nota 12(c) kepada penyata kewangan.

TINJAUAN KEWANGAN

PERBELANJAAN

Carta berikut menggambarkan arah aliran perbelanjaan PIDM bagi tempoh 5 tahun yang lalu.

Carta 6: Arah Aliran Perbelanjaan Operasi dari Tahun 2013 hingga 2017



Jumlah perbelanjaan operasi bagi tahun 2017 adalah RM112.3 juta, meningkat sebanyak 13.6% berbanding tahun sebelumnya. Sebahagian besarnya disebabkan oleh perkara berikut:

- (a) peningkatan perbelanjaan manfaat kakitangan bagi tahun 2017 berbanding dengan tahun sebelumnya; dan
- (b) peningkatan susut nilai hartanah dan peralatan, terutamanya disebabkan oleh impak susut nilai penuh bagi aset yang dipermodalkan pada tahun sebelumnya.


Walaupun adanya peningkatan keseluruhan dalam jumlah perbelanjaan operasi, ianya adalah lebih rendah berbanding bajet sebanyak 6.4% disebabkan berikut:

- (a) perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan lebih rendah berbanding bajet; dan
- (b) beberapa perbelanjaan utama termasuk fi penasihat dan perundingan, telekomunikasi dan perbelanjaan sistem komputer, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan penyelenggaraan pejabat yang lebih rendah.

Manfaat Kakitangan

Sejajar dengan falsafah modal insannya, PIDM terus menanda aras manfaat dan ganjaran kakitangannya terhadap pasaran luar untuk kekal berdaya saing dan mengekalkan kepakaran kakitangan.

Carta 7: Arah Aliran Perbelanjaan Operasi berkaitan Kakitangan dan Jumlah Kakitangan dari Tahun 2013 hingga 2017




Sejumlah RM68.7 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan manfaat dan ganjaran kakitangan bagi tahun 2017 (2016: RM56.5 juta), peningkatan sebanyak 21.6% berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan manfaat kakitangan juga lebih tinggi berbanding dengan bajet sebanyak 4.8% atau RM3.2 juta. Peningkatan tersebut adalah disebabkan peningkatan jumlah kakitangan kepada 171 (2016: 157), penyelarasan gaji dan upah dengan tanda aras pasaran, pembayaran sekali sahaja gratuiti yang diluluskan dan peningkatan manfaat lain seperti perbelanjaan perubatan dan insurans serta perbelanjaan berkaitan liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang.

Walaupun ada peningkatan dalam perbelanjaan modal insan, kos faedah purata PIDM bagi setiap kakitangan kekal stabil.

Rujuk halaman 32 hingga 35 untuk perincian pencapaian utama dan rumusan rancangan untuk 2018 - 2020 bagi keutamaan strategik Pengurusan Strategik Modal Insan.

Perhubungan Awam dan Pengiklanan

Carta 8: Arah Aliran Perbelanjaan Perhubungan Awam dan Pengiklanan dari Tahun 2013 hingga 2017




Program komunikasi dan kesedaran awam PIDM terus menjadi instrumen utama dalam mendidik konsumen kewangan mengenai Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Perbelanjaan pengiklanan terus menjadi komponen paling ketara bagi perbelanjaan komunikasi PIDM.

Perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2017 yang berjumlah RM8.8 juta, adalah 19.0% lebih rendah dari tahun sebelumnya yang berjumlah RM10.9 juta. Ia juga 23.5% atau RM2.7 juta lebih rendah berbanding bajet, disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk kandungan aktiviti pembangunan berkaitan pengiklanan dan inisiatif perhubungan awam tertentu.

Rujuk halaman 36 hingga 39 untuk perincian pencapaian utama dan rumusan rancangan untuk 2018 - 2020 bagi keutamaan Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat.

Perbelanjaan Modal dan Susut Nilai

Carta 9: Arah Aliran Perbelanjaan Modal dari Tahun 2013 hingga 2017



Perbelanjaan modal bagi tahun 2017 adalah tertumpu kepada penambahbaikan infrastruktur dan kemampuan sistem teknologi maklumat. Sehingga 31 Disember 2017, PIDM telah memeterai kontrak-kontrak bernilai RM6.0 juta bagi perbelanjaan modal, iaitu 86.7% daripada bajet perbelanjaan modal untuk tahun 2017 sebanyak RM6.9 juta. Perbezaan positif tersebut terutamanya disebabkan oleh penjimatan bagi perolehan perkakasan teknologi maklumat.

Perbelanjaan susut nilai bagi tahun semasa berjumlah RM6.2 juta, iaitu 70.1% atau RM2.5 juta lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ketara ini terutamanya disebabkan kesan susut nilai sistem teknologi maklumat yang diselesaikan di penghujung tahun 2016 serta juga susut nilai sistem teknologi maklumat yang baru dan penambahbaikan infrastruktur teknologi maklumat yang telah diselesaikan dan ditauliahkan dalam tahun semasa.

Butiran hartanah dan peralatan serta perbelanjaan susut nilai dihuraikan di Nota 8 kepada penyata kewangan.

Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain

Perbelanjaan pajakan operasi sebanyak RM6.1 juta adalah terutamanya berkait dengan sewa pejabat dan pajakan peralatan pejabat, dan kekal konsisten berbanding tahun sebelumnya.

Perbelanjaan lain sebanyak RM22.6 juta merangkumi perbelanjaan operasi dan pentadbiran seperti utiliti, penyelenggaraan pejabat dan insurans am, perbelanjaan percetakan dan alat tulis serta perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer. Ia juga merangkumi perbelanjaan untuk menyokong inisiatif utama seperti fi penasihat dan perundingan bagi keutamaan strategik Rejim Resolusi Efektif, perbelanjaan latihan dan pembangunan serta program biasiswa sarjana muda. Termasuk dalam perbelanjaan lain adalah perbelanjaan berkaitan Pengarah.


TINJAUAN KEWANGAN

Bagi tahun 2017, perbelanjaan lain meningkat sebanyak 3.4% atau RM0.7 juta tetapi lebih rendah berbanding bajet sebanyak 27.9% atau RM8.8 juta. Peningkatan kecil berbanding tahun sebelumnya ini adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan utiliti dan penyelenggaraan pejabat yang berkaitan dengan pusat pemulihan bencana, peningkatan perbelanjaan latihan dan pembangunan serta perbelanjaan berkaitan Pengarah.

Sebaliknya, perbezaan positif yang ketara berbanding bajet adalah terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk beberapa inisiatif utama, termasuk fi khidmat profesional dan perundingan berkaitan inisiatif perancangan resolusi, perbelanjaan perjalanan serta perbelanjaan latihan dan pembangunan. Perbezaan positif berbanding bajet ini juga adalah disebabkan penjimatan beberapa perbelanjaan operasi termasuk perbelanjaan telekomunikasi dan penyelenggaraan berkaitan teknologi maklumat serta utiliti dan penyelenggaraan pejabat berkaitan pusat pemulihan bencana.

Carta 10: Arah Aliran Butiran Utama dalam Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain dari Tahun 2013 hingga 2017

RM Juta



PIDM menggunakan bajet seperti yang dirancang. Sepanjang tahun semasa, keputusan perbelanjaan mungkin berbeza daripada yang dirancang kerana adanya maklumat terkini dan perkembangan operasi yang lain pada masa keputusan tersebut dibuat. PIDM sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan termasuk pengurusan belanjawan, secara hemat dan bertanggungjawab selaras dengan keutamaan strategik dan keperluan operasi yang dinyatakan di dalam rancangan korporat.


Penyata Nilai Tambah

Nilai tambah ialah ukuran dana yang dihasilkan oleh PIDM daripada operasinya. Penyata Nilai Tambah menunjukkan jumlah nilai kewangan dana yang diwujudkan dalam tahun kewangan semasa dan pengagihannya kepada pemegang kepentingan utama: (a) pemegang kepentingan dalaman, iaitu, kakitangan; (b) pihak awam dan (c) dana terkumpul dalam Dana masing-masing bagi perlindungan kepada institusi ahli PIDM.

	2017 RM'000	2016 RM'000
Nilai Tambah		
Hasil premium dan levi*	474,338	468,245
Pendapatan pelaburan*	101,080	89,191
Perbelanjaan operasi tidak termasuk perbelanjaan manfaat kakitangan, perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan serta susut nilai*	(27,944)	(27,248)
Nilai tambah tersedia untuk diagihkan	547,474	530,188
Pengagihan Nilai Tambah		
Kepada kakitangan:		
Perbelanjaan manfaat kakitangan*	68,661	56,460
Kepada orang awam:		
Perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan*	8,795	10,853
Program biasiswa	766	699
Dikekalkan dalam PIDM:		
Perbelanjaan susut nilai*	6,162	3,622
Dana-dana		
– Dana Insurans Deposit Konvensional	296,437	292,566
– Dana Insurans Deposit Islam	72,268	64,231
– Dana Perlindungan Insurans Am	33,676	37,920
– Dana Perlindungan Insurans Hayat	46,116	48,362
– Dana Perlindungan Takaful Am	4,550	5,663
– Dana Perlindungan Takaful Keluarga	10,043	9,812
Jumlah diagihkan kepada Dana-dana	463,090	458,554
Jumlah yang diagihkan	547,474	530,188

* Rujuk Nota 19 kepada penyata kewangan untuk butiran pendapatan dan perbelanjaan yang diagihkan kepada Dana masing-masing

Carta 11: Pengagihan Nilai Tambah bagi Tahun 2017 dan 2016



Hasil premium dan levi serta pendapatan pelaburan selepas ditolak perbelanjaan operasi PIDM disalurkan terutamanya ke arah pengumpulan Dana-dana. Peningkatan Dana-dana mengikut peredaran masa akan meningkatkan juga pendapatan pelaburan Dana masing-masing. Ini akan menyebabkan peningkatan pengagihan pembahagian dana kepada Dana-dana dan penurunan dalam pengagihan pembahagian dana kepada perbelanjaan operasi. Justeru, adalah dijangka pendapatan pelaburan akan dapat menampung keseluruhan perbelanjaan PIDM dan seterusnya, premium dan levi diterima dari institusi ahli akan disalurkan sepenuhnya ke arah pengumpulan Dana-dana.


Bagi tahun 2017, bahagian jumlah pendapatan yang diagihkan kepada Dana-dana berkurang sedikit disebabkan peningkatan perbelanjaan manfaat kakitangan seperti yang diuraikan sebelum ini.

Perbelanjaan modal insan dijangkakan akan terus meningkat dalam beberapa tahun akan datang selaras dengan pembangunan kapasiti dan kemampuan, khususnya sumber bagi perancangan resolusi.

Seiring dengan jangkaan peningkatan perbelanjaan berkaitan modal insan, PIDM juga menjangkakan pendapatan pelaburan akan meningkat selaras dengan peningkatan asas dana pelaburan, di mana ia akan mengimbangi peningkatan perbelanjaan.

SOROTAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Carta 12: Komposisi Aset pada 31 Disember 2017 dan 2016




Aset PIDM kekal cair dengan tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan, yang berjumlah RM3.5 bilion, mewakili 97.8% daripada jumlah asetnya pada 31 Disember 2017.

Pelaburan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM3.5 bilion, meningkat sebanyak 14.6% berbanding RM3.1 bilion bagi tahun 2016. Kesemua pelaburan ini dikelaskan sebagai pelaburan pegangan-hingga-matang dan dinyatakan dalam penyata kewangan pada kos, diselaraskan kepada akresi diskaun selepas pelunasan premium.

Pada 31 Disember 2017, hartanah dan peralatan berjumlah RM38.3 juta (2016: RM37.4 juta), adalah terutamanya terdiri daripada pusat pemulihan bencana yang mula beroperasi dalam tahun semasa, serta sistem teknologi maklumat. Kebanyakan sistem teknologi maklumat yang dibina dalam tahun 2016 telah selesai dan telah dikelaskan semula pada tahun semasa sebagai aset yang boleh disusutnilai.

Hartanah dan peralatan serta perbelanjaan susut nilai diuraikan dengan lebih lanjut dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

Carta 13: Komposisi Liabiliti pada 31 Disember 2017 dan 2016



Liabiliti adalah termasuk akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem Teknologi Maklumat, peruntukan bagi cuti yang belum digunakan, akaun bagi perkhidmatan yang disediakan berkenaan khidmat pakar runding dan bekalan barangan, serta peruntukan liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang. Peningkatan peruntukan liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang tersebut adalah konsisten dengan peningkatan jumlah kakitangan yang layak untuk manfaat ini.

Butiran terperinci liabiliti ini diuraikan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

SUMBER PEMBIAYAAN DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Rangka Kerja Pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa hadapan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen yang berbangkit jelas dinyatakan di dalam Akta PIDM. PIDM perlu mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mentadbir dan mengendalikan dengan efektif Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan. Ketersediaan sumber kewangan adalah penting bagi memastikan PIDM berupaya memenuhi obligasinya dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan, PIDM mempunyai pendedahan langsung terhadap kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Bagi tahun semasa, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Rangka kerja pembiayaan PIDM menekankan kepada keperluan bagi sumber kewangan mencukupi untuk melaksanakan mandatnya dengan efektif serta menangani pendedahan risiko yang dihadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaan PIDM adalah untuk:

- memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan PIDM membiayai operasi harian; dan
- membina rizab bagi memastikan PIDM berupaya memenuhi obligasi masa hadapan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut, mengambil kira peranan PIDM sebagai salah satu daripada pihak berkuasa jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luarnya.

Pembiayaan Dalam

Dana dalam PIDM dibangunkan menerusi pengumpulan lebih bersih daripada operasi. Lebih bersih tahunan dikredit dan dikumpulkan ke dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa hadapan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumen kewangan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Dana masing-masing menurut asas peruntukan kos seperti yang diuraikan dalam Nota 2.2(f)(2) kepada penyata kewangan dan tiada percampuran antara Dana-dana tersebut.

Objektif Dana Sasaran dan Prinsip-Prinsip Panduan

Terma dana sasaran atau nisbah rizab sasaran secara umum merujuk kepada tahap dana dalam yang disasar untuk dikumpul dalam jangka masa panjang untuk mencapai matlamat dan memenuhi mandatnya. Bagi PIDM, dana sasaran diwujudkan untuk menampung kerugian bersih yang dijangka timbul daripada sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Objektif dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran adalah untuk menyediakan asas dalam menilai kecukupan paras semasa Dana-dana, dan mengenal pasti pendekatan yang sistematik untuk menentukan paras sasaran untuk Dana masing-masing.

Rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat masing-masing telah diwujudkan pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Pembangunan rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Takaful dijangka siap dalam tahun 2018.

Pembangunan rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat adalah berdasarkan prinsip-prinsip panduan yang sama, seperti berikut:

- (a) **Prinsip Pertama:** Dana sasaran perlu ditubuhkan untuk menangani kegagalan berkala dan bukan kegagalan sistemik.
- (b) **Prinsip Kedua:** Dana sasaran hendaklah menampung kerugian bersih yang dijangka timbul daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- (c) **Prinsip Ketiga:** Secara optimum, penentuan paras dana sasaran perlu mengimbangi kesan terhadap pihak-pihak berkepentingan, dari segi saiz dana sasaran dan rangka masa bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.
- (d) **Prinsip Keempat:** Paras dana sasaran perlu ditetapkan sebagai jajaran dan bukannya amaun mutlak.



Pendekatan Model Dana Sasaran

Dalam membangunkan dana sasaran, PIDM mengguna pakai kedua-dua pemodelan statistik serta pendekatan mengikut budi bicara dalam menentukan jajaran dana sasaran.

(a) Pendekatan pemodelan statistik

PIDM mengguna pakai model statistik Nilai-pada-Risiko dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran. Di bawah pendekatan pemodelan statistik ini, Nilai-pada-Risiko ditentukan untuk menilai pendedahan PIDM kepada kerugian bersih berasaskan anggaran kebarangkalian kegagalan institusi ahli, pendedahan semasa kegagalan, korelasi kegagalan dan kemungkinan pemulihan dalam sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan ke atas institusi ahli yang tidak berdaya maju. Dalam menentukan paras dana yang mencukupi untuk menampung kerugian bersih PIDM, berasaskan kepada tahap keyakinan khusus, PIDM memanfaatkan simulasi *Monte Carlo* yang digunakan dalam model statistik Nilai-pada-Risiko. Simulasi dari model tersebut menggunakan bilangan senario kerugian yang ketara bagi membina agihan kerugian statistik untuk menentukan paras dana sasaran yang disasarkan yang akan dapat menampung kerugian atau untuk memenuhi kos insolvensi dalam tempoh masa dan paras keyakinan khusus.

(b) Pendekatan mengikut budi bicara

Dalam menentukan jajaran dana sasaran, PIDM juga mengambil kira faktor kualitatif seperti mandat dan kuasa perundangan PIDM, landskap industri perbankan dan insurans dan persekitaran operasi serta rejim kawal selia dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran dana sasaran.

Risiko dan Kepekaan terhadap Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran paras dana sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berdasarkan kepada set andaian. Justeru, model tersebut berasaskan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

Jadual 1: Faktor-Faktor Sensitif Utama Model Dana Sasaran

Persekitaran operasi

Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran yang mana institusi ahli beroperasi tidak berubah dengan ketara pada masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap institusi ahli, landskap industri kewangan serta rejim pengawalseliaan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri tersebut atau ciri-ciri yang lain mungkin menghasilkan paras dana sasaran dalam jajaran tertentu yang berbeza berbanding apa yang dianggarkan sebelum ini. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan terhadap model yang digunakan setiap tahun.

Mandat dan kuasa

Mandat dan kuasa PIDM digariskan dalam Akta PIDM, yang antara lainnya, membolehkan PIDM melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran dana sasaran dibuat berdasarkan kepada mandat dan kuasa terkini yang digariskan di dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara kepada mandat dan kuasa PIDM mungkin menjejaskan andaian pemodelan dan anggaran paras dana sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka akan berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa PIDM dalam tempoh terdekat ini.

Dana sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan dalam andaian atau input.

Pemboleh Ubah Input Utama bagi Model Statistik

Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian bagi PIDM dengan menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama Dan Andaian untuk Pemodelan dana sasaran

Pemboleh Ubah Input Utama	Kumpulan Dana		
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat
Kebarangkalian Kegagalan (<i>Probability of Default</i>)	PIDM menggunakan kadar kegagalan purata seperti yang dilaporkan oleh Institusi Penilaian Kredit Luaran berkenaan kajian tahunan berhubung kegagalan. Kadar purata terkumpul kegagalan ini ditanda aras dengan penarafan risiko paling konservatif dengan mengambil kira penarafan risiko kawal selia institusi ahli dan penilaian penarafan dalaman PIDM.		
Kerugian Akibat Kegagalan (<i>Loss Given Default</i>)	Pertimbangan potensi pemulihan atas andaian pembubaran institusi ahli, selepas mengambil kira pendedahan mengenai risiko berkaitan terutamanya risiko kredit dan pasaran semasa pelaksanaan pemulihan aset.		
Pendedahan Semasa Kegagalan (<i>Exposure At Default</i>)	PIDM mengambil kira 2 pendekatan kepada intervensi: - pendekatan secara pembubaran, atau - resolusi bagi urus niaga yang berterusan. Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli) dan potensi permodalan semula bank-bank ahli adalah digunakan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan.	PIDM mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli penginsurans am. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan pendedahan tuntutan dan liabiliti premium ahli penginsurans am seperti yang diguna pakai dalam Rangka Kerja Risiko Berasaskan Modal bagi Penginsurans, bersama-sama dengan pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran ahli penginsurans am.	PIDM mengambil kira liabiliti penilaian aktuari untuk ahli penginsurans hayat sebagai proksi untuk Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang dilindungi oleh PIDM. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan risiko kepada ahli penginsurans hayat untuk menangani apa-apa risiko penilaian terkurang dalam penentuan liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang buruk, melebihi daripada jumlah rizab yang telah disediakan. Pendedahan Semasa Kegagalan juga mengambil kira pendedahan kepada risiko operasi dan andaian-andaian kos luar jangka lain sebagai andaian berhemat dalam mengira paras dana sasaran.

TINJAUAN KEWANGAN

Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit

Jajaran dana sasaran bagi kedua-dua Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam adalah ditetapkan antara 0.6% dan 0.9% Jumlah Deposit Diinsuranskan. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2016, jajaran adalah antara RM2.6 bilion dan RM3.9 bilion bagi Dana Insurans Deposit Konvensional dan antara RM581 juta dan RM871 juta bagi Dana Insurans Deposit Islam. Baki semasa Kumpulan dana insurans Deposit berbanding jajaran dana sasaran telah dijelaskan di dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Jajaran Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2017

Kumpulan Dana Insurans Deposit	dana sasaran			
	2017 Sebenar RM Juta / %	2016 Sebenar RM Juta / %	Jajaran Rendah RM Juta / %	Jajaran Tinggi RM Juta / %
Dana Insurans Deposit Konvensional				
Baki	1,685	1,388	2,583	3,875
Peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan*	0.39%	0.33%	0.60%	0.90%
Dana Insurans Deposit Islam				
Baki	339	267	581	871
Peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan*	0.35%	0.30%	0.60%	0.90%

* Berdasarkan kepada Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2016

Masa-Capaian-Dana bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit

Masa-Capaian-Dana merujuk kepada rangka masa (biasanya ditetapkan sebagai bilangan tahun) yang diperlukan untuk mencapai paras dana sasaran yang ditentukan, dengan mengambil kira paras premium yang dicajkan kepada bank ahli dan paras lebihan bersih yang akan dikumpulkan setiap tahun.

Pada masa pelaksanaan dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, dan mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri perbankan, PIDM telah menentukan Masa-Capaian-Dana yang wajar bagi mencapai jajaran rendah dana sasaran, iaitu 0.6% daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan, adalah antara 10 dan 12 tahun (bermula dari tahun 2012).

Pada tahun 2012, PIDM memperoleh kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk meningkatkan secara beransur-ansur kadar premium yang dinilai ke atas bank-bank ahli bermula dari tahun taksiran 2013. Kenaikan secara beransur-ansur kadar premium yang disemak semula ini akan membolehkan PIDM mencapai dana sasaran dalam rangka masa yang ditetapkan.

PIDM akan terus memantau dan melaporkan kemajuan dalam mencapai dana sasaran setiap tahun. Berdasarkan paras semasa lebihan terkumpul dan kadar premium diluluskan, adalah dijangkakan bahawa jajaran rendah dana sasaran dapat dicapai dalam tempoh 5 hingga 8 tahun akan datang.

Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am

Rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am telah menetapkan paras jajaran dana sasaran di antara 80% hingga 100% daripada paras maksimum kerugian bersih dijangka. Daripada keputusan pemodelan, dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am berada dalam jajaran antara RM332 juta hingga RM415 juta. Pada 31 Disember 2017, jajaran dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am di dalam RM juta adalah seperti berikut:

Jadual 4: Jajaran Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am pada 31 Disember 2017

Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Sasaran			
	2017 Sebenar RM Juta	2016 Sebenar RM Juta	Jajaran Rendah RM Juta	Jajaran Tinggi RM Juta
Baki	1,217	1,183	332	415

Berdasarkan model kerugian dijangka, dan mengambil kira komposisi semasa aset yang mempunyai jangkaan perolehan semula aset yang tinggi, jajaran tinggi dana sasaran kini berjumlah RM415 juta (2016: RM420 juta).

Baki semasa Dana Perlindungan Insurans Am sebanyak RM1,217 juta termasuk RM921.3 juta yang dipindahkan kepada PIDM pada September 2011 daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia. Kedudukan dana semasa telah melebihi jajaran tinggi dana sasaran. Bahagian seterusnya menerangkan pengurusan lebihan Dana-dana apabila mencapai paras dana sasaran.

Pengurusan Dana Perlindungan apabila mencapai Paras Dana Sasaran

Apabila mencapai jajaran tinggi untuk dana sasaran, PIDM boleh mempertimbangkan pengurangan kadar premium atau levi atau memberi rebat premium atau levi, berdasarkan antara lain, penilaian persekitaran ekonomi dan keadaan industri. Dalam pengurusan pengumpulan Dana-dana, adalah penting bagi PIDM untuk memastikan bahawa rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli atau rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans boleh terus memberi insentif kepada institusi ahli untuk memperbaiki profil risiko mereka dan supaya ahli baru akan membayar premium atau levi ke atas deposit atau manfaat yang dilindungi oleh PIDM.

Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Hayat

Rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat telah menetapkan paras jajaran dana sasaran di antara 0.4% hingga 0.6% daripada jumlah liabiliti penilaian aktuari. Berdasarkan kepada jumlah liabiliti penilaian aktuari setakat 31 Disember 2016, jajaran dana sasaran dalam RM juta adalah seperti berikut:

Jadual 5: Jajaran Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat pada 31 Disember 2017

Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Sasaran			
	2017 Sebenar RM Juta	2016 Sebenar RM Juta	Jajaran Rendah RM Juta	Jajaran Tinggi RM Juta
Baki	283	237	510	766

TINJAUAN KEWANGAN

Masa-Capaian-Dana bagi Kumpulan Dana Insurans Hayat

Pada masa pelaksanaan dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Hayat, dan mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri insurans, PIDM telah menentukan masa-capaian-dana yang wajar bagi mencapai jajaran rendah dana sasaran, iaitu 0.4% daripada liabiliti penilaian aktuari, adalah antara 5 dan 8 tahun (bermula dari tahun 2017). PIDM akan terus memantau dan melapor kemajuan dalam mencapai paras dana sasaran setiap tahun.

Pembiayaan Luaran

PIDM boleh mendapatkan dana luaran sama ada menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya dianggap perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman kepada PIDM bagi memenuhi obligasinya. Pinjaman seumpama ini akan berdasarkan kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembiayaan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, iaitu melalui penerbitan sekuriti hutang oleh PIDM, yang merupakan salah satu pilihan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.

Justeru, dengan adanya pembiayaan dalaman dan luaran yang tersedia kepada PIDM, keupayaan kewangan PIDM untuk memenuhi obligasinya adalah terjamin.





TINJAUAN KEAHLIAN

BAHAGIAN 4

Tinjauan Keahlian

TINJAUAN KEAHLIAN

Pada tahun 2017, ekonomi domestik dan global mencatatkan peningkatan pertumbuhan yang memberangsangkan, disokong oleh pemulihan dalam perdagangan dan pelaburan global dengan persekitaran kewangan yang menyokong. Kebimbangan awal mengenai pertumbuhan perlahan akibat perkara-perkara seperti peningkatan tekanan terhadap perdagangan dan kelembapan ketara dalam ekonomi China, tidak menjadi kenyataan. Berlandaskan prestasi makroekonomi yang positif, keadaan operasi institusi ahli adalah menggalakkan.


BANK-BANK AHLI

Bank-bank ahli mencatatkan prestasi yang baik bagi tahun semasa, dan terus menunjukkan asas-asas kewangan yang kukuh. Berdasarkan kepada penilaian di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza, profil risiko bank-bank ahli secara individu adalah stabil.


Penampakan modal di atas keperluan minimum kawal selia terus mengukuh, menyediakan kapasiti mampan untuk menyokong pertumbuhan dan menyerap sebarang kejutan yang tidak dijangka. Secara agregatnya, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan-1 dan nisbah jumlah modal masing-masing berada pada 13.1% dan 16.8%, pada akhir 2017.

Pengembangan berhemat dalam aktiviti kewangan terus menyumbang kepada kualiti aset yang mampan, dengan kadar kemungkiran yang baik dicatatkan dalam semua segmen pinjaman. Perkembangan ini, berserta dengan pengurusan kos yang aktif, telah mencatatkan pertumbuhan keuntungan pra-cukai tahunan sebanyak 12.3%. Hasilnya, petunjuk pendapatan teras seperti pulangan aset berwajaran risiko, margin faedah bersih, kecekapan (kos-kepada-pendapatan) dan kos kredit menunjukkan aliran positif, manakala kemeruapan pendapatan kekal rendah.

Carta 1: Petunjuk Kualiti Aset




Carta 2: Petunjuk Keuntungan



Pendanaan terus menyokong aktiviti pembiayaan, seperti yang ditunjukkan dalam aliran stabil nisbah pinjaman-kepada-dana. Deposit pelanggan berkembang pada kadar yang memuaskan dan terus membentuk lebih daripada 75% jumlah liabiliti. Instrumen hutang jangka panjang semakin diterima sebagai sumber utama pembiayaan stabil, sejajar dengan pengiktirafannya di bawah piawaian mudah tunai Basel III dan kemajuan dalam pasaran modal Malaysia. Dalam memperakui akan kepentingan sumber pembiayaan stabil ini, PIDM akan memperkenalkan 2 petunjuk profil pembiayaan baharu di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza bermula tahun taksiran 2018, iaitu nisbah pinjaman-kepada-dana tersedia dan komposisi petunjuk dana teras. Ini akan memanfaatkan bank ahli yang mana urusan niaganya disokong oleh sumber pembiayaan daripada deposit dan instrumen hutang, serta bank ahli yang memiliki komposisi sumber pembiayaan stabil yang tinggi. Selain itu, Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III bagi bank-bank ahli menunjukkan paras penampungan yang baik bagi memenuhi keperluan mudah tunai dalam tempoh 30 hari.

Carta 3: Petunjuk Pembiayaan dan Mudah Tunai




AHLI PENGINSURANS

Ahli penginsurans kekal berdaya tahan sepanjang tahun semasa. Ini ditunjukkan menerusi paras modal yang kukuh dan prestasi yang memberangsangkan. Berdasarkan kepada penilaian di bawah rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan pengendali takaful, profil risiko ahli penginsurans secara individu adalah stabil.

Industri insurans dan takaful terus mencatatkan paras modal yang teguh, seperti yang ditunjukkan menerusi nisbah kecukupan modal yang mantap, dengan penampungan modal yang mampan untuk menghadapi sebarang keadaan tidak menentu pada masa hadapan dan kerugian yang tidak dijangkakan. Penginsurans konvensional dan pengendali takaful mencatatkan nisbah kecukupan modal yang kukuh masing-masing pada 233.6% dan 194.8%, mengatasi paras modal sasaran penyeliaan Bank Negara Malaysia, iaitu 130%. Bagi tahun 2018, di mana lesen komposit bagi kedua-dua syarikat insurans dan pengendali takaful perlu diasingkan, paras modal industri dijangka terus berkembang.


Carta 4: Paras Modal




Pada tahun 2017, perniagaan segmen motor dan kebakaran (yang merupakan komponen terbesar dalam perniagaan insurans am dan takaful am) terus meningkat pada kadar yang stabil. Bagaimanapun, prestasi penaja-jaminan telah menurun, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam tuntutan bersih berikutan penyederhanaan jumlah premium bersih atau sumbangan pertumbuhan sederhana daripada sektor-sektor perniagaan tertentu.

Sementara itu, perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga kekal stabil. Pada tahun 2017, fokus perniagaan insurans hayat beralih semula kepada produk berkaitan pelaburan. Ini menyumbang kepada pertumbuhan 2 angka pada tahun 2017 bagi perniagaan baharu. Bagi perniagaan takaful keluarga, pertumbuhan perniagaan baharu terus dijana daripada perniagaan jaminan bertempoh gadai janji berkurangan.

Carta 5: Premium Kasar / Sumbangan Kasar



Carta 6: Premium Bersih / Sumbangan Bersih



Jumlah aset untuk dana insurans dan takaful masing-masing berkembang sebanyak 8.3% dan 9.4%, pada akhir tahun 2017. Pelaburan kekal sebagai komponen terbesar aset insurans dan takaful, diikuti dengan tunai dan deposit. Memandangkan keperluan mudah tunai yang tinggi untuk menyokong obligasi insurans jangka pendek, dana insurans am terus mengekalkan perkadaran besar aset mudah tunai berkualiti tinggi, seperti tunai dan skim pelaburan kolektif. Sementara itu, dana insurans hayat mempunyai pemegangan besar dalam hutang dan sekuriti korporat yang menyediakan padanan lebih baik bagi liabiliti jangka panjangnya.

PROSPEK

Bagi tahun 2018, prospek pertumbuhan kekal positif, di mana bacaan Indeks Pengurus Pembelian¹ yang berkembang mengesahkan pandangan bahawa pemulihan ekonomi global kekal utuh. Namun begitu, potensi negatif kepada prospek ini termasuklah pengetatan keadaan kewangan global, kelembapan ketara ekonomi China, peningkatan perlindungan dan tekanan perdagangan, penyahkawalan kewangan Amerika Syarikat dan peningkatan besar dalam ketegangan geopolitik. Walaupun berdepan risiko-risiko jangka pendek ini, prospek bagi ekonomi Malaysia kekal cerah, disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh.


Melangkah ke hadapan PIDM akan memantau beberapa perkembangan dalam industri perbankan dan insurans. Salah satu daripadanya adalah pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (*Malaysian Financial Reporting Standards 9 - MFRS 9*) bermula 1 Januari 2018. Impak ke atas nisbah modal akan disokong oleh penampakan modal yang besar. Namun demikian, bank-bank ahli akan berkemungkinan mengalami kenaikan kos kredit hasil daripada peruntukan yang lebih tinggi. Daripada sudut positif, pelaksanaan MFRS 9 dijangka menghasilkan kaedah peruntukan yang komprehensif, harga produk yang lebih mencerminkan tahap risikonya, dan pertumbuhan aset kewangan terpilih yang melindungi kualiti aset. Satu lagi perkembangan kawal selia adalah pelaksanaan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih Basel III (*Basel III Net Stable Funding Ration - NSFR*), yang mana Bank Negara Malaysia telah menyatakan bahawa tarikh paling awal pelaksanaannya adalah 1 Januari 2019. Memandangkan paras pembiayaan yang kukuh, bank-bank ahli berada pada kedudukan yang baik untuk beralih kepada keperluan nisbah pembiayaan ini. Akhir sekali, kemunculan semula sebarang bentuk tekanan kompetitif yang sengit, sama ada daripada bahagian aset atau pembiayaan, boleh mencabar margin bank-bank ahli.

Bagi sektor insurans dan takaful, peserta industri dijangka memberi tumpuan sepenuhnya terhadap persediaan pembaharuan kawal selia yang dirancang dan berusaha ke arah melaksanakan piawaian perakaunan baharu. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap perbandingan dan ketelusan penyata kewangan mereka, manakala pembaharuan kawal selia pula adalah untuk menambah baik inovasi produk, kemampuan dan akses, meningkatkan keuntungan ahli penginsurans serta kadar penembusan nasional. Pada masa yang sama, perkembangan ini dijangka mencetuskan tahap persaingan pasaran yang sederhana dan memberi sedikit tekanan ke atas sumber.

Susulan daripada aliran tahun 2017, industri insurans am kini beralih ke persekitaran yang lebih liberal, yang membolehkan beberapa kelonggaran dalam menawarkan produk perlindungan motor dan kebakaran baharu pada harga berasaskan pasaran. Sementara itu, di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga, para peserta industri perlu mempelbagaikan saluran pengedaran di luar saluran agensi tradisional dan memantapkan strategi perniagaan mereka selaras dengan struktur baharu kawalan kos operasi.

Secara keseluruhannya, prospek pertumbuhan yang positif dan keadaan operasi yang lebih baik ini memberi impak positif kepada institusi ahli dan menyediakan peluang untuk membina penampakan yang kukuh. Institusi ahli dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang wajar serta paras mudah tunai dan modal yang kukuh.

¹ Indeks Pengurus Pembelian biasanya digunakan sebagai petunjuk utama dalam keseluruhan aktiviti perindustrian dan keadaan perniagaan. Ia terdiri daripada 5 petunjuk utama: tempahan baharu, paras inventori, pengeluaran, penghantaran pembekal dan persekitaran pekerjaan



TADBIR URUS KORPORAT

BAHAGIAN 5

Penyataan Tadbir Urus Korporat
Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam
Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil
Struktur Organisasi

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PIDM menanda aras tadbir urus korporatnya dengan amalan terbaik antarabangsa yang relevan seperti Prinsip Tadbir Urus Korporat Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (*Organisation for Economic Co-operation and Development* – OECD). PIDM mempunyai mekanisme tadbir urus yang jelas bagi memastikan ketelusan, integriti dan akauntabiliti, termasuk pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Struktur tadbir urus PIDM boleh didapati di laman webnya.

PIDM juga memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah yang berkaitan dengan sistem perlindungan Islam yang ditadbir olehnya. PIDM mendapatkan nasihat dan pengesahan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengenai hal-hal yang berkaitan Syariah. Huraian terperinci boleh didapati di halaman 85.

Lembaga Pengarah berpandukan kepada Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan Penyataan Tadbir Urus Korporat ini yang menetapkan 15 piawaian yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. PIDM mematuhi Polisi tersebut sepenuhnya.

PIAWAIAN 1: KEBEBASAN LEMBAGA PENGARAH

Ahli-ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian dengan bebas.

Sejajar dengan tanggungjawab berkanun mereka, para pengarah PIDM bertindak dengan jujur dan demi kepentingan PIDM, dan melaksanakan tugas mereka dengan teliti.

Lembaga Pengarah PIDM terdiri daripada Pengarah bukan eksekutif, 2 daripadanya merupakan Pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Kesemua Pengarah bukan *ex officio* dilantik oleh Menteri Kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif bukan ahli Lembaga Pengarah. Oleh yang demikian, terdapat pemisahan fungsi yang jelas antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

Akta PIDM menetapkan kuasa khusus bagi Menteri Kewangan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan terhadap tatalaku urusan dan hal ehwal PIDM. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab dalam mentadbir urusan harian PIDM.

Matriks kuasa PIDM jelas menggambarkan pemisahan kuasa antara Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Hal-hal utama yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah ditetapkan dalam matriks, termasuk polisi berkaitan tadbir urus, rancangan penggantian, pelan strategik, pelan dan penyata kewangan dan polisi risiko. Matriks kuasa PIDM adalah sejajar dengan cadangan Prinsip Amalan Terbaik OECD untuk Tadbir Urus Pengawal Selia dan Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers* – IADI). Amalan terbaik ini mengesyorkan agar pengawal selia mengekalkan kebebasan operasi, tadbir urus yang baik, ketelusan, akauntabiliti serta terlindung daripada gangguan luar.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan oleh Pengurusan tentang inisiatif korporat, urusan operasi yang penting dan prestasi Pengurusan berdasarkan kad skor korporatnya. Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor dari segi fungsi kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

Lembaga Pengarah berhak mendapat nasihat profesional bebas atas perbelanjaan PIDM berdasarkan Polisi dan Prosedur bagi Pelantikan Kaunsel Perundangan Bebas atau Penasihat Lain.

PIAWAIAN 2: KEBERKESANAN DAN TANGGUNGJAWAB TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah akan memperoleh dan mengekalkan pemahaman tentang matlamat dan kuasa PIDM, serta tanggungjawab tadbir urusnya.

Bagi mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah akan:

- (i) membangun dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab tersebut dan akan menilai secara objektif, keberkesanannya dalam berbuat demikian dari semasa ke semasa; dan*
- (ii) memastikan PIDM mempunyai pengaturan bagi orientasi ahli pengarah baharu dan latihan berterusan yang bersesuaian dengan tanggungjawab dan keperluan tadbir urus Lembaga Pengarah.*

Penilaian Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menjalankan penilaian tahunan terhadap prestasi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah individu. Secara umum, setiap 3 tahun, Lembaga Pengarah akan melantik penilai luaran untuk menilai prestasinya.

Pada Jun 2017, Lembaga Pengarah telah melantik penilai luaran, cameron.ralph.khoury,¹ untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan amalan tadbir urusnya. Kriteria penilaian termasuklah kemahiran, pengalaman, etika, kepimpinan dan kebebasan Pengarah, pemahaman yang meluas, kualiti dan ketepatan masa maklumat yang diberikan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, kualiti pemantauan Lembaga Pengarah menerusi mekanisme akauntabiliti, kualiti proses pembuatan keputusan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta dinamik kumpulan dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Proses ini dijalankan melalui penilaian diri dan tinjauan rakan setara.

cameron.ralph.khoury telah memberi penarafan “kukuh” kepada Lembaga Pengarah PIDM bagi tahun 2017.² Lembaga Pengarah menunjukkan keupayaan yang kukuh dalam kebanyakan elemen kritikal keberkesanan Lembaga Pengarah dan aktif dalam meminimumkan risiko tadbir urus organisasi dan pemegang kepentingan. Lembaga Pengarah mempunyai kefahaman mendalam terhadap cabaran yang dihadapi oleh industri. Penilaian Lembaga Pengarah juga mengetengahkan bahawa terdapat beberapa risiko dan jurang dari segi pengetahuan institusi dan gabungan kemahiran apabila mana-mana Lembaga Pengarah bersara.

Berikutan penilaian ini, Lembaga Pengarah memutuskan untuk memantau proses perancangan pengurusan penggantian bagi memastikan kesinambungan keupayaan teknikal dalam kalangan Lembaga Pengarah.

Orientasi dan Latihan Lembaga Pengarah

Ahli Pengarah yang baru dilantik perlu menjalani program orientasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Mereka disediakan dengan bahan bertulis seperti Buku Panduan Pengarah, dan taklimat untuk membantu mereka memperoleh kefahaman mengenai matlamat, kuasa dan tanggungjawab tadbir urus PIDM.

Pada tahun 2017, Encik Johan Mahmood Merican dan Puan Gloria Goh telah menjalani program orientasi tersebut.

Lembaga Pengarah PIDM komited untuk mendapatkan pengetahuan teknikal yang mendalam dan terkini dalam hal ehwal berkaitan dengan tugas PIDM, termasuk perancangan pemulihan dan resolusi. Oleh itu, ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri beberapa sesi pendidikan pada tahun 2017.

¹ Cameron Ralph Pty Ltd.

² cameron.ralph.khoury mempertimbangkan bahan-bahan rujukan yang disediakan oleh organisasi dan temu bual bersama pengarah dan lain-lain, untuk penilaian ini, yang hanya berkaitan dengan risiko tadbir urus korporat bagi tempoh tertentu. Penarafan ini tidak boleh, dan tidak mewakili penilaian kredit atau kesesuaian organisasi sebagai pelaburan, atau penilaian ke atas risiko tadbir urus korporatnya pada masa lain atau dalam keadaan yang telah berubah

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Antaranya termasuk:

- Sistem Premium Berbeza, 14 April 2017
- Perancangan Resolusi, 27 April 2017
- Siri Kepimpinan Lembaga Pengarah Tersohor FIDE FORUM, Ketidakekapan yang Cekap: Membentuk Lembaga Pengarah Berkesan dalam Dunia yang Berubah-ubah, 4 Mei 2017
- BankTech Asia '17, 5 hingga 6 Julai 2017
- Siri Kepimpinan Lembaga Pengarah Tersohor FIDE FORUM, Fintech: Peluang bagi Industri Perkhidmatan Kewangan di Malaysia, 11 Julai 2017
- Mesyuarat Tahunan, Bengkel Kerja Serantau dan Persidangan Antarabangsa Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik, IADI Ke-15, Yogyakarta, 19 Julai 2017
- Rangka Kerja Kumpulan Dana Sasaran, 24 Julai 2017
- Kerelevanan Fintech kepada PIDM, 15 Ogos 2017
- Keadaan Ekonomi Malaysia, 11 September 2017
- Rejim Resolusi Efektif – Bidang Polisi Utama, 13 September 2017
- Mesyuarat Agung dan Persidangan Tahunan IADI Ke-16, Quebec City, 8 hingga 13 Oktober 2017

Ahli pengarah yang baharu dilantik digalakkan untuk menghadiri Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education* – FIDE) yang dijalankan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif.

PIAWAIAN 3: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

Apabila Lembaga Pengarah melantik sesebuah jawatankuasa, ia akan menentukan tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah tersebut, serta keperluan akauntabiliti bagi Jawatankuasa ini.

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi membantu pemantauan urusan dan hal ehwal PIDM. Tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah diperincikan dalam piagam masing-masing dan boleh didapati di laman web PIDM. Lembaga Pengarah mengkaji semula piagam-piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara berkala. Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempertimbangkan, mencadangkan dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah bagi hal-hal dalam bidang tanggungjawab mereka. Laporan ringkasan tugas-tugas Jawatankuasa ini boleh didapati di halaman 81 dan 82. Semua Jawatankuasa mengamalkan kajian semula terhadap kemajuan berbanding peranan dan tanggungjawab mereka yang ditetapkan dalam piagam masing-masing sepanjang tahun.

PIAWAIAN 4: KOMPOSISI DAN PENGURUSAN PENGGANTIAN LEMBAGA PENGARAH

Ahli-ahli Lembaga Pengarah hendaklah mengekalkan kebebasan, dan harus mempunyai gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, sejajar dengan objektif dan hala tuju strategik PIDM.

Bagi mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah, melalui perundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif, akan:

- membangunkan profil kemahiran dan keupayaan yang diinginkan bagi membolehkan Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawabnya dan menasihati Menteri Kewangan mengenai gabungan kemahiran dan keupayaan yang diinginkan yang perlu dipertimbangkan bagi mengisi kekosongan Pengarah bukan ex officio; dan*
- mewujudkan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah untuk dicadangkan kepada Menteri Kewangan bagi urusan penggantian Pengarah yang teratur.*

Akta PIDM menetapkan komposisi Lembaga Pengarah dan menggariskan keperluan tertentu bagi memastikan kedua-dua perspektif sektor awam dan swasta wujud dalam Lembaga Pengarah.³ Akta ini juga menetapkan syarat-syarat tertentu yang akan membatalkan kelayakan seseorang daripada dilantik atau kekal dalam Lembaga Pengarah, antara lain, bagi memastikan kebebasan Lembaga Pengarah daripada pengaruh luaran.⁴

Profil Lembaga Pengarah secara kolektif dan individu disemak dari semasa ke semasa dengan merujuk kepada keperluan semasa, tahap pembangunan dan aspirasi PIDM dalam menentukan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Lembaga Pengarah kemudiannya secara berkala menjalankan analisis jurang kemahiran untuk membandingkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman sedia ada dalam Lembaga Pengarah dengan profil yang diinginkan dan mengambil kira sebarang kelemahan apabila menimbangkan calon-calon berpotensi untuk kekosongan jawatan bukan *ex officio* dalam Lembaga Pengarah.

Kemahiran semasa Lembaga Pengarah adalah seperti disenaraikan di bawah:

Kelayakan, Kemahiran, Pengetahuan atau Pengalaman yang Diperlukan	Bilangan Pengarah
Pernah atau sedang mengetuai badan berkanun atau badan awam yang berkaitan	5
Kepakaran dalam bidang kewangan termasuk kelayakan profesional sebagai akauntan dan pengalaman luas dalam pengauditan dan pengurusan kewangan	3
Pengurusan risiko	1
Ekonomi	5
Pengalaman dalam bidang perundangan dan perakaunan yang berkaitan dengan undang-undang komersial, kewangan korporat, penerimaan, kebangkrutan dan insolvensi, penyusunan semula syarikat, penggabungan dan pengambilalihan	2
Pengawalseliaan perkhidmatan perbankan dan kewangan	2
Perbankan perdagangan atau operasi perniagaan dalam perbankan perdagangan	1
Insurans atau operasi perniagaan insurans	2
Amalan terbaik pengurusan sumber manusia	1
Isu-isu pengguna berkaitan institusi ahli, tadbir urus korporat dan komunikasi	1

Sejak tahun 2015, polisi malar segar telah digabungkan dalam polisi perancangan penggantian Lembaga Pengarah bagi memastikan perubahan dan perspektif baharu kepada Lembaga Pengarah. Oleh itu, Pengarah bukan *ex officio* pada umumnya akan bersara setelah berkhidmat selama 2 penggal berturut-turut, iaitu 3 tahun setiap penggal, kecuali terdapat justifikasi untuk kekal berkhidmat melebihi 6 tahun.

³ Seksyen 11 Akta PIDM

⁴ Seksyen 14 Akta PIDM

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PIAWAIAN 5: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tanggungjawab dan akauntabiliti Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas.

Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:

- (i) membangunkan huraian jawatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif;*
- (ii) membangunkan 1 set objektif korporat sekurang-kurangnya sekali setahun, yang mana Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk mencapainya dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berpanduan objektif tersebut; dan*
- (iii) mewujudkan hubungan akauntabiliti Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah.*

Tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas dalam huraian jawatan bagi kedua-dua peranan tersebut. Terdapat juga huraian bagi hubungan antara jawatan Lembaga Pengarah, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Petunjuk Prestasi Utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan setiap tahun berdasarkan objektif korporat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dipantau mengikut Petunjuk Prestasi Utama dan dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah pada setiap akhir tahun.

PIAWAIAN 6: PELANTIKAN PEGAWAI KORPORAT KANAN

Lembaga Pengarah PIDM akan melantik pegawai korporat kanan PIDM (selain Ketua Pegawai Eksekutif) dan menentukan terma perkhidmatan dan ganjaran yang diterima.

Menurut Undang-Undang Kecil Korporat PIDM, Lembaga Pengarah melantik pegawai-pegawai korporat kanan dan menentukan terma-terma perkhidmatan dan ganjaran mereka. Pegawai yang dilantik oleh Lembaga Pengarah adalah Ketua Pegawai Operasi dan Kaunsel Am, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Juruaudit Dalaman dan Setiausaha Korporat.

PIAWAIAN 7: GANJARAN PEGAWAI

Lembaga Pengarah akan memastikan, dari semasa ke semasa, bahawa ganjaran yang diterima oleh pegawai dan kakitangan PIDM adalah sejajar dengan pencapaian mapan objektif PIDM, pengurusan berhemat terhadap hal ehwal dan risiko yang dihadapinya, serta pematuhan terhadap polisi dan prosedur.

Lembaga Pengarah akan menyemak semula program ganjaran bagi semua Pengarah, dan mengemukakan cadangan berkenaan dengannya kepada Menteri Kewangan.

Sejajar dengan Akta PIDM, Lembaga Pengarah menentukan polisi ganjaran bagi kakitangan PIDM.⁵ Jawatankuasa Ganjaran menyemak semula polisi ganjaran dari semasa ke semasa dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara ini.

PIDM memerlukan kumpulan individu dengan kepakaran khusus untuk mencapai mandatnya. Oleh itu, setiap tahun Lembaga Pengarah menanda aras ganjaran kakitangan PIDM berbanding tahap ganjaran pasaran am bagi memastikan ganjaran kekal kompetitif. Kakitangan PIDM diberikan bonus yang berkait dengan prestasi, iaitu bergantung kepada prestasi mereka yang dinilai berbanding Petunjuk Prestasi Utama yang telah diselaraskan daripada Petunjuk Prestasi Utama Ketua Pegawai Eksekutif dan rancangan korporat.

⁵ Seksyen 12(1)(a) Akta PIDM

Pada Disember 2017, Lembaga Pengarah telah meluluskan kenaikan gaji bagi tahun 2018 dan bonus prestasi bagi tahun 2017 untuk kakitangan PIDM. Jumlah gaji dan upah untuk kakitangan bagi tahun 2017 berjumlah RM55.7 juta. Rujuk halaman 166 laporan tahunan ini.

Di bawah Akta PIDM, setiap Ahli Lembaga Pengarah akan dibayar yuran dan elaun serta ganjaran lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan, atas cadangan Lembaga Pengarah.⁶ Setiap Pengarah dibayar yuran dan elaun tahunan bagi kehadiran di mesyuarat PIDM. Tiada perubahan kepada struktur ganjaran bagi Lembaga Pengarah pada tahun 2017. Jumlah yuran dan ganjaran, termasuk manfaat perubatan, yang diterima oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2017 berjumlah RM1.4 juta. Rujuk halaman 167 laporan tahunan ini.

PIAWAIAN 8: PERANCANGAN PENGURUSAN PENGGANTIAN

Lembaga Pengarah akan merancang pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan menyemak semula perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama.

Di bawah Akta PIDM, Ketua Pegawai Eksekutif dilantik oleh Menteri Kewangan atas cadangan Lembaga Pengarah.⁷

Lembaga Pengarah telah membangunkan rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif sebelum berakhirnya tempoh perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif ketika itu. Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian untuk memantau rancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif. Pada tahun 2017, Lembaga Pengarah telah melaksanakan rancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif tersebut. Menteri Kewangan telah melantik Encik Rafiz Azuan Abdullah berkuat kuasa 28 Ogos 2017. Encik Rafiz Azuan merupakan Pengurus Besar Eksekutif di PIDM sebelum pelantikan tersebut, menggantikan Encik Jean Pierre Sabourin yang bersara pada Ogos 2017.

Pada tahun 2017, Lembaga Pengarah juga terus memantau rancangan pengurusan penggantian bagi pengurusan kanan utama.

PIAWAIAN 9: PIAWAIAN TATALAKU DAN ETIKA

Lembaga Pengarah akan memastikan Pengurusan membangunkan polisi, strategi, proses dan kawalan yang mencukupi dalam PIDM bagi mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk tatalaku beretika, komitmen kakitangan terhadap operasi PIDM dan tahap kepuasan kerja kakitangan yang tinggi.

Lembaga Pengarah telah menetapkan piawaian tatalaku dan etika yang dijangkakan daripada para Pengarah dan kakitangan melalui Kod Tatalaku dan Etika Urusan, Kod Konflik Kepentingan serta Polisi Pendedahan Maklumat Mengenai Salahlaku di Tempat Kerja (Polisi Pendedahan Maklumat).

PIDM menyediakan latihan secara berkala untuk kakitangan mengenai tatalaku beretika, pencegahan konflik kepentingan, keselamatan maklumat, serta kod dan polisi lain yang berkaitan. Ia menilai pemahaman kakitangan terhadap kod dan polisi ini melalui ujian pematuhan tahunan. Para pengarah dan kakitangan PIDM juga dikehendaki membuat pengisytiharan aset mereka setiap tahun. Laporan pematuhan terhadap undang-undang, piawaian dan etika disediakan bagi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran.

PIDM menjalankan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan setiap 2 tahun dan membentangkan hasil kaji selidik tersebut kepada Lembaga Pengarah. Kaji selidik ini mengukur pandangan kakitangan terhadap beberapa topik termasuk nilai dan etika kepimpinan kanan. Pada tahun 2017, PIDM mencapai Indeks Keterlibatan Mapan sebanyak 88%, yang serupa dengan skor yang dicapai pada tahun 2015.

⁶ Seksyen 16 Akta PIDM

⁷ Seksyen 19 Akta PIDM

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah mempunyai tahap jaminan yang tinggi bahawa kakitangan PIDM memahami piawaian tatalaku yang dijangkakan daripada mereka dan mematuhi undang-undang dan polisi-polisi utama PIDM.

PIAWAIAN 10: RISIKO UTAMA KEPADA PIDM

Lembaga Pengarah akan:

- (i) memperoleh pemahaman mengenai risiko utama urusan PIDM;
- (ii) memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk mengurus risiko-risiko ini dilaksanakan dan sentiasa disemak semula;
- (iii) memperoleh jaminan yang wajar, secara berterusan bahawa sistem ini dipatuhi dan risiko yang boleh menjejaskan PIDM terus diurus secara efektif; dan
- (iv) memastikan Ketua Pegawai Risiko (atau semasa ketiadaan beliau, Timbalan Pengurus Besar daripada Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi) hendaklah menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan.

Polisi risiko Lembaga Pengarah menyatakan komitmen PIDM terhadap amalan Pengurusan Risiko Organisasi yang wajar. Maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko PIDM boleh didapati di Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam dan di halaman 86.

PIAWAIAN 11: PERSEKITARAN KAWALAN DAN AUDIT DALAMAN

Lembaga Pengarah akan memastikan PIDM mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasi dan risiko yang dihadapinya (termasuk risiko yang boleh menghalang pencapaian matlamatnya) serta mempunyai polisi dan amalan yang efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.

Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:

- (i) memperuntukkan sumber dan menubuhkan kumpulan audit dalaman serta menetapkan mandatnya;
- (ii) meluluskan pelan auditnya setiap tahun; dan
- (iii) memperoleh jaminan wajar daripada kumpulan audit dalaman secara berkala berkaitan dengan pemantauan dan pematuan terhadap kawalan dalaman, integriti sistem serta tindakan sewajarnya telah diambil bagi menangani sebarang kelemahan ketara atau kegagalan yang dikenal pasti.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko PIDM dan memperoleh jaminan masing-masing daripada Pengurusan, Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko.

Bagi memastikan kebebasan proses audit dalaman, Ketua Pegawai Risiko melapor, dari segi fungsi kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa Audit bertanggungjawab dalam memantau tugas fungsi audit dalaman. Perbincangan akan diadakan bersama Pengerusi Jawatankuasa Audit sebelum pelantikan atau penamatan khidmat Ketua Pegawai Risiko, serta temuduga kemasukan dan tamat perkhidmatan akan dijalankan bersama Ketua Pegawai Risiko. Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tanpa had kepada Jawatankuasa Audit.

Butiran lanjut mengenai kawalan dalaman PIDM disediakan dalam Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 86.

PIAWAIAN 12: DALAM KAWALAN

Lembaga Pengarah akan memperoleh secara berkala jaminan wajar bahawa PIDM berada “dalam keadaan terkawal”.

(Nota: Konsep “dalam keadaan terkawal” merujuk kepada keadaan operasi PIDM yang tertakluk kepada tadbir urus yang berkesan oleh Lembaga Pengarah dan diurus berpandukan proses pengurusan strategik dan risiko secara berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai dan yang mana kelemahan utama yang berkaitan akan dikenal pasti, ditangani dan dikemukakan untuk perhatian Lembaga Pengarah.)

Di samping jaminan yang diperolehi oleh Lembaga Pengarah sebagaimana yang dinyatakan berkaitan dengan Piawaian 10, 11 dan 13, Lembaga Pengarah mempunyai jaminan yang sewajarnya bahawa PIDM adalah “dalam keadaan terkawal” atas sebab-sebab berikut:

- Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah menetapkan jangkaan Lembaga Pengarah terhadap Pengurusan, dan membuat penilaian terhadap sokongan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah setiap tahun.
- Terdapat proses pengurusan strategik yang ditetapkan dalam Piawaian 13.
- Laporan-laporan yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah adalah menyeluruh dan menggariskan tujuan laporan, isu-isu untuk dipertimbangkan, implikasi risiko cadangan-cadangan berserta penilaian kualiti, analisis dan cadangan yang mantap. Ahli Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada pengurusan kanan dan sekiranya perlu, Lembaga Pengarah boleh menyoal Pengurusan dan menjalankan siasatan terperinci mengenai apa-apa perkara.
- Lembaga Pengarah juga boleh menyoal Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalaman, yang melapor dari segi fungsi kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, berkenaan risiko-risiko utama atau hal kawalan dalaman serta pandangan mereka mengenai keandalan maklumat yang diberikan. Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalaman menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan.
- Lembaga Pengarah menerima surat-surat representasi yang lengkap daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Risiko yang mengesahkan ketepatan dan keandalan maklumat yang disediakan kepada Lembaga Pengarah. Setiap ketua bahagian juga menyediakan surat-surat representasi kepada Ketua Pegawai Risiko serta Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan tanggungjawab mereka bagi mengenal pasti dan mengurus risiko, serta prestasi fungsi-fungsi mereka. Di samping itu, Ketua Juruaudit Dalaman menyediakan surat representasi kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengenai integriti dan pematuhan terhadap sistem kawalan dalaman yang mentadbir maklumat yang disediakan kepada Lembaga Pengarah oleh Pengurusan.

PIAWAIAN 13: PROSES PENGURUSAN STRATEGIK

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menyemak dan mengawasi pembangunan serta meluluskan rancangan dan hala tuju strategik PIDM, dengan mengambil kira peluang dan risiko yang dihadapi oleh PIDM.

Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah akan:

- menilai objektif PIDM secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan dan, sekiranya perlu, mencadangkan pindaan untuk pertimbangan Menteri Kewangan;
- mengguna pakai proses perancangan strategik;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, meluluskan objektif dan strategi operasi, bajet operasi, bajet modal, rancangan peminjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat menurut objektif PIDM, persekitaran terkini dan yang dijangka, risiko, sumber dan kedudukan kewangan;
- menilai prestasi PIDM secara berkala dalam melaksanakan perancangan dan bajet yang diluluskan; dan
- memperoleh jaminan secara berkala bahawa PIDM mempunyai proses pengurusan strategik yang berkesan.

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah menilai objek PIDM secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan. Lembaga Pengarah telah membuat penilaian bahawa objektif pewujudan rejim resolusi efektif adalah sejajar dengan matlamat berkanun PIDM, dalam seksyen 4 Akta PIDM, untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Lembaga Pengarah telah mengguna pakai proses perancangan strategik. Lembaga Pengarah memberikan pandangannya terhadap hala tuju strategik PIDM, berdasarkan persekitaran operasinya, yang mana rancangan korporat terperinci yang sejajar dengan hala tuju strategik telah dibangunkan, yang menggariskan inisiatif-inisiatif berserta garis masa dan Petunjuk Prestasi Utama serta rancangan kewangan dan sumber. Laporan mengenai kemajuan inisiatif dan Petunjuk Prestasi Utama PIDM berbanding dengan rancangan korporat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah secara berkala.

Sejajar dengan kriteria yang ditetapkan dalam rangka kerja kawalan dalaman, pada tahun 2017, Lembaga Pengarah telah memperoleh jaminan yang sewajarnya bahawa urusan dan hal ehwal PIDM diurus secara berkesan selaras dengan proses pengurusan strategik sedia ada.

PIAWAIAN 14: KOMUNIKASI BERKESAN

Lembaga Pengarah akan memastikan terdapat komunikasi yang efektif antara PIDM dengan orang awam, Bank Negara Malaysia, badan-badan berkanun atau pengawal selia yang lain, pendeposit, pemilik polisi, institusi ahli dan pihak berkaitan yang lain.

Polisi komunikasi PIDM bertujuan memupuk keyakinan orang awam terhadap kestabilan sistem kewangan menerusi kewujudan kesedaran dan kefahaman mengenai mandat PIDM, serta menyebarkan maklumat dan boleh dihubungi oleh orang awam dan pemegang kepentingan bagi memperoleh kepercayaan dan keyakinan mereka.

Pada tahun 2016, polisi komunikasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah telah disemak semula dan didapati masih terkini dan relevan. Dari segi komunikasi:

- (a) Lembaga Pengarah mengawasi pelaksanaan pelan komunikasi bersepadu PIDM.
- (b) Setiap tahun, rancangan korporat dan laporan tahunan PIDM diedarkan kepada pemegang kepentingan utamanya dan juga boleh didapati di laman webnya. Laporan tahunan PIDM telah diiktiraf dan menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi kecemerlangan dalam pelaporan. Pada tahun 2017, PIDM menerima anugerah perak daripada *Australasian Reporting Awards* bagi Laporan Tahunan 2015. PIDM juga mengedarkan bahan-bahan berkaitan kepada orang awam dalam bahasa-bahasa utama yang lain.

Laporan mengenai penglibatan lain PIDM bersama pemegang kepentingannya boleh didapati di halaman 37 dan 38.

PIAWAIAN 15: KAJIAN SEMULA POLISI TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah akan menyemak semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah setiap tahun bagi memastikan ia kekal responsif terhadap situasi dan keperluan PIDM dan sejajar dengan undang-undang yang dipatuhi oleh PIDM, mandat PIDM, serta menyediakan panduan bagi hal tadbir urus yang khusus bagi badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.

Setiap tahun, Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Tadbir Urus, menanda aras pengaturan tadbir urusnya terhadap amalan terbaik tadbir urus korporat. Lembaga Pengarah juga menyemak semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah bagi memastikan ia kekal responsif terhadap situasi dan keperluan PIDM. Tiada pindaan dibuat kepada Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada tahun 2017.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Sepanjang tahun 2017, 4 Jawatankuasa Lembaga Pengarah menyokong Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Tadbir Urus, Jawatankuasa Ganjaran, dan Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian. Pada tahun 2017, kesemua Jawatankuasa Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab terhadap piagam masing-masing. Piagam setiap Jawatankuasa tersebut boleh didapati di laman web PIDM.

Jawatankuasa Audit

Berikut ialah ringkasan laporan bidang tugas utama Jawatankuasa Audit pada tahun 2017:

Audit Dalaman

Pada tahun 2017, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan 4 laporan audit dalaman yang dikeluarkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Ini termasuk semakan semula tahunan terhadap pematuhan kawalan dalaman PIDM dan laporan audit mengenai penyata kewangan PIDM dan pendedahan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, pusat pemulihan bencana, dan penilaian keselamatan – ujian penembusan dan analisis kerencanan sistem dan persekitaran teknologi maklumat PIDM.

Cadangan yang berbangkit daripada audit ini telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit serta respons dan pelan tindakan Pengurusan telah dipertimbangkan. Bagi tahun 2017, tiada sebarang peristiwa kelemahan atau kekurangan yang ketara dilaporkan berkenaan dengan kecukupan dan integriti pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang terdapat dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM. Tiada kerugian kewangan berlaku sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan akibat dan kelemahan atau kekurangan dalam sistem pengurusan risiko dan kawalan dalamannya.

Jawatankuasa Audit telah menyemak pelan audit dan khidmat perundingan bagi tahun 2018 - 2020 dan mempertimbangkan bajet dan keperluan sumber Bahagian tersebut. Jawatankuasa Audit memantau prestasi fungsi audit dalaman terhadap pelan audit dan khidmat perundingan sekali setahun dan memastikan kebebasan fungsi audit dalaman. Jawatankuasa Audit juga memantau pelaksanaan pelan tindakan yang berbangkit daripada audit dalaman terdahulu.

Audit Pengurusan

Objektif utama audit pengurusan adalah untuk menilai keberkesanan PIDM dalam memenuhi mandat, visi dan misinya melalui semakan semula pelaksanaan strategi dan pendekatan, penggunaan pakai metodologi dan proses serta penggunaan sumber dalam mentadbir operasi PIDM. Hasil audit pengurusan akan digunakan untuk menyelaraskan semula atau meningkatkan operasi PIDM untuk mencapai mandatnya dengan lebih efektif.

Pada tahun 2017, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan laporan kemajuan audit pengurusan termasuk hasil penilaian kajian semula di peringkat entiti. Sebagai sebahagian daripada semakan di peringkat entiti, penilaian telah dijalankan terhadap keadaan semasa persediaan keseluruhan PIDM. Hasil semakan semula ini menunjukkan bahawa PIDM telah mewujudkan struktur dan persediaan di peringkat organisasi yang diperlukan, termasuk kuasa perundangan utama yang diperlukan untuk memenuhi mandatnya.

Pelaporan Kewangan

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan peranan pengawasannya bagi memastikan kebolehpercayaan, ketepatan, serta kejelasan pelaporan kewangan dengan menyemak penyata kewangan dan maklumat lain yang terkandung dalam laporan tahunan dan rancangan korporat. Di bawah Akta PIDM, laporan tahunan PIDM (termasuk penyata kewangan dan laporan daripada Ketua Audit Negara) mesti dikemukakan kepada Menteri Kewangan, 3 bulan selepas tahun berakhir (31 Disember).

Proses Pelaporan Kewangan, Polisi Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalaman

Jawatankuasa Audit menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkaitan dengan penyata kewangan tahunan, bahagian Perbincangan dan Analisis Pengurusan laporan tahunan, laporan audit luaran dan semakan integriti proses pelaporan kewangan dan laporan kawalan dalaman. Jawatankuasa Audit juga memperoleh pengesahan bertulis daripada Ketua Juruaudit Dalaman mengenai sistem kawalan dalaman PIDM.

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Pengawasan Pengurusan Strategik dan Kewangan

Jawatankuasa Audit memenuhi tanggungjawabnya terhadap pengawasan pengurusan kewangan, termasuk pengurusan bajet tahunan dan pelaburan. Khususnya, Jawatankuasa Audit menyemak laporan berkala mengenai kemajuan terhadap Rancangan Korporat 2017 - 2019, serta mempertimbang dan mencadangkan Rancangan Korporat 2018 - 2020.

Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Audit memberi nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pengarah berkenaan pengurusan risiko. Peranan Jawatankuasa Audit dijelaskan dalam Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 86. Jawatankuasa Audit mempunyai akses tanpa had dan secara terus kepada Ketua Pegawai Risiko, yang melapor secara berkala mengenai aktiviti Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi serta risiko utama. Jawatankuasa Audit juga memantau pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko utama melalui laporan tetap ini.

Pematuhan Etika dan Perundangan

Jawatankuasa Audit menyemak laporan mengenai pematuhan terhadap undang-undang yang diguna pakai, serta kod dan polisi utama daripada Kaunsel Am.

Simulasi Pembayaran Dalaman

Jawatankuasa Audit mempertimbangkan laporan mengenai keputusan latihan simulasi pembayaran yang dilaksanakan oleh PIDM. Objektif utama simulasi tersebut dinyatakan di halaman 30.

Jawatankuasa Tadbir Urus

Pada tahun 2017, Jawatankuasa Tadbir Urus telah melaksanakan perkara berikut:

- (a) membangunkan program pendidikan tahunan Lembaga Pengarah. Program ini dijelaskan di halaman 74;
- (b) menyemak polisi dan amalan tadbir urus utama PIDM agar sejajar dengan perkembangan terkini tadbir urus korporat;
- (c) menyemak proses bagi perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah dan profil Pengerusi; dan
- (d) menyemak pendedahan tadbir urus korporat dalam laporan tahunan termasuk pendedahan berkaitan fungsi audit dalaman.

Jawatankuasa Ganjaran

Pada tahun 2017, Jawatankuasa Ganjaran menyemak laporan status Bahagian Sumber Manusia termasuk kemas kini mengenai Pelan Modal Insan Strategik PIDM 2015 - 2020. Ia juga menyemak semula kemajuan berbanding dengan Rancangan Korporat 2017 - 2019.

Jawatankuasa Ganjaran juga telah mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk meluluskan pemberian bonus kakitangan bagi tahun 2017 dan kenaikan gaji kakitangan bagi tahun 2018.

Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

Pada tahun 2017, Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian terlibat dalam proses pemilihan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif baharu untuk menggantikan Ketua Pegawai Eksekutif yang telah berkhidmat dengan PIDM selama 12 tahun. Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian telah dibubarkan pada bulan Julai 2017. Seterusnya, Jawatankuasa Tadbir Urus akan mengawasi perancangan pengurusan penggantian bagi pegawai-pegawai korporat sejajar dengan Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus.

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah*Kehadiran Pengarah-Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah*

Nama	21 Feb	19 Mei	23 Mei	27 Jul	18 Sep	10 Nov	5 Dis	Jumlah
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias*	1	1	1	1	tidak berkenaan	tidak berkenaan	tidak berkenaan	4
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff*	tidak berkenaan	tidak berkenaan	tidak berkenaan	tidak berkenaan	1	1	1	3
Gabenor Muhammad Ibrahim	1	1	1	1	1	1	1	7
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah	1	0	1	0	0	0	0	2
Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad*	1	1	1	1	1	1	1	7
Encik Alex Foong Soo Hah	1	1	1	1	1	1	1	7
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	1	1	1	1	1	1	1	7
Dato' Dr. Gan Wee Beng	1	1	1	1	1	1	1	7
Encik Johan Mahmood Merican*	1	0	1	0	0	1	0	3
Puan Gloria Goh Ewe Gim*	1	1	1	1	1	1	1	7

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias *bersara berkuatkuasa 14 Ogos 2017

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff *dilantik berkuatkuasa 15 Ogos 2017

Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad *bersara berkuatkuasa 2 Januari 2018

Encik Johan Mahmood Merican *dilantik berkuatkuasa 3 Januari 2017

Puan Gloria Goh Ewe Gim *dilantik berkuatkuasa 3 Februari 2017

Kehadiran Pengarah-Pengarah di Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Nama	15 Feb	3 Mei	22 Ogos	23 Ogos	15 Nov	11 Dis	Jumlah
Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad	1	1	1	1	1	1	6
Encik Alex Foong Soo Hah	1	1	0	1	1	1	5
Encik Johan Mahmood Merican	1	0	0	1	1	0	3
Puan Gloria Goh Ewe Gim	1	1	1	1	1	1	6

Kehadiran Pengarah-Pengarah di Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus

Nama	7 Feb	2 Ogos	Jumlah
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias	1	1	2
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	1	1	2
Puan Gloria Goh Ewe Gim	1	1	2

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Pengarah-Pengarah di Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran

Nama	16 Mei	17 Nov	Jumlah
Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad	1	1	2
Dato' Dr. Gan Wee Beng	1	1	2
Encik Johan Mahmood Merican	1	0	1

Kehadiran Pengarah-Pengarah di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

Nama	17 Apr	Jumlah
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias	1	1
Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad	1	1
Encik Alex Foong Soo Hah	1	1



AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

PIDM menggunakan pakai Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Swasta. Ia mentadbir 6 dana berbeza dan berasingan di bawah Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, seperti yang dinyatakan di Bahagian 1 – Tinjauan. Dana-dana tersebut dilaporkan dan dinyatakan secara berasingan.

Laporan Lembaga Pengarah bagi penyata kewangan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan Pernyataan Pengarah yang disertakan bersamanya boleh didapati di halaman 104.

Terdapat 5 subsidiari yang telah ditubuhkan pada tahun 2012 sebagai kesediaan operasi bagi mengendalikan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Syarikat-syarikat ini tidak aktif pada masa ini. Sejajar dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari tersebut juga tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Ini adalah kerana penggabungan penyata kewangan PIDM dengan penyata kewangan subsidiarinya tidak akan memberi maklumat yang bermakna serta pandangan yang tepat dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi PIDM. Pendedahan kewangan dan impak ke atas mana-mana intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli hanya akan memberi kesan ke atas dana-dana tertentu yang berkait dengan institusi ahli berkenaan. Tambahan pula, menurut keperluan Piawaian 10 Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS 10) *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai "kawalan" ke atas subsidiarinya, seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10. Rujuk Nota 2.2(c) penyata kewangan untuk butiran terperinci.

Audit

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957. PIDM mengekalkan hubungan kerja dengan juruaudit luaran daripada Jabatan Audit Negara, yang mana wakilnya dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagaimana lazimnya, wakil Jabatan Audit Negara menerima semua laporan dan dokumentasi Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat

Jawatankuasa Audit. Wakil Jabatan Audit Negara telah menghadiri 2 daripada 6 mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan pada tahun 2017. Fi tahunan yang dibayar kepada Jabatan Audit Negara boleh didapati di halaman 167 laporan tahunan ini.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2016 yang diterbitkan baru-baru ini, iaitu "Laporan Ketua Audit Negara 2016 – Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun Persekutuan", PIDM mencapai skor 90.12% bagi Audit Indeks Akauntabiliti 2016, yang meletakkannya dalam kategori prestasi tertinggi, iaitu "cemerlang".

SISTEM INSURANS DEPOSIT ISLAM DAN SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL

PIDM mendapatkan nasihat dan kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengenai mana-mana isu Syariah berkaitan dengan operasi sistem insurans deposit Islam dan sistem perlindungan manfaat takaful. Pengaturan dan ciri-ciri utama sistem insurans deposit Islam dan sistem perlindungan manfaat takaful telah diluluskan oleh Majlis tersebut. Premium yang diperoleh daripada institusi ahli Islam dan takaful diurus secara berasingan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

Premium dan pendapatan daripada pelaburan dikumpulkan dalam Dana Insurans Deposit Islam atau Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful. Hanya perbelanjaan yang berasaskan Syariah sahaja boleh dicajkan kepada Dana Insurans Deposit Islam atau Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful.

Sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan sesebuah bank ahli Islam atau pengendali takaful, Dana Insurans Deposit Islam dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful masing-masing akan digunakan. Kesemua amaun lebihan mesti digunakan untuk memenuhi kewajipannya (jika ada) berkenaan dengan deposit Islam yang diinsuranskan atau manfaat takaful yang layak. Sekiranya PIDM dikehendaki mengumpul dana daripada Kerajaan dan pasaran, pengaturan pendanaan sedemikian akan disediakan mengikut prinsip Syariah.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM membantu PIDM untuk mengurus risiko secara bersepadu, di seluruh organisasi. Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi menyokong secara proaktif pengenalan dan pengurusan risiko yang boleh menghalang PIDM daripada mencapai misi dan objektifnya melalui proses Pengurusan Risiko Organisasi yang jelas.

Rangka kerja tadbir urus bagi pengurusan risiko dan kawalan dalaman boleh didapati di laman web PIDM. Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi yang dilaksanakan di PIDM ditanda aras terhadap Piawaian bagi Pengurusan Risiko Australia / New Zealand (AS/NZS 4360: 2004), Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway (*Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission – COSO*) – Pengurusan Risiko Organisasi Rangka Kerja Bersepadu, dan Organisasi Piawaian Antarabangsa 31000:2009 (Pengurusan Risiko – Prinsip dan Garis Panduan).

Terdapat akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas bagi pengurusan risiko:

- (a) Lembaga Pengarah memastikan bahawa terdapat proses Pengurusan Risiko Organisasi yang sesuai untuk mengurus risiko dan menyemak proses Pengurusan Risiko Organisasi serta mengawasi pelaksanaannya. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, mengawasi aktiviti pengurusan risiko organisasi. Lembaga Pengarah juga memperoleh jaminan yang sewajarnya mengenai pematuhan kepada proses Pengurusan Risiko Organisasi dan bahawa risiko diuruskan dengan efektif.
- (b) Ketua Pegawai Risiko memberikan jaminan bebas mengenai pengurusan risiko utama dan menyediakan laporan bagi membolehkan Lembaga Pengarah menilai sama ada terdapat proses Pengurusan Risiko Organisasi yang sesuai dan efektif.
- (c) Pengurusan memikul tanggungjawab utama untuk melaksanakan proses pengurusan risiko. Ia mengetuai, mengurus dan memantau aktiviti pengurusan risiko. Pengurusan risiko terus diperkukuh dalam kalangan kakitangan, termasuk melalui perbincangan secara berkala di mesyuarat jawatankuasa risiko dan taklimat untuk kakitangan. Setiap tahun, bengkel penilaian risiko diadakan.

Penilaian Risiko 2017

Pada tahun 2017, aktiviti pengurusan risiko utama adalah seperti berikut:

- (a) Pengurusan menyemak dan menilai risiko dalam daftar risiko organisasi PIDM. Ini melibatkan penyempurnaan satu kitaran penuh proses Pengurusan Risiko Organisasi, iaitu untuk mengenal pasti, menaksir, menilai, menangani, memantau, melapor dan memaklumkan risiko yang dihadapi oleh PIDM yang boleh menghalang PIDM daripada mencapai objektif, misi dan visinya.
- (b) Menjalankan kaji selidik penilaian kematangan risiko terhadap proses pengurusan risiko PIDM dalam kalangan kakitangan, yang menghasilkan penarafan dalaman Tahap 3,⁸ yang menyatakan bahawa PIDM mempunyai proses pengurusan risiko yang wajar dan diseragamkan dengan prosedur yang ditakrifkan dan didokumenkan.
- (c) Mengemas kini pelan kesinambungan urusan PIDM bagi memastikan ia kekal terkini. Simulasi juga dijalankan dengan tujuan untuk memastikan PIDM mampu meneruskan fungsi urusannya yang kritikal sekiranya berlaku sesuatu bencana.

Kesimpulan Mengenai Risiko

Susulan aktiviti penilaian risiko pada tahun 2017, kesimpulan yang dicapai berhubung 6 kategori risiko mendapati risiko PIDM sama ada termasuk dalam kategori “boleh diterima” atau “boleh diurus”, yang mana aliran risiko kekal stabil atau meningkat. Tiada perubahan ketara kepada pengadaran risiko residual pada tahun 2017 dan tahun sebelumnya. Bidang risiko utama PIDM kekal sama, iaitu yang timbul daripada kategori risiko kakitangan, insurans dan reputasi.

⁸ Tahap kematangan risiko PIDM diakses berada pada Tahap 3 daripada skala 1 hingga 5, berdasarkan Model Kematangan Risiko the risk management society (RIMS)

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Kategori Risiko	Huraian Risiko	Pengadaran Risiko Residual	Aliran Risiko
Kakitangan	Bagaimana PIDM mengurus atau menangani kakitangannya.	●	↑
Insurans	Penilaian, pemantauan, intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli, dan risiko berkaitan yang lain yang wujud dalam menyediakan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.	●	↑
Reputasi	Kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap PIDM.	●	↔
Strategik	Strategi dan tadbir urus bagi mencapai mandat, visi, misi, objektif atau inisiatif PIDM.	●	↔
Kewangan	Pergerakan negatif dalam nilai aset dan liabiliti kewangan PIDM, di dalam dan luar lembaran imbalan serta keupayaannya untuk memenuhi obligasi kewangannya.	●	↔
Operasi	Operasi harian termasuk kekurangan atau kegagalan dalam proses dan sistem dalaman.	●	↔

Definisi Pengadaran Risiko Residual		Aliran Risiko
● Boleh Diterima Keseluruhannya, risiko residual boleh diterima dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan. ● Peringatan Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pemantauan rapi, dan / atau inisiatif yang telah dikenal pasti sebelumnya untuk mengukuhkan pengurusan risiko tidak dilaksanakan sepenuhnya, walaupun tindakan yang sesuai dan tepat pada masa sedang dijalankan.	● Boleh Diurus Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pelan tindakan risiko sebagai mitigasi, dan tindakan yang sesuai dan tepat pada masa dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut. ● Kebimbangan Serius Keseluruhannya, risiko residual tidak boleh diterima, termasuk jurang ketara yang mungkin wujud dalam amalan dan kawalan pengurusan risiko.	↔ Stabil ↑ Meningkat ↓ Menurun

Pelan tindakan untuk mengurangkan bidang-bidang risiko utama ini digambarkan sebagai inisiatif dalam rancangan korporat PIDM. Kemajuan inisiatif utama dan pencapaian PIDM pada tahun 2017 diperincikan dalam Tinjauan Prestasi di Bahagian 3 – Perbincangan dan Analisis Pengurusan.

Risiko-risiko utama diurus dan dipantau menurut kecenderungan risiko PIDM. Ketua Pegawai Risiko berpendapat bahawa tiada kategori risiko yang memerlukan pengawasan yang lebih rapi, kerana kawalan yang mencukupi telah disediakan dan pelan tindakan risiko yang sesuai telah dirumuskan untuk mengurangkan risiko ini dengan efektif.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Rangka kerja kawalan dalaman PIDM adalah berasaskan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway Kawalan Dalaman – Rangka Kerja Bersepadu (Rangka Kerja COSO).

Polisi, Amalan dan Proses Utama

Polisi, amalan dan proses utama berikut telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM.

Bidang Tumpuan	Kawalan
Struktur organisasi dan matriks autoriti	- Pembahagian kuasa dan tanggungjawab yang sewajarnya. - Matriks autoriti yang menetapkan peruntukan kuasa strategik dan operasi Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
Kod tatalaku	Sesi latihan dan kesedaran kepada kakitangan mengenai Kod Tatalaku dan Etika Urusan, Kod Konflik Kepentingan, Polisi Pendedahan Maklumat Mengenai Salah Laku di Tempat Kerja dan Polisi Terhadap Gangguan Luaran.
Sistem, polisi dan prosedur	Penyeragaman dan penyepaduan polisi dan prosedur operasi utama dengan pengurusan risiko dan kawalan dalaman.
Keselamatan maklumat	- Rangka kerja keselamatan maklumat korporat. - Semakan tahunan untuk menilai tahap pematuhan kepada piawaian Organisasi Piawaian Antarabangsa (<i>International Organization for Standardization – ISO</i>) / Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (<i>International Electrotechnical Commission – IEC</i>). - Sesi latihan kesedaran keselamatan maklumat bagi kakitangan.
Kesinambungan urusan dan pemulihan bencana	Latihan simulasi untuk menguji kemudahan bangunan dan teknologi maklumat di pusat pemulihan bencana.

Semakan Tahunan Mengenai Pematuhan PIDM Terhadap Kawalan Dalaman

Pengurusan menjalankan semakan tahunan mengenai pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman. Bagi tahun dalam tinjauan, keputusan penilaian kawalan dalaman menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, Pengurusan telah memastikan bahawa kawalan dalaman yang mantap telah diwujudkan.

Kesimpulan Mengenai Kawalan Dalaman

Bagi tahun 2017, tiada peristiwa kelemahan atau kekurangan ketara dilaporkan berkenaan kecukupan dan integriti pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang terdapat dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM. Tiada kerugian kewangan berlaku sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan akibat kelemahan atau kekurangan dalam sistem pengurusan risiko dan kawalan dalamannya.

SEMAKAN LEMBAGA PENGARAH TERHADAP SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah menyemak keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM berdasarkan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Semakannya termasuk yang berikut:

- (a) Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara berkala. Ini termasuk laporan semakan penyata kewangan PIDM oleh Jawatankuasa Audit; pematuhannya terhadap undang-undang dan etika; keberkesanan kawalan yang terdapat dalam sistem atau proses yang diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan; laporan daripada Jawatankuasa Ganjaran mengenai pematuhan terhadap polisi utama dan undang-undang yang berkaitan modal insan; serta laporan daripada Jawatankuasa Tadbir Urus mengenai pematuhan terhadap polisi tadbir urus utama.
- (b) Lembaga Pengarah mempertimbangkan, 2 kali setahun:
 - laporan kewangan PIDM, termasuk penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan; dan
 - laporan terkini dan kemajuan prestasi keseluruhan Pengurusan berbanding dengan inisiatif dan sasaran diluluskan yang ditetapkan dalam rancangan korporat, serta penilaian Pengurusan terhadap faktor dalaman dan luaran yang boleh menjejaskan kemajuan rancangan korporat tersebut.
- (c) Di samping itu, pandangan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah juga diperolehi mengenai kekukuhan semasa persekitaran kawalan dalaman PIDM.

PENYATAAN LEMBAGA PENGARAH MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Representasi

Ketua Pegawai Risiko menyediakan Surat Representasi Pengurusan Risiko Organisasi tahunan kepada Lembaga Pengarah yang mengesahkan bahawa risiko PIDM sedang diurus serta polisi dan proses Pengurusan Risiko Organisasi yang berkaitan terus efektif dan relevan.

Surat representasi Pengurusan Risiko Organisasi tahunan daripada setiap Ketua Bahagian juga dikemukakan kepada Ketua Pegawai Risiko untuk mengesahkan bahawa risiko setiap Bahagian diuruskan dan memenuhi kehendak Lembaga Pengarah berkenaan tanggungjawab Bahagian dalam mengurangkan risiko tersebut serta memupuk akauntabiliti Pengurusan.

Keberkesanan pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman setakat 31 Disember 2017 telah dinilai oleh Pengurusan dan disahkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berdasarkan kriteria yang digariskan dalam rangka kerja kawalan dalaman. Surat representasi tahunan disediakan oleh Ketua Juruaudit Dalaman kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah yang menyatakan keputusan penilaian mengenai sistem kawalan dalaman PIDM. Ia merangkumi bidang-bidang yang dipertimbangkan sebagai risiko utama, dan termasuk bidang-bidang yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaporan kewangan PIDM, iaitu kawalan yang menyokong penyediaan penyata kewangan.

Ketua Audit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor secara fungsian kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif, dan mempunyai akses tanpa had kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Ini adalah bagi memastikan kebebasan dan keupayaan mereka untuk memenuhi tanggungjawab mereka dengan efektif. Terdapat 5 orang kakitangan di Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan menurut pengetahuan Lembaga Pengarah, kakitangan tersebut bebas daripada apa-apa hubungan atau konflik kepentingan yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka.

Berdasarkan penilaian dan keberkesanan rangka kerja, sistem, polisi, amalan dan proses PIDM yang telah pun dilaksanakan dan dikekalkan, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap telah diwujudkan dan dikekalkan.

Pernyataan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 22 Februari 2018.

LEMBAGA PENGARAH

AHLI DAN PROFIL



TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengerusi (dilantik pada Ogos 2017)

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Januari 2012



TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

Pengerusi (dari Ogos 2011 hingga Ogos 2017)

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Ogos 2005

Kelayakan:

- Ijazah Doktor Falsafah, Australian National University, Australia
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Western Michigan University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian), Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2017 bagi tempoh 3 tahun. Sebelum ini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah PIDM dari Januari 2012 hingga Januari 2017. Tan Sri Dr. Rahamat Bivi merupakan mantan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi. Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, yang bertanggungjawab bagi Bahagian Sistem dan Kawalan.

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysia Nuclear Power Corporation, IOI Corporation Bhd, Ekuiti Nasional Berhad dan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand. Beliau juga merupakan anggota Majlis Penasihat Penyelidikan Perbadanan Nasional Bhd.

Kelayakan:

- Felo Institute of Chartered Accountants Australia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Kehormat Kedoktoran Perakaunan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Western Australia, Australia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad memiliki pengalaman luas dalam bidang pengauditan dan perakaunan. Pada tahun 2006, beliau menerima pengiktirafan antarabangsa menerusi Anugerah Pencapaian di Asia daripada Association of Chartered Certified Accountants.

Bersara daripada Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2017



MUHAMMAD BIN IBRAHIM, FCB
Pengarah Ex Officio
Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Mei 2016

Kelayakan:

- Felo Asian Institute of Chartered Bankers
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Harvard University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Sains Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Muhammad bin Ibrahim ialah Gabenor Bank Negara Malaysia. Dilantik pada Mei 2016, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia.

Gabenor Muhammad merupakan Pengerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Asian Institute of Finance, dan International Centre for Education in Islamic Finance.

Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan Pengerusi Bersama Kumpulan Perundingan Serantau Lembaga Kestabilan Kewangan untuk Asia dengan Gabenor Reserve Bank of Australia dan mempengerusikan Jawatankuasa Piawaian Global dan Polisi bagi Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (*Alliance for Financial Inclusion*).

Gabenor Muhammad adalah seorang Pemegang Amanah Tabung Amanah Kebangsaan.



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH
Pengarah Ex Officio
Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Ogos 2012

Kelayakan:

- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Amerika Syarikat
- Ijazah Kedoktoran Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Tenaga dan Polisi, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Demografi, Universiti Malaya, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dalam sektor awam pada tahun 1984 sebagai Penolong Pengarah di Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomati Malaysia, Bahagian Ekonomi Wilayah di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Beliau menyandang pelbagai jawatan di Unit Perancang Ekonomi sebelum menyertai Kementerian Kewangan pada tahun 2003 sebagai Ketua Pembantu Setiausaha, Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa. Pada 24 Ogos 2012, beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar merupakan ahli Lembaga Pengarah beberapa organisasi termasuk Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji, Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. dan Bank Negara Malaysia. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cyberview Sdn. Bhd., Malaysian Global Innovation dan Creativity Centre dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.

LEMBAGA PENGARAH

AHLI DAN PROFIL



DATO DR. NIK RAMLAH MAHMOOD

Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Ogos 2016

Kelayakan:

- Ijazah Kedoktoran, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Dato Dr. Nik Ramlah bersara sebagai pengawal selia, setelah berkhidmat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia selama 23 tahun sehingga persaraan beliau pada 31 Mac 2016. Beliau menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada tahun 1993 sebagai Pengurus Pembaharuan Undang-Undang dan bertugas dalam pelbagai jawatan termasuk Pengarah Dasar dan Pembangunan, Pengarah Eksekutif Kanan, Pengarah Urusan dan Timbalan Ketua Eksekutif.

Beliau kini menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti, Axiata Group Berhad, United Malacca Berhad, edotco Group Sdn. Bhd. dan Amanah Saham Nasional Berhad. Beliau merupakan ahli Panel Pembangunan Profesional International Centre for Education in Islamic Finance dan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan serta Profesor Adjung, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.



ENCIK ALEX FOONG SOO HAH

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Ogos 2011

Kelayakan:

- Felo Society of Actuaries, Amerika Syarikat
- Perancang Kewangan Berdaftar dengan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia
- Ijazah Sarjana Sains Aktuari, Northeastern University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik, Universiti Malaya, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Encik Alex Foong Soo Hah merupakan ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, MRCB Quill Management Sdn. Bhd., Aviva Ltd. Singapore dan Pentadbir Pencen Swasta Malaysia. Beliau memiliki pengalaman luas dalam industri insurans, dan pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat insurans terkemuka dari tahun 1996 hingga 2009 dan sebelum itu di sebuah syarikat insurans senaraian awam. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Aktuari Malaysia.



ENCIK MOHAMAD ABDUL HALIM AHMAD

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Januari 2012

Kelayakan:

- Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants of England and Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama) Kejuruteraan Awam, Imperial College, University of London, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad merupakan mantan Ketua Eksekutif Syarikat Kumpulan Peremba sehingga persaraan beliau pada tahun 2014. Pada tahun 1988, beliau merupakan Pengurus Besar Kewangan dan Pengarah Kewangan Landmarks Berhad, yang terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk perniagaan hotel, pelaburan dan pembangunan hartanah, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kerja-kerja infrastruktur. Dari tahun 1996 hingga 2005, beliau merupakan Pengarah Urusan Landmarks Berhad. Dari tahun 1994 hingga 2008, beliau menganggotai pelbagai lembaga pengarah termasuk Rashid Hussain Berhad, Saujana Consolidated Berhad, Shangri-La Hotels (Malaysia) Berhad, Landmarks Berhad dan TDM Berhad.



DATO' DR. GAN WEE BENG

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Ogos 2016

Kelayakan:

- Ijazah Kedoktoran Ekonomi, Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Dato' Dr. Gan Wee Beng pernah memegang beberapa jawatan penting dalam CIMB Group termasuk Penasihat Perbankan Pelaburan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan Risiko) dan Pengarah Eksekutif di CIMB Bank, CIMB Investment Bank dan CIMB Securities Bhd.

Pelantikan lain beliau selain di CIMB Group adalah sebagai Penasihat Kanan, Jabatan Ekonomi Monetary Authority of Singapore, dan Perunding kepada Bank Dunia, International Labour Organisation dan Bank Negara Malaysia. Beliau juga pernah menjadi Felo Penyelidikan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia.

Ketika ini, beliau merupakan Pengerusi KWEST Sdn. Bhd. dan ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

LEMBAGA PENGARAH

AHLI DAN PROFIL



ENCIK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Januari 2017

Kelayakan:

- Ahli Institute of Chartered Accountants of England and Wales
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Encik Johan Mahmood Merican ialah Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan) Unit Perancang Ekonomi, jawatan yang disandanginya sejak Jun 2016.

Sebelum pelantikan jawatannya sekarang, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sejak penubuhannya pada Januari 2011. Di bawah kepimpinan beliau, TalentCorp telah memacu perkongsian pihak awam dan swasta bagi memenuhi keperluan tenaga kerja Malaysia. Antara tahun 2004 dan 2010, beliau merupakan Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri Kewangan dan seterusnya di Unit Perancang Ekonomi.

Sebelum kerjaya beliau dalam sektor awam, beliau telah bekerja selama 9 tahun, menyandang beberapa jawatan dalam bahagian kewangan korporat dan perakaunan di Malaysian Resources Corporation Berhad, Sime Darby Berhad dan PricewaterhouseCoopers.



PUAN GLORIA GOH EWE GIM

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:
Februari 2017

Kelayakan:

- Felo CPA Australia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University of Melbourne, Australia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Puan Gloria Goh Ewe Gim adalah rakan kongsi yang telah bersara daripada Ernst & Young, Malaysia dan bekas Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia dan Persekutuan Akauntan ASEAN. Beliau juga merupakan bekas presiden Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat Bahagian Malaysia. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Penasihat Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, University of Melbourne, Australia.

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

AHLI DAN PROFIL

RAFIZ AZUAN ABDULLAH

Ketua Pegawai Eksekutif

Pelantikan berkuat kuasa dari:

Ogos 2017



Kelayakan:

- Advanced Management Program, Harvard Business School, Amerika Syarikat
- Profesional Accounting Association of Chartered Certified Accountants
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan, Lancaster University, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Rafiz Azuan Abdullah menyertai PIDM pada tahun 2007, yang mana beliau menyertai Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan, dan menerajui penyempurnaan Sistem Penilaian Risiko untuk PIDM. Pada tahun 2011, dengan mandat baharu PIDM yang turut meliputi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, beliau menubuhkan rangka kerja Sistem Penilaian Risiko dan Levi Berbeza bagi ahli penginsurans. Pada Jun 2014, Rafiz Azuan menyandang jawatan Pengurus Besar Eksekutif, sebagai sebahagian daripada rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif PIDM.

Beliau juga memainkan peranan aktif di peringkat antarabangsa, terutamanya dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*). Beliau merupakan ahli Majlis Eksekutif IADI dan pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Insurans Deposit Islam IADI.


Sebelum menyertai PIDM, Rafiz Azuan berkhidmat di Rating Agency Malaysia selama lebih 10 tahun, yang mana beliau mempunyai pengkhususan dalam penarafan institusi kewangan, syarikat hartanah dan pembinaan. Pada tahun 1999, Rafiz Azuan dipinjamkan kepada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat di Bank Negara Malaysia untuk membantu penyusunan semula syarikat-syarikat yang bermasalah akibat kemelesetan ekonomi.

JEAN PIERRE SABOURIN

Ketua Pegawai Eksekutif*

Pelantikan berkuat kuasa dari:

Ogos 2005



Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Rotman School of Management, University of Toronto, Kanada

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Jean Pierre Sabourin memulakan kerjaya beliau di Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC) pada tahun 1976 dan menyandang pelbagai jawatan kanan sehingga dilantik oleh Kerajaan Kanada sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CDIC pada tahun 1990, jawatan yang dipegangnya selama 15 tahun sehingga persaraan beliau pada April 2005. Di bawah kepimpinan beliau, CDIC berkembang menjadi penginsurans deposit dengan amalan terbaik, dengan kejayaan dalam mengendalikan resolusi bagi lebih 40 kegagalan institusi kewangan.

Sepanjang tempoh kerjayanya selama 40 tahun dalam bidang insurans deposit di Malaysia dan Kanada, Jean Pierre memperoleh pengalaman yang tidak ternilai dalam semua aspek insurans deposit. Pelbagai negara di seluruh dunia telah mendapatkan bantuan kepakaran beliau untuk mewujudkan dan menambah baik sistem insurans deposit mereka.

Antara pencapaian Jean Pierre termasuklah mempengerusikan Kajian Antarabangsa dan Kumpulan Kerja Forum Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Forum - FSF*) yang kini dikenali sebagai Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board - FSB*), pewujudan Sistem Insurans Deposit Efektif dari tahun 1999 hingga 2001. Beliau juga mengetuai Dialog Polisi mengenai Insurans Deposit Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (*Asia-Pacific Economic Cooperation - APEC*) yang pertama kali diadakan dan mengusulkan cadangan kepada Menteri-menteri APEC bagi pengukuhan sistem insurans deposit. Pada Mei 2002, beliau menerajui pembangunan dan penubuhan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*) dan dipilih sebagai Pengerusi dan Presiden pertama Majlis Eksekutif IADI, jawatan yang disandangnya hingga tahun 2007.

* Bersara pada Ogos 2017

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

AHLI DAN PROFIL

LIM YAM POH⁹

Ketua Pegawai Operasi dan
Kaunsel Am

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Ogos 2017



Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of Birmingham, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Lim Yam Poh dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi pada 28 Ogos 2017. Beliau bertanggungjawab terhadap Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam, Bahagian Perundangan, dan Bahagian Perancangan Strategik. Beliau menyertai PIDM pada tahun 2006 sebagai Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat dan menyandang jawatan Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am pada tahun 2014.

Yam Poh berpengalaman dalam sektor swasta dan awam dalam penggubalan undang-undang dan polisi dan berkhidmat selama lebih 7 tahun dalam bidang perundangan di Kuala Lumpur. Antara tahun 1997 dan 2000, beliau berkhidmat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan kemudiannya di Hong Kong Securities and Futures Commission dalam Bahagian Pengawasan Pasaran serta Kewangan Korporat sehingga tahun 2005.

Yam Poh menyertai Majlis Peguam England dan Wales dan di Malaysia.

LEE YEE MING

Pengurus Besar Kanan,
Penilaian Risiko dan Resolusi

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Januari 2018



Kelayakan:

- Juruaudit Dalam Bertauliah
- Ahli Berkanun Institut Juruaudit Dalam Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Kewangan, Western Michigan University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (summa cum laude), Western Michigan University, Amerika Syarikat

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Lee Yee Ming bertanggungjawab bagi integrasi dan pelaksanaan menyeluruh bagi proses penilaian dan pemantauan risiko, intervensi awal, perancangan resolusi, pelaksanaan resolusi dan pembayaran balik yang tepat pada masanya dan efektif bagi manfaat yang dilindungi dan deposit yang diinsuranskan dalam institusi ahli PIDM. Beliau juga menyelia fungsi pengumpulan premium dan levi di PIDM.

Yee Ming menyertai PIDM pada tahun 2007 sebagai Ketua Pegawai Risiko. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa pada tahun 2011, dan dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan, Unit Perancangan Resolusi pada Disember 2016.

Sebelum menyertai PIDM, Yee Ming mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang perundangan dan perbankan dalam pelaksanaan Basel II, pengurusan risiko organisasi dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjayanya di sebuah institusi kewangan di Illinois, Amerika Syarikat dan kemudiannya menyertai Ernst & Young di Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan.

⁹ Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

LIM LEE NA⁹

Setiausaha Korporat

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Jun 2014



Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan Perakaunan, Australian National University, Australia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Australian National University, Australia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Lim Lee Na menyediakan khidmat sekretariat kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Beliau juga menyokong Lembaga Pengarah dalam membangunkan dan mengekalkan amalan tadbir urus yang baik dengan menyediakan penyelidikan dan khidmat nasihat. Lee Na menyertai PIDM pada tahun 2007 sebagai Penasihat Undang-Undang Kanan dan menerajui pembangunan Sistem Pendaftaran Produk untuk mengautomasikan proses semakan dan penilaian status kebolehsuinsuran produk deposit yang ditawarkan oleh bank-bank ahli serta program PIDM bagi memantau pematuhan bank-bank ahli terhadap peraturan PIDM.

Beliau memiliki pengalaman lebih 20 tahun dalam industri perbankan dan amalan perundangan, melalui kerjayanya di Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Southern Bank Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Tetuan Jeff Leong Poon & Wong. Beliau juga pernah menjadi editor undang-undang di Reed Elsevier.

Lee Na menyertai Majlis Peguam Malaysia pada tahun 1991.

WAN AHMAD IKRAM WAN AHMAD LOTFI⁹

Ketua Pegawai Kewangan dan
Pengurus Besar, Kewangan
dan Pentadbiran

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Jun 2017



Kelayakan:

- Felo, Chartered Accountants Australia dan New Zealand (CAANZ)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Melbourne, Australia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan kewangan dan pentadbiran pejabat PIDM. Secara khususnya, beliau bertanggungjawab ke atas hala tuju, pengurusan dan kawalan fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi yang berkaitan dengan pengurusan sistem maklumat dan teknologi, serta proses, polisi dan kawalan urusan operasi. Sejak menyertai PIDM pada tahun 2006, Ikram telah terlibat dalam pelbagai bidang operasi termasuk memainkan peranan dalam bidang jaminan dan nasihat sebagai Ketua Juruaudit Dalaman.

Ikram memulakan kerjayanya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum meneruskan kerjaya perakaunan profesionalnya bersama KPMG di Melbourne, Australia. Setelah kembali ke Malaysia, beliau menyertai Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Juruaudit Dalaman dan kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan.

Beliau telah memperoleh pengalaman luas dalam pelbagai peranan di beberapa organisasi dalam bidang pengauditan luaran dan dalaman, pengurusan risiko, operasi dan pentadbiran pejabat, operasi perakaunan dan kewangan, perbendaharaan dan pengurusan dana, perancangan korporat, kewangan korporat, penyusunan semula korporat, pengurusan proses perniagaan dan pematuhan, serta teknologi maklumat.

⁹ Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

AHLI DAN PROFIL

ZUFAR SULEIMAN ABU BAKAR⁹

Ketua Pegawai Risiko dan
Pengurus Besar, Pengurusan
Risiko Organisasi

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Januari 2018



Kelayakan:

- Juruaudit Dalam Bertauliah
- Ahli Berkanun Institut Juruaudit Dalam Malaysia
- Ijazah Sarjana Sains dalam Risiko Korporat dan Pengurusan Keselamatan, University of Southampton, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Bioproses, University of Bath, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Zufar Suleiman Abu Bakar bertanggungjawab untuk melaksanakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM dan membantu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan bagi memastikan risiko PIDM dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan. Beliau juga ditugaskan untuk melaksanakan rangka kerja Pengurusan Kesenambungan Urusan untuk PIDM. Zufar menyertai PIDM pada tahun 2013 sebagai Pengurus Kanan, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.

Zufar memulakan kerjayanya di Bahagian Nasihat Ernst & Young, Kuala Lumpur. Selepas 8 tahun, beliau menyertai Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas) untuk menubuhkan dan mengetuai Jabatan Pengurusan Risiko Organisasi dan Jabatan Audit Dalam. Beliau telah memperoleh pengalaman luas dalam bidang pengauditan dalaman dan operasi, pengurusan risiko organisasi, kajian semula jaminan kualiti, pengurusan program serta dokumentasi kawalan dalaman dan kajian semula yang melibatkan Akta Sarbanes-Oxley.

AFIZA ABDULLAH

Pengurus Besar, Polisi dan
Antarabangsa

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Disember 2016



Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perakaunan (Kepujian), University of Salford, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Afiza Abdullah bertanggungjawab terhadap bidang polisi utama dan hubungan antarabangsa PIDM. Tanggungjawab utama beliau adalah untuk menilai, membangun dan mencadangkan polisi yang melibatkan mandat dan operasi PIDM, mengajukan pandangan dan kepentingan PIDM menerusi penglibatan dalam perbincangan polisi yang relevan oleh badan-badan supranasional serta meletakkan PIDM pada kedudukan strategik di peringkat antarabangsa. Afiza menyertai PIDM pada tahun 2011 sebagai Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa.

Sebelum menyertai PIDM, Afiza memiliki pengalaman kawal selia selama 9 tahun dengan Bank Negara Malaysia dan terlibat antara lainnya, dalam merangka polisi berhemat bagi sektor insurans dan perbankan, pemodenan Akta Bank Pusat 2009 serta undang-undang kawal selia dan merupakan ahli pasukan teras dalam pembangunan Pelan Tindakan Kewangan Bank Negara Malaysia. Beliau memulakan kerjayanya di sebuah firma audit di London, United Kingdom dan menyertai sebuah bank pelaburan tempatan sekembalinya ke Malaysia, sebelum menyertai Bank Negara Malaysia.

⁹ Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

CHUA EE LEEN

Pengurus Besar, Perancangan Strategik

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Januari 2012



Kelayakan:

- Ahli CPA Australia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan Perakaunan dan Kewangan, Curtin University of Technology, Australia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Chua Ee Leen bertanggungjawab melaksanakan proses perancangan strategik PIDM dan membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menetapkan hala tuju strategik serta pembangunan pelan strategik dan kewangan. Beliau juga bertanggungjawab memantau dan melaporkan prestasi berbanding rancangan yang diluluskan, termasuk prestasi kewangan berbanding bajet. Beliau terlibat dalam pengurusan projek bagi inisiatif-inisiatif korporat utama.

Ee Leen sebelum ini berkhidmat di Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan membantu dalam pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM.

Sebelum menyertai PIDM pada tahun 2007, beliau mempunyai pengalaman lebih 7 tahun dalam bidang pengauditan, pengurusan risiko serta pembangunan polisi dan prosedur sepanjang kerjayanya di firma Ernst & Young di Kuala Lumpur, termasuk penugasan sementara selama setahun di sebuah kumpulan global syarikat tenaga dan petrokimia. Pengalaman pengauditannya termasuklah pengauditan dalaman dan luaran, semakan pematuhan bebas Sarbanes-Oxley serta semakan berkaitan pensijilan.

HELENA PREMA JOHN

Pengurus Besar, Sumber Manusia

Pelantikan berkuat kuasa dari:
November 2015



Kelayakan:

- Jurulatih Profesional dan Pengamal Bertauliah Program Neuro-Linguistik (National Federation of NLP) dan Neuro-Semantik (International Society of Neuro Semantics)
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia
- Diploma Program Pengurusan, Institut Pengurusan Malaysia, Malaysia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Helena Prema John bertanggungjawab membangunkan strategi dan pelan modal insan bagi memaksimumkan keberkesanan organisasi dan individu, dan menyediakan pelbagai polisi, program dan perkhidmatan modal insan yang menyeluruh bagi memastikan PIDM boleh terus menarik minat, membangun, melibatkan dan mengekalkan tenaga kerja yang berkaliber tinggi bagi memenuhi mandatnya.

Sebelum menyertai PIDM pada tahun 2010, beliau memiliki pengalaman lebih 20 tahun dalam pembangunan modal insan di pelbagai syarikat pembuatan multinasional, konglomerat tempatan dan industri perkhidmatan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

AHLI DAN PROFIL

LIM KONG KUAN

Pengurus Besar, Keahlian dan Pembayaran Balik

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Januari 2018



Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Sains Dagangan dan Kewangan Matematik (Cemerlang), City University Business School, City, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan), University of Sydney, Australia

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Lim Kong Kuan bertanggungjawab mengendalikan pembayaran balik bagi manfaat yang dilindungi dan deposit yang diinsuranskan. Beliau memainkan peranan penting dalam menerajui pembangunan kesediaan PIDM dalam mandatnya berkaitan pembayaran balik. Di samping itu, beliau juga bertanggungjawab dalam menguruskan program keahlian bagi institusi ahli termasuk pengumpulan premium dan levi. Sebelum ini, beliau merupakan perintis dalam membangunkan fungsi intervensi dan resolusi kegagalan PIDM. Beliau juga pernah memberi ceramah berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan di pelbagai acara di dalam dan luar negara. Beliau menyertai PIDM pada tahun 2006 sebagai Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko.

Sebelum menyertai PIDM, beliau berkhidmat selama 11 tahun di Bank Negara Malaysia. Pengalaman beliau di Bank Negara Malaysia termasuklah membangun dan menyemak semula polisi berhemat berkaitan keperluan kecukupan modal dan pengurusan risiko perbankan, khususnya risiko pasaran dan peraturan-peraturan berkaitan Basel II.

LIM TAI CHING

Pengurus Besar, Perundangan

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Januari 2015



Kelayakan:

- Sijil Praktik Perundangan daripada Legal Profession Qualifying Board
- Ijazah Sarjana Undang-Undang Kajian Perundangan Antarabangsa, Kyushu University, Jepun
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of London, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Lim Tai Ching bertanggungjawab menyediakan pelbagai khidmat guaman, termasuk membangun dan mengekalkan perundangan berkaitan bagi memastikan ia kekal relevan dan membolehkan PIDM memenuhi mandatnya dengan efektif, serta memastikan pematuhan kepada semua keperluan berkanun. Beliau juga mempengerusikan Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat, dari tahun 2011 hingga 2017, menerajui inisiatif utama yang tertumpu kepada pembangunan komuniti serta pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar bagi PIDM. Beliau menyertai PIDM pada tahun 2010 sebagai Penasihat Perundangan.

Beliau memulakan kerjaya guamannya di Tetuan Shook Lin & Bok. Selepas meninggalkan praktik perundangan, beliau menyertai Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian, dan menyokong operasinya bagi pejabat di Malaysia dan Kemboja.

Tai Ching menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia pada tahun 2002.

SARINA ARIFFIN

Pemangku Pengurus Besar,
Komunikasi dan Hal Ehwal
Awam

Pelantikan berkuat kuasa dari:
September 2017



Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Undang-Undang Antarabangsa, University of Nottingham, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of Nottingham, United Kingdom

Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Sarina Ariffin bertanggungjawab terhadap pelbagai inisiatif komunikasi untuk kesedaran awam PIDM, penglibatan bersama pemegang kepentingan, serta program pengiklanan dan promosi. Sarina mempunyai lebih 22 tahun pengalaman dalam bidang perhubungan awam dan komunikasi, yang mana beliau telah memegang pelbagai peranan.

Sarina memulakan kerjayanya di sebuah syarikat insurans dan kemudian menyandang jawatan dalam 2 syarikat senaraian awam dan di sebuah syarikat perundingan perhubungan awam.

Sebelum menyertai PIDM pada tahun 2008, beliau telah berkhidmat selama 10 tahun di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang mana beliau terlibat dalam pengurusan pemegang kepentingan, hal ehwal antarabangsa serta pengaduan pelabur dan pengurusan isu.

AZIRRUAN ARIFIN

Ketua, Perkhidmatan Guna
Sama

Pelantikan berkuat kuasa dari:
Januari 2018



Kelayakan:


- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia


Kemahiran, Pengalaman dan Kepakaran:

Azirruan Ariffin bertanggungjawab terhadap peruntukan perkhidmatan terpusat. Fungsi ini dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan dan menambah baik proses melalui model penyampaian perkhidmatan guna sama.

Azirruan menyertai PIDM pada tahun 2010 dan sebelum ini berkhidmat di Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko serta Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi. Sebelum menyertai PIDM, Azirruan merupakan Ketua Penasihat, Jabatan Audit dan Penasihat Perniagaan di Malaysian Airline System Berhad. Beliau juga mempunyai lebih 7 tahun pengalaman penyeliaan insurans dengan Bank Negara Malaysia dan pernah terlibat antara lain, dalam pembangunan garis panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram bagi industri insurans dan garis panduan bagi *Bancassurance*. Beliau memulakan kerjayanya di Malayan Banking Berhad sebelum menyertai Bank Negara Malaysia.

STRUKTUR ORGANISASI





PENYATA KEWANGAN

BAHAGIAN 6

Laporan Lembaga Pengarah
Pernyataan Pengarah
Akuan Berkanun
Persijilan Audit Negara
Penyata Kedudukan Kewangan
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan
Pendapatan Komprehensif Lain
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana
dan Rizab
Penyata Aliran Tunai
Nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- deposit Islam dan konvensional; dan
- manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana-dana yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2017 RM'000	2016 RM'000
Lebih bersih bagi tahun kewangan		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	368,705	356,797
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (tidak termasuk Pendapatan Komprehensif lain)	94,385	136,789
Jumlah lebih bersih	463,090	493,586

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab.

KEPUTUSAN KEWANGAN (sambungan)

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Jumlah Dana terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2017 RM'000	2016 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	1,684,676	1,388,304
Dana Insurans Deposit Islam	339,150	266,896
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	2,023,826	1,655,200
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Dana Perlindungan Insurans Am	1,216,735	1,183,067
Dana Perlindungan Insurans Hayat	283,073	236,969
Dana Perlindungan Takaful Am	22,307	17,758
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	44,526	34,485
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,566,641	1,472,279

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 ialah:

- Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (Pengerusi) (dilantik pada 15 Ogos 2017)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah
- Tan Sri Muhammad bin Ibrahim
- Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
- Dato' Dr. Gan Wee Beng
- Alex Foong Soo Hah
- Johan Mahmood Merican (dilantik pada 3 Januari 2017)
- Gloria Goh Ewe Gim (dilantik pada 3 Februari 2017)
- George Anthony David Dass (bersara pada 2 Februari 2017)
- Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias (Pengerusi) (bersara pada 14 Ogos 2017)
- Mohamad Abdul Halim bin Ahmad (bersara pada 2 Januari 2018)

Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah dan Muhammad bin Ibrahim adalah Pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada Pengarah *ex officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturan yang melibatkan PIDM, di mana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau berbayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 14 kepada penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

PENJEJASAN NILAI DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan penjejasan nilai yang diketahui perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penjejasan nilai yang perlu dibuat. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan memerlukan sebarang penjejasan nilai dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sepanjang tahun semasa, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dananya menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Dana bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila berlaku. Seperti yang dibincangkan di Nota 10 dalam penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana konvensional Perlindungan Insurans dan menyediakan tahap dana yang mencukupi untuk memenuhi kerugian bersih yang dijangka daripada aktiviti-aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Rangka kerja Dana Sasaran untuk Dana-dana Perlindungan Takaful bagi Dana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful masih di dalam proses pembinaan.

Sekiranya sesuatu Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi obligasinya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul Dana serta mentaksir dan mengenakan premium atau levi yang lebih tinggi dana dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Pendedahan Operasi

Pada tahun semasa, satu tuntutan telah dibuat terhadap PIDM oleh kontraktor utama bertanggungjawab untuk pembangunan pusat pemulihan bencana PIDM. Tuntutan yang bernilai lebih kurang RM1.2 juta ini berpunca dari pertikaian mengenai kerugian dan ganti rugi yang dikenakan terhadap kontraktor utama tersebut menurut peruntukan kontrak. Selepas pertimbangan nasihat undang-undang yang sewajarnya, walaupun masih ada kemungkinan tuntutan itu berjaya, kebarangkaliannya adalah rendah. Oleh yang demikian, tiada peruntukan dibuat di dalam penyata kewangan.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada pendedahan kepada kerugian yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

- (i) sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Menurut seksyen 10, Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan obligasinya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dormant sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari diuraikan dengan lanjut di Nota 2.2 (c), Nota 3.1 (a) dan Nota 7 kepada penyata kewangan.

Dalam tahun semasa, PIDM telah menghapus kira-amaun terutang daripada subsidiari-subsidiari berjumlah RM213,351 kerana subsidiari-subsidiari tersebut akan terus kekal dormant sehingga perlu diaktifkan bagi pencapaian matlamat tujuan seperti yang dinyatakan di Nota 7 kepada penyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- (i) Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Piawaian Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2017, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah



Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
22 Februari 2018


PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff dan Gloria Goh Ewe Gim, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* dan mematuhi *International Financial Reporting Standards* yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2017, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah



Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
22 Februari 2018

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2017, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 22 Februari 2018.

Kami, Rafiz Azuan bin Abdullah dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 22 Februari 2018.



Rafiz Azuan bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif



Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada Penyata Kewangan seperti yang dinyatakan pada muka surat 119 hingga 185.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan Penyata Kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

16 MAC 2018



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	26,163	20,755
Pelaburan	5		
<i>Pelaburan pegangan-hingga-matang</i>		3,498,582	3,052,014
Aset lain	6	39,591	31,716
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	—*	—*
Hartanah dan peralatan	8	38,275	37,420
Jumlah Aset		3,602,611	3,141,905
LIABILITI			
Akaun belum bayar	9	12,144	14,426
Jumlah Liabiliti		12,144	14,426
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
<i>Lebihan terkumpul</i>	10a	2,023,826	1,655,200
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
<i>Lebihan terkumpul</i>	10b	1,566,641	1,472,279
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		3,590,467	3,127,479
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		3,602,611	3,141,905

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Sila rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

bagi tahun berakhir 31 Disember

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Hasil premium dan levi	11	474,338	468,245
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	12	101,080	89,191
Jumlah pendapatan		575,418	557,436
Manfaat kakitangan	13	68,661	56,460
Perhubungan awam dan pengiklanan		8,795	10,853
Susut nilai hartanah dan peralatan	8	6,162	3,622
Pajakan operasi		6,066	6,048
Perbelanjaan lain	14	22,644	21,899
Jumlah perbelanjaan		112,328	98,882
Lebihan bersih operasi		463,090	458,554
Butiran di luar-jangka:			
Wang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans		–	35,032
Lebihan bersih bagi tahun semasa		463,090	493,586
Pendapatan komprehensif lain			
Pengukuran semula Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	9 ii	(102)	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	19	462,988	493,586

Nota: PIDM diberi pengecualian daripada cukai pendapatan.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB

bagi tahun berakhir 31 Disember

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM'000	Dana Insurans Deposit Islam RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
Lebih terkumpul				
Pada 1 Januari 2016	10a	1,095,738	202,665	1,298,403
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		292,566	64,231	356,797
Pada 31 Disember 2016	10a	1,388,304	266,896	1,655,200
Pada 1 Januari 2017	10a	1,388,304	266,896	1,655,200
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		296,372	72,254	368,626
Pada 31 Disember 2017	10a	1,684,676	339,150	2,023,826

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

	Nota	Dana Perlindungan Insurans Am RM'000	Dana Perlindungan Insurans Hayat RM'000	Dana Perlindungan Takaful Am RM'000	Dana Perlindungan Takaful Keluarga RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
Lebih terkumpul						
Pada 1 Januari 2016	10b	1,110,115	188,607	12,095	24,673	1,335,490
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		72,952	48,362	5,663	9,812	136,789
Pada 31 Disember 2016	10b	1,183,067	236,969	17,758	34,485	1,472,279
Pada 1 Januari 2017	10b	1,183,067	236,969	17,758	34,485	1,472,279
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		33,668	46,104	4,549	10,041	94,362
Pada 31 Disember 2017	10b	1,216,735	283,073	22,307	44,526	1,566,641

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli		474,338	468,245
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(108,020)	(96,236)
Penerimaan pendapatan pelaburan		134,059	116,981
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		500,377	488,990
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan / kematangan sekuriti pelaburan		2,657,117	1,846,606
Pembelian sekuriti pelaburan		(3,144,312)	(2,356,555)
Penerimaan dari Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans		–	35,032
Pembelian hartanah dan peralatan		(7,774)	(18,149)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(494,969)	(493,066)
Peningkatan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		5,408	(4,076)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		20,755	24,831
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	26,163	20,755

Nota 1: Penyata Aliran Tunai menunjukkan bagaimana tunai dan kesetaraan tunai telah berubah sepanjang tempoh pelaporan di PIDM. Selaras dengan MFRS 107, aliran tunai dibahagikan kepada aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan dalam Penyata Aliran Tunai adalah bersesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan bagi butir tunai dan kesetaraan tunai. Jumlah aset cair yang tersedia bagi PIDM turut merangkumi pelaburan (diterangkan di dalam Nota 5) dan pendapatan pelaburan belum terima (diterangkan di dalam Nota 6). Rujuk kepada Nota 20(c) untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko kecairan PIDM.

Nota 2: Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi;

- i. deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana-dana berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan ini melalui resolusinya pada 22 Februari 2018.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards – MFRS*) yang berkaitan.

Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board – IASB*).

Asas-asas pengukuran yang diguna pakai, dan polisi perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan diterangkan di dalam Nota 2.2. Penilaian dan anggaran perakaunan ketara diterangkan di dalam Nota 3.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan yang tidak diimbangi dalam Penyata Untung Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi penting perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), melainkan ianya dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

a. Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

b. Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Instrumen kewangan adalah aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh urusan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. (Ini termasuk urusan biasa: pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh penghantaran aset yang secara amnya ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran).

Apabila instrumen kewangan diiktiraf di peringkat awal, instrumen ini diukur pada nilai saksama. Bagi instrumen kewangan pelaburan pegangan-hingga-matang, nilai tersebut adalah termasuk kos langsung transaksi.

PIDM menentukan klasifikasi aset kewangannya di peringkat pengiktirafan awal, dan kategori tersebut termasuk pelaburan pegangan-hingga-matang serta pinjaman dan akaun belum terima.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran seterusnya

1. Aset kewangan

- **Pelaburan pegangan-hingga-matang**

Pelaburan yang dikelaskan sebagai pegangan-hingga-matang terdiri terutamanya daripada sekuriti dan pelaburan Kerajaan Malaysia, Nota Kewangan Bank Negara dan Sekuriti Hutang Swasta yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga tempoh matang dan bukan untuk diurusniagakan. Sekuriti ini yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tempoh matang yang tetap dinyatakan pada kos yang diselaraskan kepada pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan efektif, daripada tarikh pembelian sehingga tarikh matang serta mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf. Faedah atau pulangan yang diperoleh semasa memegang pelaburan ini, termasuk pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan efektif, serta sebarang kerugian penjejasan nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Sekiranya, PIDM menjual atau mengelaskan semula amaun yang tidak ketara pegangan-hingga-matang sebelum tempoh matang aset tersebut (selain daripada dalam keadaan tertentu), semua kategori yang terjejas akan dikelaskan semula sebagai sedia-untuk-dijual. Tambahan itu, PIDM juga dilarang daripada mengklasifikasikan mana-mana aset kewangan pegangan-hingga-matang dalam masa tempoh dua tahun.

- **Pinjaman dan Akaun belum terima**

Pinjaman dan akaun belum terima telah dinyatakan pada nilai bersih boleh realisasi. Penjejasan nilai dibuat apabila ianya dapat dikenal pasti.

2. Liabiliti kewangan

- **Akaun belum bayar**

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

b. Instrumen kewangan (sambungan)

(iii) Nilai Saksama Instrumen Kewangan

PIDM menyediakan maklumat nilai saksama pelaburannya untuk tujuan pendedahan. Nilai saksama ialah harga pada tarikh penilaian yang akan diterima untuk jualan aset atau dibayar untuk pemindahan liabiliti antara peserta pasaran, dalam suatu urusan niaga yang teratur. Nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk jualan aset atau pemindahan liabiliti tersebut berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- Jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah mesti boleh digunakan oleh PIDM.

Nilai saksama bagi sesuatu aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset atau liabiliti tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan penggunaan maksima input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan secara langsung.

Semua nilai saksama aset dan liabiliti yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 – Sebut harga yang tidak diubah bagi aset atau liabiliti yang serupa, yang diperolehi dari pasaran aktif.

Tahap 2 – Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 – Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

b. Instrumen kewangan (sambungan)

(iii) Nilai Saksama Instrumen Kewangan (sambungan)

Untuk tujuan pendedahan nilai saksama, PIDM telah menentukan setiap kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset atau liabiliti tersebut serta Tahap hierarki nilai saksama yang berkenaan, seperti yang dinyatakan di atas.

(iv) Penyahiktirafan

1. Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila:

- hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada instrumen yang telah tamat.
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian "*pass-through*", dan sama ada:
 - o PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
 - o PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian "*pass-through*", dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset masih diiktiraf selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Aset dan liabiliti yang telah dipindahkan, diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikekalkan.

Apabila instrumen aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhan, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

2. Liabiliti kewangan

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Jika suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama atas terma yang nyata berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan ke atas liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

c. Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

d. Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran hartanah dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah pegangan bebas	50 tahun
Perabot dan kelengkapan	20.00%
Kenderaan motor	20.00%
Ubah suai pejabat	20.00%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.33%

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

d. Hartanah dan peralatan, dan susut nilai (sambungan)

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. PIDM telah mempermodalkan tanah dan amaun tanah dipermodalkan adalah mengikut pengiktirafan awal menggunakan harga belian di samping kos-kos lain yang berkaitan yang dibelanjakan bagi membawa tanah tersebut kepada keadaannya pada masa sekarang.

Hartanah dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk diguna.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut. Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

e. Penjejasan nilai

1. Aset kewangan

PIDM menilai pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang menunjukkan bahawa nilai aset kewangan terjejas.

• Pelaburan pegangan-hingga-matang

Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang menunjukkan penjejasan nilai ke atas pelaburan pegangan-hingga-matang telah berlaku, PIDM mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan yang ketara di antara penerbit-penerbit dan penanggung-penanggung obligasi serta apa-apa keingkaran atau kelewatan ketara dalam pembayaran.

Sekiranya wujud sebarang keadaan sedemikian, amaun kerugian penjejasan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan pelaburan dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan efektif asal pelaburan tersebut. Nilai bawaan pelaburan pegangan-hingga-matang telah berkurang dan amaun kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan dan Kerugian.

Jika bagi tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurang dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas penjejasan nilai diiktiraf, kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini akan dibalikkan semula setakat mana amaun bawaan aset tersebut tidak melebihi kos terlunas pada tarikh pembalikan. Amaun penarikbalikan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

e. Penjejasan nilai (sambungan)

1. Aset kewangan (sambungan)

- Pinjaman dan akaun belum terima

Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan nilai ke atas pinjaman dan akaun belum terima telah berlaku, PIDM mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang, sebarang kelewatan atau keingkaran dalam pembayaran atau apabila terdapat bukti objektif bahawa PIDM tidak dapat mengumpul semua pinjaman tertunggak atau akaun belum terima menurut jangka kredit.

Jika bagi tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan keadaan yang berlaku selepas penjejasan nilai diiktiraf, pembalikan kerugian penjejasan nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

2. Aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperoleh semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset tersebut tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana akaun amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset tersebut.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperoleh semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

f. Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diiktiraf mengikut asas akrual. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan mengcajkan perbelanjaan terhadap Dana atau Kumpulan Dana yang berkaitan.

1. Pendapatan

Pendapatan premium dan levi yang diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan ditaksir berdasarkan premium dan levi yang ditaksirkan semasa tahun kewangan tersebut.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

2. Perbelanjaan

Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana tertentu dicaj kepada Dana atau Kumpulan Dana tersebut.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana akan diagih berdasarkan ketetapan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) Perintah 2017. Perintah 2017 yang dipinda ini menggantikan Perintah 2011 dimana asas pengagihan diganti dari premium dan levi kepada jumlah pendapatan yang diperolehi. Perintah 2017 yang dipinda ini berkuat kuasa dari tahun kewangan 2017 seterusnya dan tidak mengakibatkan perubahan terhadap maklumat perbandingan tahun sebelumnya.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

- (i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing.* Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini adalah berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2017, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kadar peruntukan yang digunakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

f. Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)

2. Perbelanjaan (sambungan)

Tahun	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2017	81.85%	18.15%	33.56%	51.39%	5.42%	9.63%
	100%		100%			
2016	81.24%	18.76%	15.53%	70.25%	4.70%	9.52%
	100%		100%			

- (ii) Perbelanjaan yang merupakan perbelanjaan biasa atau kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, perlu diperuntukkan berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Kumpulan Dana di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2017, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Dana masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Dana dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2017	100%	63.81%	14.15%	7.40%	11.33%	1.19%	2.12%
2016	100%	66.02%	15.25%	2.91%	13.16%	0.88%	1.78%

g. Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti bergajaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti bergajaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

g. Manfaat kakitangan (sambungan)

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan

1. Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

2. Rancangan Manfaat ditentukan

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat ditentukan tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016. Rancangan Persaraan Jangka Panjang memberi manfaat kepada pekerja yang berbentuk satu tahap jaminan pembayaran persaraan secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir pekerja. Pembayaran manfaat Rancangan Persaraan Jangka Panjang bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan.

Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang diiktirafkan di dalam kedudukan penyata kewangan adalah nilai kini obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada akhir tempoh pelaporan, termasuk pelarasan bagi untung / rugi aktuari dan mana-mana kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf.

PIDM akan menentukan perbelanjaan faedah bagi liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada tempoh tersebut dengan mengguna pakai kadar diskaun untuk mengukur obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada permulaan tempoh tahunan kepada liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang seterusnya. Perbelanjaan faedah dan perbelanjaan lain berkaitan dengan Rancangan Persaraan Jangka Panjang akan dinyatakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

h. Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan

Dasar perakaunan yang diterima pakai adalah selaras dengan tahun kewangan sebelumnya.

PIDM telah mengguna pakai lebih awal di dalam penyata kewangan bagi tahun sebelumnya, piawaian perakaunan dan pindaan terhadap MFRS berikut yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB"). Namun demikian, penguatkuasaan penggunaan piawaian perakaunan, pindaan dan taksiran MFRS tersebut telah ditunda, seperti yang berikut:

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang mana tarikh penguatkuasaannya telah ditunda:

- Amendments to MFRS 10 Consolidated Financial Statements – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture

Penggunaan pindaan dan penambahbaikan terhadap MFRS di atas tidak mempunyai sebarang kesan yang ketara ke atas prestasi kewangan atau kedudukan PIDM. Perubahan-perubahan ini juga tidak menyebabkan perubahan ketara terhadap dasar-dasar perakaunan PIDM.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh MASB tetapi belum diterima pakai oleh PIDM:

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018:

- MFRS 9 *Financial Instruments* (IFRS 9 issued by IASB in July 2014)

MFRS 9 *Financial Instruments* ("MFRS 9") yang diterbitkan oleh MASB pada Julai 2014 akan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula dari 1 Januari 2018. MFRS 9 menggantikan MFRS 139 *Financial Instruments: Recognition and measurement* ("MFRS 139"), dan juga mengakibatkan pindaan ketara terhadap piawaian lain yang berkaitan dengan instrumen kewangan seperti MFRS 7 *Financial Instruments: Disclosures* ("MFRS 7").

Pada tarikh berkuat kuasa, PIDM akan mengguna pakai MFRS 9 secara retrospektif dengan pilihan untuk tidak menyatakan semula maklumat perbandingan. Ini adalah kerana kesannya dijangka tidak ketara.

Dengan penggunaan MFRS 9, beberapa dasar-dasar perakaunan PIDM akan mengalami perubahan seperti berikut:

Klasifikasi dan pengukuran instrumen kewangan

Carta berikut merumuskan kesan terhadap klasifikasi dan pengukuran aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan PIDM:

Aset kewangan / Liabiliti kewangan	Kategori pengukuran asal di bawah MFRS 139	Kategori pengukuran baru di bawah MFRS 9
Tunai dan Kesetaraan tunai	Pada nilai kos dan pegangan-hingga-matang	Kos yang dilunaskan
Pelaburan	Pegangan-hingga-matang	Kos yang dilunaskan
Akaun belum terima lain	Pinjaman dan akaun belum terima	Kos yang dilunaskan
Akaun belum bayar	Pada nilai kos	Kos yang dilunaskan

Selain di atas, tiada perubahan lain terhadap klasifikasi dan pengukuran liabiliti-liabiliti kewangan PIDM.

Model penjejasan nilai bagi kerugian kredit dijangka

PIDM mempunyai tiga kategori aset kewangan yang tertakluk kepada model penjejasan nilai bagi kerugian kredit dijangka yang baru berdasarkan peruntukan MFRS 9, seperti yang berikut:

- Instrumen hutang dinilai pada kos yang dilunaskan;
- Aset lain; dan
- Semua deposit termasuk penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap.

Berdasarkan penilaian awal berkenaan penjejasan nilai ke atas instrumen hutang yang dinilai pada kos yang dilunaskan dengan menggunakan model penjejasan nilai bagi kerugian kredit dijangka, PIDM tidak menjangkakan sebarang penjejasan nilai yang ketara yang perlu diiktiraf di dalam penyata kewangan. PIDM juga tidak menjangkakan sebarang penjejasan nilai bagi aset-aset kewangan yang lain.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

Kenyataan berikut yang dikeluarkan oleh MASB akan berkuat kuasa pada masa pelaporan kewangan masa depan dan belum diguna pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019:

- MFRS 16 *Leases*

MFRS 16 akan menggantikan piawaian MFRS 117 – *Leases*, *IC Interpretation 4 Determining whether an Arrangement contains a Lease*, *IC Interpretation 115 Operating Leases – Incentives*, and *IC Interpretation 127 Evaluating the Substance of Transactions Involving the Legal Form of a Lease*. MFRS 16 memperuntukkan prinsip-prinsip untuk pengiktirafan, pengukuran, persembahan dan pendedahan mengenai pajakan dan keperluan pihak pemajak untuk mengiktirafkan semua jenis pajakan sebagai satu kategori yang sama di dalam penyata kedudukan kewangan, sepertimana pengiktirafan pajakan kewangan dibuat terdahulu menurut keperluan MFRS 117.

Pada tarikh permulaan sesuatu pajakan, pemajak akan mengiktiraf suatu liabiliti untuk pembayaran pajak dan juga aset untuk mengiktirafkan hak penggunaan aset sepanjang tempoh pajakan. Pemajak-pemajak perlu juga mengiktiraf perbelanjaan faedah dari liabiliti pajakan dan juga perbelanjaan susut nilai bagi hak penggunaan aset pajakan tersebut.

Kaedah perakaunan untuk pemberi pajak di bawah MFRS 16 secara ketara adalah sama seperti kaedah perakaunan MFRS 117. Pihak pemberi pajak akan terus mengklasifikasikan semua kategori pajakan dengan menggunakan prinsip klasifikasi MFRS 117 dengan membezakan dua kategori pajakan: pajakan operasi dan pajakan kewangan.

MFRS 16 berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019. Penggunaan awal dibenarkan tetapi hanya setelah MFRS 15 telah diguna pakai oleh entiti tersebut. Pemberi pajak dibenarkan untuk memilih guna pakai piawaian sama ada secara retrospektif penuh atau retrospektif yang diubah-suai.

PIDM sedang menilai kesan kewangan piawaian perakaunan baru ini.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran terhadap Rangka Kerja MFRS yang telah diterbitkan oleh MASB tetapi tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017:

- Amendments to MFRS 112 *Income Taxes: Recognition of Deferred Tax Assets for Unrealised Losses*
- Amendments to MFRS 107 *Statement of Cash Flows: Disclosure Initiative*
- Amendments to MFRS 12 *Disclosure of Interest in Other Entities (Annual Improvements 2014-2016 Cycle)*

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018:

- Amendments to MFRS 1 *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (Annual Improvements 2014-2016 Cycle)*
- Amendments to MFRS 2 *Classification and Measurement of Share-based Payment Transactions*
- Amendments to MFRS 128 *Investments in Associates and Joint Ventures (Annual Improvements 2014-2016 Cycle)*
- Amendments to MFRS 140 *Investment Property: Transfers of Investment Property*
- Amendments to MFRS 4 *Insurance Contracts: Applying MFRS 9 Financial Instruments with MFRS 4 Insurance Contracts*
- MFRS 15 *Revenue from Contracts with Customers*

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021:

- MFRS 17 *Insurance Contracts*

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA

Penyediaan penyata kewangan PIDM secara amnya tidak memerlukan pihak Pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun yang dilaporkan kecuali bagi perkara yang dibincangkan di bawah serta pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Sekiranya penilaian diperlukan, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran yang digunakan boleh menyebabkan hasil yang akan memerlukan pelarasan ketara terhadap amaun bawaan aset atau liabiliti berkenaan pada masa hadapan.

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan

Bagi proses mengguna pakai polisi perakaunan PIDM, pihak Pengurusan, selain daripada perkara yang melibatkan anggaran, telah membuat penilaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Menurut MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, penggabungan keputusan operasi subsidiari-subsidiari dengan syarikat induk diperlukan apabila syarikat induk mempunyai 'kawalan' ke atas subsidiari-subsidiarinya. Bagi wujudnya kawalan tersebut, pelabur perlu memenuhi kriteria berikut:

- kuasa ke atas pelaburan;
- pendedahan, atau hak, terhadap pulangan serba berubah daripada penglibatannya dalam pelaburan tersebut; dan
- keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (sambungan)

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan (sambungan)

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (sambungan)

PIDM merupakan badan resolusi bagi semua institusi ahli dengan kuasa intervensi atau resolusi kegagalan yang luas. Subsidiari-subsidiari telah ditubuhkan sebagai medium bagi PIDM untuk menjalankan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan dan bukannya untuk tujuan pelaburan. Sebarang pulangan daripada subsidiari-subsidiari tersebut adalah untuk manfaat Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing, yang akan digunakan untuk aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan pada masa hadapan. PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut dihubungkan secara langsung kepada Kumpulan Dana yang berkenaan. Walaupun PIDM mempunyai hak untuk menggunakan dana dalam Kumpulan Dana untuk menampung apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan operasinya, perbelanjaan ini adalah terhad dan ditadbir oleh Akta PIDM.

Memandangkan perkara seperti di atas, kriteria untuk mempunyai 'kawalan' seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10 tidak dipenuhi, justeru penyata kewangan disatukan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, ringkasan maklumat kewangan bagi setiap subsidiari dinyatakan di Nota 7 dalam penyata kewangan.

(b) Penjelasan pelaburan pegangan-hingga-matang serta pinjaman dan akaun belum terima

PIDM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang menunjukkan pelaburan pegangan-hingga-matang, pinjaman dan akaun belum terima terjejas disebabkan oleh satu atau lebih perkara yang berlaku dan kejadian kerugian memberi kesan ke atas aliran tunai di masa hadapan terhadap pelaburan pegangan-hingga-matang, pinjaman dan akaun belum terima. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif terjejas, PIDM akan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan ketara penerbit atau penanggung obligasi atau penghutang serta sebarang keingkaran atau kelewatan ketara dalam pembayaran.

(c) Komitmen pajakan operasi

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat dan pelbagai peralatan pejabat. PIDM telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma-terma dan syarat-syarat perjanjian, tempoh pajakan yang melibatkan sebahagian besar daripada hayat aset-aset dan tidak ada opsyen pembelian termasuk di dalam kontrak. Oleh kerana tiada pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan aset-aset ini kepada PIDM, maka kontrak-kontrak ini diambil kira sebagai pajakan operasi.

3.2 Sumber Utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara dan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan seperti di bawah:

Penjelasan pelaburan pegangan-hingga-matang serta pinjaman dan akaun belum terima

Sekiranya terdapat bukti objektif penjelasan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian bagi pelaburan pegangan-hingga-matang, pinjaman dan akaun belum terima yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (sambungan)**3.2 Sumber Utama ketidakpastian anggaran (sambungan)****Rancangan manfaat ditentukan – Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang**

Obligasi Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang, dikira berdasarkan unjuran kaedah kredit unit yang ditentukan oleh aktuari bertaualiah. Penilaian aktuari adalah berdasarkan kepada pelbagai andaian yang mungkin berbeza dengan perkembangan sebenar pada masa hadapan. Andaian yang diguna-pakai termasuklah penentuan kadar diskaun, kenaikan gaji pada masa hadapan, kadar pusingan pekerja, kadar kematian dan kadar kehilangan upaya. Kesemua andaian akan disemak pada setiap tarikh pelaporan.

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**a. Baki pada akhir tahun kewangan**

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Akaun-akaun perbankan operasi	1,413	1,186	227
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	24,750	17,750	7,000
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	26,163	18,936	7,227

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Akaun-akaun perbankan operasi	5,735	3,205	2,530
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	15,020	12,320	2,700
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	20,755	15,525	5,230

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung)

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bersih operasi bagi tahun semasa	462,988	368,626	94,362
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susut nilai hartanah dan peralatan	6,162	4,742	1,420
Penilaian semula Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	102	79	23
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	469,252	373,447	95,805
Perubahan dalam akaun belum bayar	(2,282)	(2,155)	(127)
Perubahan dalam aset lain	(227)	(556)	329
Tunai dijana daripada operasi	466,743	370,736	96,007
Pertambahan / pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	41,282	26,420	14,862
Perubahan dalam pelaburan pendapatan belum diterima	(7,648)	(7,124)	(524)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	500,377	390,032	110,345
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	2,657,117	1,869,453	787,664
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,144,312)	(2,250,798)	(893,514)
Penerimaan dari Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	—	—	—
Pembelian hartanah dan peralatan	(7,774)	(5,276)	(2,498)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(494,969)	(386,621)	(108,348)
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	5,408	3,411	1,997
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	20,755	15,525	5,230
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	26,163	18,936	7,227

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung) (sambungan)

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bersih operasi bagi tahun semasa	493,586	356,797	136,789
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susut nilai hartanah dan peralatan	3,622	2,595	1,027
Penilaian semula Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	–	–	–
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	497,208	359,392	137,816
Perubahan dalam akaun belum bayar	815	1,137	(322)
Perubahan dalam aset lain	(781)	(249)	(532)
Tunai dijana daripada operasi	497,242	360,280	136,962
Pertambahan / pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	(4,247)	9,608	(13,855)
Perubahan dalam pelaburan pendapatan belum diterima	(4,005)	(1,385)	(2,620)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	488,990	368,503	120,487
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	1,846,606	910,128	936,478
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,356,555)	(1,264,613)	(1,091,942)
Penerimaan dari Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	35,032	–	35,032
Pembelian hartanah dan peralatan	(18,149)	(14,189)	(3,960)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(493,066)	(368,674)	(124,392)
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(4,076)	(171)	(3,905)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	24,831	15,696	9,135
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	20,755	15,525	5,230

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

5. PELABURAN

Pelaburan pegangan-hingga-matang

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	3,278,187	1,830,525	1,447,662
Nota Kewangan Bank Negara	–	–	–
Sekuriti Hutang Swasta	235,542	137,912	97,630
	3,513,729	1,968,437	1,545,292
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	(15,147)	(5,395)	(9,752)
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	3,498,582	1,963,042	1,535,540
Nilai saksama sekuriti pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	3,263,934	1,824,745	1,439,189
Nota Kewangan Bank Negara	–	–	–
Sekuriti Hutang Swasta	235,679	138,467	97,212
Jumlah nilai saksama pelaburan	3,499,613	1,963,212	1,536,401

5. PELABURAN (sambungan)

Pelaburan pegangan-hingga-matang (sambungan)

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	2,565,078	1,218,616	1,346,462
Nota Kewangan Bank Negara	242,770	242,770	–
Sekuriti Hutang Swasta	250,631	144,958	105,673
	3,058,479	1,606,344	1,452,135
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	(6,465)	468	(6,933)
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	3,052,014	1,606,812	1,445,202
Nilai saksama sekuriti pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	2,542,240	1,209,575	1,332,665
Nota Kewangan Bank Negara	246,383	246,383	–
Sekuriti Hutang Swasta	250,161	145,109	105,052
Jumlah nilai saksama pelaburan	3,038,784	1,601,067	1,437,717

Pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia

Nilai saksama pelaburan dalam kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit serta Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans seperti yang dinyatakan di atas menunjukkan nilai pasaran mereka pada akhir tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran indikatif yang diperoleh daripada agensi penetapan harga bon.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

6. ASET LAIN

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Pendapatan pelaburan belum terima	34,080	18,820	15,260
Deposit dan prabayaran	4,633	3,921	712
Akaun belum terima lain	665	419	246
Pelbagai aset	213	154	59
Amaun terhutang daripada subsidiari-subsidiari	–	–	–
Jumlah aset lain	39,591	23,314	16,277

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Pendapatan pelaburan belum terima	26,432	11,696	14,736
Deposit dan prabayaran	3,678	3,238	440
Akaun belum terima lain	1,180	430	750
Pelbagai aset	213	154	59
Amaun terhutang daripada subsidiari-subsidiari	213	116	97
Jumlah aset lain	31,716	15,634	16,082

Termasuk dalam Akaun belum terima lain adalah baki antara-dana sebanyak RM0.6 juta (2016: RM1.2 juta) untuk aktiviti-aktiviti operasi harian.

Dalam tahun semasa, PIDM telah menghapus kira amaun terhutang daripada subsidiari-subsidiari berjumlah RM213,351 kerana subsidiari-subsidiari tersebut akan terus kekal dormant sehingga perlu diaktifkan bagi pencapaian matlamat tujuan seperti yang dinyatakan di Nota 7.

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	—*	—	—
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	—*	—	—

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	—*	—	—
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	—*	—	—

* Jumlah modal berbayar sebanyak RM10 (RM2 untuk setiap lima subsidiari) adalah di bawah ambang nilai bundaran.

Butir-butir subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Tarikh diperbadankan	Kepentingan pemilikan efektif	Status
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad**	Malaysia	Syarikat pengurusan aset	8 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	20 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman

** Diaudit oleh firma audit luaran: Tetuan Khairuddin Hasyudeen & Razi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

Nama para Pengarah yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 untuk semua subsidiari ialah:

- Rafiz Azuan bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, PIDM
- Lim Yam Poh, Ketua Pegawai Operasi, PIDM

Subsidiari-subsidiari di atas telah diperbadankan sebagai sebahagian daripada usaha PIDM untuk memastikan kesediaan operasi bagi melaksanakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Selaras dengan seksyen 10 Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi tujuan untuk menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipannya. Lima buah subsidiari, iaitu sebuah syarikat pengurusan aset dan empat institusi perantara, telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat awam berhad menurut syer. Subsidiari-subsidiari tersebut diperbadankan awal sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dormant sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu.

Objektif dan tujuan khusus subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Objektif / Tujuan
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad	Subsidiari ini telah ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dan mempunyai kuasa untuk memperoleh, mengambil alih kawalan, mengurus, melupuskan, menjual, berurusan dengan, berurusan niaga dan beroperasi secara berterusan atau sebaliknya, aset, liabiliti, urus niaga, akujanji dan hal ehwal institusi ahli sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta PIDM, sama ada melalui pengurusan, perjanjian, instrumen, atau selainnya menurut Akta PIDM dan mana-mana undang-undang lain yang berkenaan.

Institusi perantara (IP)

Institusi perantara merupakan sebuah medium resolusi di bawah Akta PIDM yang membolehkan PIDM untuk memindahkan urus niaga, aset dan liabiliti institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan kepada institusi perantara, apabila tidak ada pembeli serta-merta atau apabila tindakan resolusi melibatkan institusi ahli yang kompleks. Institusi perantara ini bertujuan sebagai institusi khas sementara untuk memelihara nilai francais perniagaan institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan. Institusi perantara ini akan beroperasi secara konservatif, dan kemudiannya dijual kepada pembeli sektor swasta. Setelah pengaktifan dan penubuhan sesebuah institusi perantara di bawah Akta PIDM dengan kelulusan Menteri Kewangan, institusi perantara tersebut akan beroperasi sebagai sebuah institusi kewangan berlesen penuh.

The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan komersial seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
---	---

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

Nama subsidiari	Objektif / Tujuan
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank Islam berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urusan niaga perbankan Islam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah syarikat insurans berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua urusan niaga insurans, jaminan dan indemniti seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah pengendali Takaful berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua jenis urusan niaga Takaful dan takaful semula seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Maklumat lanjut boleh didapati di Nota 3.1(a).

Di masa subsidiari-subsidiari kekal dormant, perbelanjaan pentadbiran akan ditanggung secara terus oleh PIDM di peringkat korporat. Butiran perbelanjaan pentadbiran subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut:

Butiran Perbelanjaan	2017 RM	2016 RM
Yuran Audit	15,370	14,310
Yuran Perunding Cukai	545	7,405
Yuran Perunding Setiausaha Syarikat	13,382	16,650
Jumlah perbelanjaan subsidiari-subsidiari	29,297	38,365

Perbelanjaan pentadbiran subsidiari-subsidiari dinyatakan di dalam fi penasihat dan perundingan di Nota 14 di dalam perbelanjaan lain.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

8. HARTANAH DAN PERALATAN

Kos	2017							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Baki pada 1 Januari 2017	4,718	17,168	35,661	4,059	986	10,467	4,296	77,355
Penambahan	-	-	1,416	-	-	111	5,453	6,980
Pengkelasan semula / Penukaran	-	113	6,773	-	-	179	(7,028)	37
Pelupusan	-	-	(47)	-	-	-	-	(47)
Hapus kira	-	-	(385)	(17)	(3)	(453)	-	(858)
Baki pada 31 Disember 2017	4,718	17,281	43,418	4,042	983	10,304	2,721	83,467
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2017	-	-	27,976	3,089	441	8,429	-	39,935
Caj bagi tahun semasa	-	345	4,885	158	148	626	-	6,162
Pengkelasan semula / Penukaran	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	(47)	-	-	-	-	(47)
Hapus kira	-	-	(385)	(17)	(3)	(453)	-	(858)
Baki pada 31 Disember 2017	-	345	32,429	3,230	586	8,602	-	45,192
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2017	4,718	16,936	10,989	812	397	1,702	2,721	38,275

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

Kos	2016							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Baki pada 1 Januari 2016	4,718	–	29,070	3,099	686	9,031	11,590	58,194
Penambahan	–	–	1,280	–	300	247	17,334	19,161
Pengkelasan semula / Penukaran	–	17,168	5,311	960	–	1,189	(24,628)	–
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2016	4,718	17,168	35,661	4,059	986	10,467	4,296	77,355
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2016	–	–	25,116	3,016	326	7,855	–	36,313
Caj bagi tahun semasa	–	–	2,860	73	115	574	–	3,622
Pengkelasan semula / Penukaran	–	–	–	–	–	–	–	–
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2016	–	–	27,976	3,089	441	8,429	–	39,935
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2016	4,718	17,168	7,685	970	545	2,038	4,296	37,420

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

Aset yang masih dalam pembinaan berjumlah RM2,721,556 (2016: RM4,296,194), terdiri daripada:

	2017 RM	2016 RM
* Aset yang masih dalam pembinaan adalah:		
Sistem Penilaian Risiko versi 2	951,801	1,309,431
Ubah suai Pejabat	–	36,570
Sistem Pengurusan Tuntutan	–	346,620
Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium	–	373,014
Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan	–	386,370
Sistem Pengurusan Permintaan dan Sistem Pengurusan Pembayaran	–	462,091
Sistem Permintaan Perjalanan	–	261,661
Jaminan Teknologi untuk Sistem Penilaian Risiko versi 2	576,667	244,844
Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit dan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit	–	390,239
Perlindungan Pembocoran Data	418,617	–
Lain-lain Sistem Teknologi Maklumat	774,471	485,354
Jumlah	2,721,556	4,296,194

Selepas pengiktirafan awal, tanah pegangan bebas dinyatakan pada kos. Pada 31 Disember 2017, nilai saksama tanah pegangan bebas adalah RM8,200,000 berdasarkan penilaian profesional yang dijalankan dalam tahun 2016 oleh jurunilai berdaftar dan berkecuali yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman semasa mengenai lokasi dan kategori hartanah tersebut. Nilai saksama tanah pegangan bebas ditentukan menggunakan kedua-dua kaedah kos dan kaedah perbandingan. Ini bermakna penilaian yang dilaksanakan oleh jurunilai adalah berdasarkan pada harga pasaran semasa aktif, dan dilaraskan bagi halangan ketidakbolehpasaran dan syarat lain yang relevan kepada tanah pegangan bebas.

PIDM akan melakukan penilaian terhadap tanah pegangan bebas secara berkala bagi memastikan nilai bawaan yang dinyatakan di dalam penyata kewangan kekal relevan tanpa sebarang penjejakan nilai. PIDM akan membuat ketentuan bagi memastikan kaedah penilaian dan anggaran adalah sejajar dengan keadaan pasaran semasa. Berdasarkan penilaian ini, PIDM berpandangan bahawa penilaian yang dijalankan pada tahun 2016 adalah masih relevan dan sejajar dengan nilai tanah pegangan bebas tersebut.

Penilaian input yang tidak dapat diperhatikan:

Harga bagi satu meter persegi

Julat

RM120 – RM125

Penambahan / (pengurangan) ketara di dalam anggaran harga bagi setiap satu meter persegi akan menyebabkan nilai saksama yang ketara tinggi / (rendah).

Pengimbangan semula nilai saksama – Tahap 3

	2017 RM'000	2016 RM'000
Kos pada 1 Januari	4,718	4,718
Kos pada 31 Disember	4,718	4,718
Nilai kini pada 31 Disember	8,200	8,200

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

Kos	2017							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Baki pada 1 Januari 2017	3,155	13,953	31,667	3,846	827	9,279	2,790	65,517
Penambahan	-	-	1,141	-	-	90	2,630	3,861
Pengkelasan semula /								
Penukaran	-	93	3,305	-	-	141	(3,508)	31
Pelupusan	-	-	(27)	-	-	-	-	(27)
Hapus kira	-	-	(385)	(17)	(3)	(276)	-	(681)
Baki pada 31 Disember 2017	3,155	14,046	35,701	3,829	824	9,234	1,912	68,701
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2017	-	-	25,629	3,064	395	7,700	-	36,788
Caj bagi tahun semasa	-	280	3,754	126	117	465	-	4,742
Pengkelasan semula /								
Penukaran	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	(27)	-	-	-	-	(27)
Hapus kira	-	-	(385)	(17)	(3)	(276)	-	(681)
Baki pada 31 Disember 2017	-	280	28,971	3,173	509	7,889	-	40,822
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2017	3,155	13,766	6,730	656	315	1,345	1,912	27,879

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

Kos	2016							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Baki pada 1 Januari 2016	3,155	–	26,463	3,067	583	8,125	8,553	49,946
Penambahan	–	–	1,041	–	244	200	14,086	15,571
Pengkelasan semula / Penukaran	–	13,953	4,163	779	–	954	(19,849)	–
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2016	3,155	13,953	31,667	3,846	827	9,279	2,790	65,517
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2016	–	–	23,559	3,007	306	7,321	–	34,193
Caj bagi tahun semasa	–	–	2,070	57	89	379	–	2,595
Pengkelasan semula / Penukaran	–	–	–	–	–	–	–	–
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2016	–	–	25,629	3,064	395	7,700	–	36,788
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2016	3,155	13,953	6,038	782	432	1,579	2,790	28,729

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)**b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**

Kos	2017							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Baki pada 1 Januari 2017	1,563	3,215	3,994	213	159	1,188	1,506	11,838
Penambahan	-	-	275	-	-	21	2,823	3,119
Pengkelasan semula / Penukaran	-	20	3,468	-	-	38	(3,520)	6
Pelupusan	-	-	(20)	-	-	-	-	(20)
Hapus kira	-	-	-	-	-	(177)	-	(177)
Baki pada 31 Disember 2017	1,563	3,235	7,717	213	159	1,070	809	14,766
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2017	-	-	2,347	25	46	729	-	3,147
Caj bagi tahun semasa	-	65	1,131	32	31	161	-	1,420
Pengkelasan semula / Penukaran	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	(20)	-	-	-	-	(20)
Hapus kira	-	-	-	-	-	(177)	-	(177)
Baki pada 31 Disember 2017	-	65	3,458	57	77	713	-	4,370
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2017	1,563	3,170	4,259	156	82	357	809	10,396

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

Kos	2016							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Baki pada 1 Januari 2016	1,563	–	2,607	32	103	906	3,037	8,248
Penambahan	–	–	239	–	56	47	3,248	3,590
Pengkelasan semula / Penukaran	–	3,215	1,148	181	–	235	(4,779)	–
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2016	1,563	3,215	3,994	213	159	1,188	1,506	11,838
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2016	–	–	1,557	9	20	534	–	2,120
Penambahan	–	–	790	16	26	195	–	1,027
Pengkelasan semula / Penukaran	–	–	–	–	–	–	–	–
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2016	–	–	2,347	25	46	729	–	3,147
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2016	1,563	3,215	1,647	188	113	459	1,506	8,691

9. AKAUN BELUM BAYAR

		2017		
			Kumpulan Dana	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat
			Insurans Deposit	Takaful dan Insurans
		Jumlah RM'000	RM'000	RM'000
Nota				
Akaun belum bayar operasi		8,710	6,870	1,840
Akaun belum bayar lain		661	300	361
Peruntukan cuti yang tidak terambil	i	1,879	1,470	409
Peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	ii	894	705	189
Jumlah akaun belum bayar		12,144	9,345	2,799

		2016		
			Kumpulan Dana	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat
			Insurans Deposit	Takaful dan Insurans
		Jumlah RM'000	RM'000	RM'000
Nota				
Akaun belum bayar operasi		11,171	9,100	2,071
Akaun belum bayar lain		1,152	729	423
Peruntukan cuti yang tidak terambil	i	1,851	1,466	385
Peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	ii	252	205	47
Jumlah akaun belum bayar		14,426	11,500	2,926

Termasuk dalam akaun belum bayar lain adalah baki antara-dana sebanyak RM0.6 juta (2016: RM1.2 juta) untuk aktiviti-aktiviti operasi harian. Akaun belum bayar lain termasuk amaun terhutang kepada pihak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 18.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

9. AKAUN BELUM BAYAR (sambungan)

i. Peruntukan cuti yang tidak terambil

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Baki pada 1 Januari	1,851	1,466	385
Penambahan bagi tahun	346	252	94
Pembayaran	(318)	(248)	(70)
Baki pada 31 Disember	1,879	1,470	409

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Baki pada 1 Januari	1,503	1,130	373
Penambahan bagi tahun	430	403	27
Pembayaran	(82)	(67)	(15)
Baki pada 31 Disember	1,851	1,466	385

Peruntukan cuti yang belum guna berkaitan dengan amaun belum bayar bagi cuti tahunan pekerja yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya kerana ia belum diguna pada tahun semasa. Ia dikira berdasarkan gaji pokok yang telah dibayar pada masa cuti diakru.

9. AKAUN BELUM BAYAR (sambungan)

ii. Peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	894	705	189
Jumlah peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	894	705	189

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	252	205	47
Jumlah peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	252	205	47

PIDM melaksanakan satu Rancangan manfaat tetap tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang dilaksanakan pada 1 Januari 2016. Rancangan Persaraan Jangka Panjang memberi manfaat kepada pekerja yang tamat perkhidmatan di mana satu tahap jaminan pembayaran secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir. Pembayaran manfaat persaraan bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan. Pada tarikh pelaporan, baki bagi peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang merangkumi manfaat terakru tetapi tidak diletak hak.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

9. AKAUN BELUM BAYAR (sambungan)

ii. Peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang (sambungan)

Jadual di bawah menunjukkan pengimbangan semula daripada baki permulaan kepada baki akhir bagi liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang dan komponennya:

	Jumlah		Kumpulan Dana Insurans Deposit		Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	
	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
Baki pada 1 Januari						
Termasuk di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian	252	–	205	–	47	–
Kos perkhidmatan semasa	526	249	410	202	116	47
Kos perkhidmatan terdahulu	–	3	–	3	–	–*
Kos faedah / pembiayaan						
Termasuk dalam pendapatan komprehensif lain	14	–	11	–	3	–
** Pengukuran semula	102	–	79	–	23	–
Baki pada 31 Disember	894	252	705	205	189	47

* Jumlah kos perkhidmatan semasa bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans adalah di bawah ambang nilai bundaran.

** Pengukuran semula liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang timbul disebabkan perubahan kepada andaian kewangan dan pelarasan pengalaman Rancangan Persaraan Jangka Panjang ini di waktu tempoh penilaian-antara seperti yang dinilai oleh aktuari bertauliah.

Liabiliti bersih yang dinyatakan di atas adalah berkait dengan pelan tanpa pendanaan, seperti yang dinyatakan berikut:

	2017 RM'000	2016 RM'000
Nilai saksama bagi aset rancangan		
Nilai semasa obligasi tanpa pendanaan	894	252
Jumlah defisit rancangan manfaat persaraan yang ditakrif (sebelum had tinggi aset)	894	252

Andaian utama aktuari pada tempoh akhir pelaporan (dinyatakan di dalam purata berwajaran) adalah termasuk kadar diskaun, pertumbuhan gaji pada masa depan, kadar pusing ganti pekerja, kadar kematian dan kadar kehilangan upaya. Kadar kematian adalah berdasarkan Jadual Hayat Biasa 1999 – 2003 (*Malaysian Ordinary Life Table 1999 – 2003*) yang diterbitkan kepada industri insurans. Kadar kehilangan upaya yang digunakan adalah 10% daripada kadar kematian.

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB**a. Kumpulan Dana Insurans Deposit****Lebihan terkumpul**

	2017		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Baki pada 1 Januari	1,655,200	1,388,304	266,896
Lebihan bersih	368,626	296,372	72,254
Baki pada 31 Disember	2,023,826	1,684,676	339,150

	2016		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Baki pada 1 Januari	1,298,403	1,095,738	202,665
Lebihan bersih	356,797	292,566	64,231
Baki pada 31 Disember	1,655,200	1,388,304	266,896

Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah rizab terkumpul (dana ex-ante) untuk menampung kerugian bersih dijangka akibat perlindungan insurans deposit kepada pendeposit. Selaras dengan Akta PIDM, PIDM menyenggara Dana Insurans Deposit berasingan bagi Sistem Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Kumpulan Dana Insurans Deposit tersebut terkumpul daripada lebihan bersih tahunan yang merupakan hasil premium dan pendapatan pelaburan yang diperolehi bersih dari perbelanjaan yang ditanggung berdasarkan kepada nisbah premium-premium yang dikutip bagi tahun tertentu.

Dalam tahun 2011, PIDM telah merangka satu rangka kerja untuk menentukan paras Kumpulan Dana Insurans Deposit yang perlu dikumpulkan sebagai rizab bagi tempoh jangka panjang untuk memenuhi objektif dan mandat yang dipertanggungjawabkan. Paras ini (yang dikenali sebagai Dana Sasaran) merupakan paras dana yang perlu bagi menampung kerugian bersih dijangka daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dana Sasaran biasanya diuraikan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, dan bagi PIDM, ditetapkan sebagai jajaran paras sasaran (jajaran rendah dan tinggi).

Jajaran Dana Sasaran ialah antara 0.6% dan 0.9% bagi kedua-dua Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2016, jajaran dalam terma mutlak RM ialah antara RM2.6 bilion hingga RM3.9 bilion bagi Dana Insurans Deposit Konvensional dan antara RM581 juta hingga RM871 juta bagi Dana Insurans Deposit Islam. Dalam tahun semasa, model Dana Sasaran telah dikaji semula sebagai sebahagian daripada proses kajian semula tahunan dan telah dirumuskan bahawa paras Dana Sasaran semasa masih relevan dan terkini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

Lebihan terkumpul (sambungan)

Baki semasa Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2017 seperti peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan berbanding jajaran Dana Sasaran telah dijelaskan di dalam jadual berikut:

Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Sasaran			
	2017 Sebenar RM Juta / %	2016 Sebenar RM Juta / %	Jajaran Rendah RM Juta / %	Jajaran Tinggi RM Juta / %
Dana Insurans Deposit Konvensional				
Baki	1,685	1,388	2,583	3,875
Peratus Jumlah Deposit Diinsuranskan	0.39%	0.33%	0.60%	0.90%
Dana Insurans Deposit Islam				
Baki	339	267	581	871
Peratus Jumlah Deposit Diinsuranskan	0.35%	0.30%	0.60%	0.90%

Bagi mencapai paras Dana Sasaran pada jajaran 0.6% sehingga 0.9% bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan dalam jangka masa yang wajar, kadar premium yang ditaksir ke atas bank-bank ahli diterangkan di dalam Nota 11(a).

Berdasarkan kepada paras lebihan terkumpul terkini dan kadar premium, jajaran rendah Dana Sasaran (0.6% bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan) dijangka dapat dicapai dalam tempoh 5 hingga 8 tahun yang akan datang.

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Lebihan terkumpul

	2017				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Baki pada 1 Januari	1,472,279	1,183,067	236,969	17,758	34,485
Lebihan bersih	94,362	33,668	46,104	4,549	10,041
Baki pada 31 Disember	1,566,641	1,216,735	283,073	22,307	44,526

	2016				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Baki pada 1 Januari	1,335,490	1,110,115	188,607	12,095	24,673
Lebihan bersih	136,789	72,952	48,362	5,663	9,812
Baki pada 31 Disember	1,472,279	1,183,067	236,969	17,758	34,485

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ialah rizab terkumpul (dana *ex-ante*) untuk menampung kerugian bersih dijangka akibat perlindungan manfaat takaful dan insurans kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Selaras dengan Akta PIDM 2011, PIDM menyenggara empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tersebut terkumpul daripada lebihan bersih tahunan yang merupakan hasil levi dan pendapatan pelaburan yang diperoleh bersih dari perbelanjaan yang ditanggung berdasarkan kepada nisbah levi yang dikutip bagi tahun tertentu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

Lebihan terkumpul (sambungan)

Rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am telah menetapkan Jajaran Dana Sasaran antara 80% hingga 100% daripada paras maksimum kerugian dijangka. Berdasarkan kepada pendedahan setakat 31 Disember 2017, jajaran Dana Sasaran dalam amaun mutlak RM ialah seperti berikut:

Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Sasaran			
	2017 Sebenar RM Juta	2016 Sebenar RM Juta	Jajaran Rendah RM Juta	Jajaran Tinggi RM Juta
Baki	1,217	1,183	332	415

Berdasarkan baki Kumpulan Dana Insurans Am pada 31 Disember 2017, kedudukan dana semasa telah melebihi jajaran tinggi paras Dana Sasaran. Maka dengan ini, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Pentadbiran Dana, di mana ia mengandungi perubahan kadar levi dan / atau potongan premium. Pada tahun taksiran 2016, PIDM telah mengkaji semula kadar levi untuk menilai ahli penginsurans am bagi tahun taksiran 2016 dan seterusnya. Rujuk Nota 11(b)(i).

PIDM telah melaksanakan satu rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat pada tahun 2016. Paras Dana Sasaran berada dalam jajaran antara 0.4% sehingga 0.6% daripada liabiliti penilaian aktuari bagi setiap ahli insurans hayat. Berdasarkan kepada jumlah liabiliti penilaian pada 31 Disember 2016, jajaran di dalam terma mutlak adalah seperti berikut:

Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Sasaran			
	2017 Sebenar RM Juta	2016 Sebenar RM Juta	Jajaran Rendah RM Juta	Jajaran Tinggi RM Juta
Baki	283	237	510	766

Berdasarkan kepada paras lebihan terkumpul semasa setelah mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri insurans, paras jajaran minimum Dana Sasaran sebanyak 0.4% daripada liabiliti penilaian aktuari dijangka akan dicapai antara 5 hingga 8 tahun.

PIDM akan melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi dana-dana dalam Kumpulan Dana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful pada tahun 2018.

11. HASIL PREMIUM DAN LEVI

a. Hasil premium daripada bank ahli

	2017		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Premium pertama	250	250	–
Premium tahunan	399,764	320,258	79,506
Jumlah hasil premium daripada bank ahli	400,014	320,508	79,506

	2016		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Premium pertama	–	–	–
Premium tahunan	388,457	316,123	72,334
Jumlah hasil premium daripada bank ahli	388,457	316,123	72,334

Kadar premium yang dikenakan bank-bank ahli dikenakan menurut Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) Perintah 2011¹ (Perintah Premium – Bank-bank Ahli).

i. Kadar premium tahunan di bawah Sistem Premium Berbeza

Kategori Premium	Kadar Premium	Jumlah Premium Tahunan Minimum (RM)
	Tahun Taksiran 2015 dan Seterusnya	
1	0.06%	100,000
2	0.12%	200,000
3	0.24%	400,000
4	0.48%	800,000

¹ Sesuai pelarasan dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium pertama berkenaan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) Perintah 2012 yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2013.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

11. HASIL PREMIUM DAN LEVI (sambungan)

a. Hasil premium dari bank ahli (sambungan)

i. Kadar premium tahunan di bawah Sistem Premium Berbeza (sambungan)

Jika suatu bank ahli dikelaskan dalam kategori premium yang berbeza bagi deposit Islam diinsuranskan dan deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang akan dikenakan adalah mengikut kadar premium bagi kategori premium deposit masing-masing.

ii. Kadar bagi premium pertama

Sebuah bank ahli baharu [sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011] yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama bank ahli itu adalah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1, tertakluk kepada jumlah minimum premium pertama sebanyak RM250,000.

b. Hasil levi daripada ahli penginsurans

	2017				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Levi tahunan	74,324	5,445	52,219	5,329	11,331
Jumlah hasil levi daripada ahli penginsurans	74,324	5,445	52,219	5,329	11,331

	2016				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Levi tahunan	79,788	5,434	57,163	6,231	10,960
Jumlah hasil levi daripada ahli penginsurans	79,788	5,434	57,163	6,231	10,960

11. HASIL PREMIUM DAN LEVI (sambungan)**b. Hasil levi daripada ahli penginsurans (sambungan)****i. Kadar levi di bawah Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans**

Semua ahli penginsurans dinilai berdasarkan pada Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium² Berbeza berkenaan Anggota Penanggung Insurans) Peraturan 2012³ (Sistem Premium Berbeza – Ahli Penginsurans). Kadar levi yang dikenakan ke atas ahli penginsurans adalah ditentukan mengikut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan Berkenaan Anggota Penanggung Insurans) Perintah 2016 (Perintah Premium – Ahli Penginsurans) berdasarkan kategori levi di mana ahli penginsurans tersebut telah diklasifikasikan. Kadar levi yang ditaksir ke atas ahli penginsurans, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perintah Premium – Ahli Penginsurans adalah seperti berikut:

Kategori Levi	2017			
	Insurans		Takaful	
	Am	Hayat	Am	Keluarga
1	0.025%	0.025%	0.1%	0.025%
2	0.05%	0.05%	0.2%	0.05%
3	0.1%	0.1%	0.4%	0.1%
4	0.2%	0.2%	0.8%	0.2%

Kadar levi bagi tahun 2016 adalah berdasarkan kepada Perintah Premium – Ahli Insurans 2016 adalah seperti berikut:

Kategori Levi	2016			
	Insurans		Takaful	
	Am	Hayat	Am	Keluarga
1	0.025%	0.025%	0.1%	0.025%
2	0.05%	0.05%	0.2%	0.05%
3	0.1%	0.1%	0.4%	0.1%
4	0.2%	0.2%	0.8%	0.2%

² Lanjutan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2016, semua rujukan kepada “premium” yang telah dibayar atau tertunggak dari ahli penginsurans ke PIDM di mana-mana undang-undang bertulis hendaklah digantikan kepada “levi”.

³ Sesuai pindaan dari masa ke semasa, termasuk Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan Anggota Penanggung Insurans)(Pindaan) 2016 yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

11. HASIL PREMIUM DAN LEVI (sambungan)

b. Hasil levi daripada ahli penginsurans (sambungan)

ii. Kadar levi minimum tahunan di bawah Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans

Kadar levi tahunan berbayar bagi tahun 2017 di atas tertakluk kepada levi minimum berdasarkan kategori levi seperti di bawah:

Kategori Levi	2017			
	Amaun Levi Minimum Tahunan (RM)			
	Insurans		Takaful	
	Am	Hayat	Am	Keluarga
1	25,000	75,000		
2		150,000		
3		300,000		
4		600,000		

Kadar levi tahunan berbayar bagi tahun 2016 di atas tertakluk kepada premium minimum berdasarkan kategori premium seperti di bawah:

Kategori Levi	2016			
	Amaun Levi Minimum Tahunan (RM)			
	Insurans		Takaful	
	Am	Hayat	Am	Keluarga
1	25,000	75,000		
2		150,000		
3		300,000		
4		600,000		

iii. Kadar levi pertama yang perlu dibayar

Levi yang perlu dibayar oleh ahli penginsurans untuk tahun taksiran pertama di mana ia menjadi ahli institusi adalah RM250,000 atau kadar levi kategori 1, yang mana lebih tinggi nilainya.

12. PENDAPATAN PELABURAN DARIPADA TUNAI DAN SEKURITI PELABURAN**a. Pendapatan pelaburan mengikut sekuriti pelaburan**

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	87,366	46,408	40,958
Nota Kewangan Bank Negara	3,245	3,182	63
Sekuriti Hutang Swasta	9,951	5,747	4,204
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	518	390	128
Jumlah pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	101,080	55,727	45,353

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	74,699	36,371	38,328
Nota Kewangan Bank Negara	4,543	4,420	123
Sekuriti Hutang Swasta	9,426	4,987	4,439
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	523	321	202
Jumlah pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	89,191	46,099	43,092

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

12. PENDAPATAN PELABURAN DARIPADA TUNAI DAN SEKURITI PELABURAN (sambungan)

b. Pendapatan pelaburan mengikut jenis pulangan pelaburan

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kupon dan kadar keuntungan dari sekuriti pelaburan	110,916	57,257	53,659
Pulangan daripada penambahan diskaun ke atas sekuriti pelaburan (bersih daripada pelunasan premium)	(10,354)	(1,920)	(8,434)
Pulangan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	518	390	128
Jumlah pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	101,080	55,727	45,353

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kupon dan kadar keuntungan dari sekuriti pelaburan	94,848	45,919	48,929
Pulangan daripada penambahan diskaun ke atas sekuriti pelaburan (bersih daripada pelunasan premium)	(6,180)	(141)	(6,039)
Pulangan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	523	321	202
Jumlah pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	89,191	46,099	43,092

12. PENDAPATAN PELABURAN DARIPADA TUNAI DAN SEKURITI PELABURAN (sambungan)**(c) Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran (KEPPB)**

KEPPB bagi sekuriti pelaburan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut

Tahun	Jenis Portfolio	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2017	Kesetaraan tunai dan pelaburan						
	MGSII dan BNMI*	2.96%	2.91%	2.99%	2.79%	3.03%	3.04%
	Sekuriti Hutang Swasta	4.03%	3.63%	4.07%	3.97%	3.58%	3.58%
	Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	2.94%	2.99%	2.95%	2.95%	3.11%	3.07%
	Keseluruhan	2.99%		3.00%			
2016	Kesetaraan tunai dan pelaburan						
	MGSII dan BNMI*	3.09%	2.77%	3.05%	2.71%	2.92%	2.99%
	Sekuriti Hutang Swasta	4.08%	3.63%	4.02%	3.97%	3.58%	3.58%
	Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	2.98%	3.04%	3.04%	3.04%	3.03%	3.03%
	Keseluruhan	3.06%		3.03%			

KEPPB yang dinyatakan di atas adalah berasaskan kadar purata pulangan setiap portfolio untuk tahun kewangan 2017 dan 2016.

* MGSII dan BNMI seperti di atas merangkumi Sekuriti dan Pelaburan kerajaan Malaysia dan juga Nota Kewangan Bank Negara

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

13. MANFAAT KAKITANGAN

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Gaji dan upahan	55,655	41,946	13,709
Caruman kepada rancangan caruman tetap	7,855	5,897	1,958
Peruntukan cuti yang tidak terambil	346	251	95
Peruntukan Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	526	410	116
Manfaat lain	4,279	3,247	1,032
Jumlah manfaat kakitangan	68,661	51,751	16,910

	2016		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Gaji dan upahan	45,498	34,193	11,305
Caruman kepada rancangan caruman tetap	6,660	4,984	1,676
Peruntukan cuti yang tidak terambil	430	403	27
Peruntukan Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	252	205	47
Manfaat lain	3,620	2,759	861
Jumlah manfaat kakitangan	56,460	42,544	13,916

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan berjumlah 171 (2016: 157)

14. PERBELANJAAN LAIN

	2017		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Yuran audit	33	26	7
Saraan dan fi Pengarah*	1,356	1,057	299
Hos acara antarabangsa	46	38	8
Sewa tempat letak kereta	653	509	144
Percetakan dan alat tulis	1,311	1,025	286
Fi penasihat dan perundingan	7,281	6,659	622
Program biasiswa	766	597	169
Yuran langganan dan keahlian	845	672	173
Telekomunikasi dan sistem komputer	4,114	3,251	863
Latihan dan pembangunan	2,634	2,117	517
Perbelanjaan perjalanan	542	500	42
Utiliti, penyelenggaraan pejabat dan insurans am	2,128	1,660	468
Hutang subsidiari-subsidiari dihapus kira (Nota 6)	213	154	59
Kos faedah / pembiayaan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang**	14	11	3
Pelbagai	708	562	146
Jumlah perbelanjaan lain	22,644	18,838	3,806

	2016		
Yuran audit	139	113	26
Saraan dan fi Pengarah*	712	579	133
Hos acara antarabangsa	101	82	19
Sewa tempat letak kereta	621	505	116
Percetakan dan alat tulis	1,284	1,049	235
Fi penasihat dan perundingan	9,428	8,679	749
Program biasiswa	699	568	131
Yuran langganan dan keahlian	757	623	134
Telekomunikasi dan sistem komputer	3,967	3,231	736
Latihan dan pembangunan	1,964	1,638	326
Perbelanjaan perjalanan	405	342	63
Utiliti, penyelenggaraan pejabat dan insurans am	1,193	968	225
Hutang subsidiari-subsidiari dihapus kira (Nota 6)	–	–	–
Kos faedah / pembiayaan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang**	–	–	–
Pelbagai	629	534	95
Jumlah perbelanjaan lain	21,899	18,911	2,988

* Para pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

** Sila rujuk kepada Nota 9 (ii) dan Nota 13.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

15. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian daripada cukai pendapatan.

16. PAJAKAN OPERASI

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 11, 12, 13, 15 dan 16, Menara Axiata, Kuala Lumpur Sentral.

Pada tahun semasa, PIDM telah memperbaharui kontrak sewaan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 11, 12, 13, 15 dan 16, Menara Axiata, Kuala Lumpur. Peruntukan kontrak sewaan ini adalah sama kecuali tempohnya yang dipadankan dengan kontrak-kontrak sewaan bagi aras-aras yang sedia ada. Sewaan ini adalah bagi tempoh tambahan selama 4 tahun (Penggah Kedua) bermula 1 Januari 2018 dan tamat pada 31 Disember 2021 dengan pilihan untuk memperbaharuinya bagi 2 tahun lagi (Penggah Ketiga) pada kadar sewa pasaran yang sedia ada, tertakluk kepada kenaikan maksimum sebanyak 10%. Kontrak ini tidak mengandungi klausa opsyen pembelian. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

PIDM juga memeterai pajakan untuk pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak-kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh sehingga 5 tahun dan sama ada tertakluk kepada peruntukan pembaharuan automatik sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggal utama pajakan atau tidak tertakluk kepada peruntukan pembaharuan automatik. Bagi kedua-dua terma kontrak pajakan, tiada opsyen pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	2017 RM'000	2016 RM'000
Pembayaran pajakan minimum untuk masa hadapan:		
Dalam tempoh 1 tahun	6,064	6,204
Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	17,693	766
Jumlah komitmen pajakan operasi	23,757	6,970

17. KOMITMEN MODAL

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan bagi:			
Peralatan pejabat dan sistem komputer	a	5,743	7,584
Jumlah komitmen modal		5,743	7,584

- a. Baki Komitmen modal berkenaan peralatan pejabat dan sistem komputer terutamanya termasuk pembangunan sistem teras teknologi maklumat, peningkatan infrastruktur teknologi maklumat, kemudahan keselamatan dan sistem.

18. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN**a. Transaksi dengan pihak berkaitan**

- i. PIDM ialah sebuah badan berkanun yang tertakluk kepada Akta PIDM. Oleh yang demikian, PIDM ialah pihak berkaitan, melalui kepentingan bersama, dengan semua Jabatan Kerajaan, agensi-agensi dan badan-badan berkanun yang lain. Dalam tahun kewangan, PIDM telah berurusan dengan beberapa pihak berkaitan bagi pelbagai perkhidmatan. Semua transaksi dijalankan secara telus. Jadual berikut mendedahkan urusan penting dengan pihak berkaitan:

	Nota	Perbelanjaan		Akaun Belum Bayar	
		2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
Bank Negara Malaysia	a	464	715	–	253
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	b	7,720	6,516	–	–
Pertubuhan Keselamatan Sosial	b	135	144	–	–

- a. Transaksi berkaitan dengan kos peminjaman pekerja dan sewaan ruang untuk tapak pemulihan bencana.
- b. PIDM membuat caruman kepada skim pencen nasional berkanun, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Pertubuhan Keselamatan Sosial seperti yang dinyatakan dalam Nota 13.
- ii. Dalam tahun kewangan semasa, PIDM telah memeterai satu kontrak dengan Tetuan Christopher dan Lee Ong, untuk mengguna khidmat salah seorang daripada ahli sekutu firma tersebut yang juga seorang peguam yang mempunyai kepakaran di dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Malaysia.
- a. Salah seorang pengarah PIDM yang telah bersara dalam tahun semasa, merupakan penasihat berkontrak firma tersebut. Bekas Pengarah berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan ataupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Bekas Pengarah berkenaan juga tidak memperolehi sebarang faedah daripada kontrak tersebut.
- b. Pasangan kepada salah seorang daripada Pegawai Korporat PIDM merupakan ahli sekutu firma ini. Pegawai Korporat berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan ataupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pegawai Korporat berkenaan juga tidak memperolehi sebarang faedah daripada kontrak tersebut.

Fi yang dikenakan adalah setara dengan harga pasaran dan perbelanjaan pada tahun semasa bersangkutan dengan firma tersebut berjumlah RM44,286. Pada 31 Disember 2017, amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada firma tersebut ialah RM19,080.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

18. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (sambungan)

b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2017 RM'000	2016 RM'000
Manfaat jangka pendek	18,904	13,269
Manfaat pasca-pekerjaan:		
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,853	1,470
Jumlah ganjaran kakitangan pengurusan utama	20,757	14,739

Ganjaran kakitangan pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Jumlah untuk 2017 adalah termasuk bayaran gratuiti yang telah diluluskan.

Bagaimanapun, ia tidak termasuk ganjaran bagi para Pengarah yang didedahkan secara berasingan di Nota 14. Ganjaran kakitangan pengurusan utama turut didedahkan di Nota 13.

19. MAKLUMAT SEGMENT

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi setiap Dana berikut:

- Dana Insurans Deposit Konvensional;
- Dana Insurans Deposit Islam;
- Dana Perlindungan Insurans Am;
- Dana Perlindungan Insurans Hayat;
- Dana Perlindungan Takaful Am; dan
- Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Oleh itu, PIDM mempunyai segmen yang boleh dilaporkan mengikut kategori Dana seperti di atas. Tiada segmen operasi telah disatukan untuk membentuk segmen operasi yang boleh dilaporkan di atas.

19. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)**Pelaporan dana****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017**

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ASET								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	26,163	15,378	3,558	479	980	3,063	2,705
Pelaburan								
Pelaburan pegangan-hingga-matang	5	3,498,582	1,634,347	328,695	1,202,628	273,425	18,738	40,749
Aset lain	6	39,591	19,800	3,514	12,446	3,368	138	325
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	—*	—*	—*	—*	—*	—*	—*
Hartanah dan peralatan	8	38,275	22,798	5,081	2,252	6,475	566	1,103
Jumlah Aset		3,602,611	1,692,323	340,848	1,217,805	284,248	22,505	44,882
LIABILITI								
Akaun belum bayar	9	12,144	7,647	1,698	1,070	1,175	198	356
Jumlah Liabiliti		12,144	7,647	1,698	1,070	1,175	198	356
KUMPULAN DANA DAN RIZAB								
Lebihan terkumpul	10	3,590,467	1,684,676	339,150	1,216,735	283,073	22,307	44,526
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		3,590,467	1,684,676	339,150	1,216,735	283,073	22,307	44,526
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		3,602,611	1,692,323	340,848	1,217,805	284,248	22,505	44,882

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

19. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

			Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
	Nota	Jumlah RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
ASET								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	20,755	14,066	1,459	1,133	2,346	747	1,004
Pelaburan								
Pelaburan pegangan-hingga-matang	5	3,052,014	1,346,749	260,063	1,168,748	227,204	16,604	32,646
Aset lain	6	31,716	13,128	2,506	12,244	3,514	104	220
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	—*	—*	—*	—*	—*	—*	—*
Hartanah dan peralatan	8	37,420	23,503	5,226	1,384	5,910	461	936
Jumlah Aset		3,141,905	1,397,446	269,254	1,183,509	238,974	17,916	34,806
LIABILITI								
Akaun belum bayar	9	14,426	9,142	2,358	442	2,005	158	321
Jumlah Liabiliti		14,426	9,142	2,358	442	2,005	158	321
KUMPULAN DANA DAN RIZAB								
Lebihan terkumpul	10	3,127,479	1,388,304	266,896	1,183,067	236,969	17,758	34,485
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		3,127,479	1,388,304	266,896	1,183,067	236,969	17,758	34,485
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		3,141,905	1,397,446	269,254	1,183,509	238,974	17,916	34,806

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

19. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

**PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017**

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Hasil premium dan levi	11	474,338	320,508	79,506	5,445	52,219	5,329	11,331
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	12	101,080	47,103	8,624	36,455	7,082	612	1,204
Jumlah pendapatan		575,418	367,611	88,130	41,900	59,301	5,941	12,535
Manfaat kakitangan	13	68,661	42,366	9,385	5,714	8,654	915	1,627
Perhubungan awam dan pengiklanan		8,795	5,710	1,265	612	935	98	175
Susut nilai hartanah dan peralatan	8	6,162	3,914	828	250	959	71	140
Pajakan operasi		6,066	3,871	859	447	688	73	128
Perbelanjaan lain	14	22,644	15,313	3,525	1,201	1,949	234	422
Jumlah perbelanjaan		112,328	71,174	15,862	8,224	13,185	1,391	2,492
Lebih bersih operasi		463,090	296,437	72,268	33,676	46,116	4,550	10,043
Butiran di luar-jangka:								
Wang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	23	-	-	-	-	-	-	-
Lebih bersih bagi tahun semasa		463,090	296,437	72,268	33,676	46,116	4,550	10,043
Pendapatan komprehensif lain								
Pengukuran semula Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	9(ii)	(102)	(65)	(14)	(8)	(12)	(1)	(2)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		462,988	296,372	72,254	33,668	46,104	4,549	10,041

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

19. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Hasil premium dan levi	11	468,245	316,123	72,334	5,434	57,163	6,231	10,960
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	12	89,191	39,561	6,538	35,803	5,987	429	873
Jumlah pendapatan		557,436	355,684	78,872	41,237	63,150	6,660	11,833
Manfaat kakitangan	13	56,460	34,546	7,998	2,162	9,777	654	1,323
Perhubungan awam dan pengiklanan		10,853	7,138	1,654	321	1,452	95	193
Susut nilai hartanah dan peralatan	8	3,622	2,170	425	204	689	44	90
Pajakan operasi		6,048	3,994	923	176	794	53	108
Perbelanjaan lain	14	21,899	15,270	3,641	454	2,076	151	307
Jumlah perbelanjaan		98,882	63,118	14,641	3,317	14,788	997	2,021
Lebih bersih operasi		458,554	292,566	64,231	37,920	48,362	5,663	9,812
Butiran di luar-jangka: Wang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans		35,032	–	–	35,032	–	–	–
Lebih bersih bagi tahun semasa		493,586	292,566	64,231	72,952	48,362	5,663	9,812
Pengukuran semula Liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	9(ii)	–	–	–	–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		493,586	292,566	64,231	72,952	48,362	5,663	9,812

19. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI							
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	474,338	320,508	79,506	5,445	52,219	5,329	11,331
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(108,020)	(68,195)	(15,505)	(8,115)	(12,531)	(1,322)	(2,352)
Penerimaan pendapatan pelaburan	134,059	61,502	12,216	48,011	10,237	653	1,440
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	500,377	313,815	76,217	45,341	49,925	4,660	10,419
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN							
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan	2,657,117	1,581,847	287,606	470,000	249,377	18,915	49,372
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,144,312)	(1,890,021)	(360,777)	(515,575)	(298,977)	(21,129)	(57,833)
Penerimaan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	-	-	-	-	-	-	-
Pembelian hartanah dan peralatan	(7,774)	(4,329)	(947)	(420)	(1,691)	(130)	(257)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(494,969)	(312,503)	(74,118)	(45,995)	(51,291)	(2,344)	(8,718)
Penambahan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	5,408	1,312	2,099	(654)	(1,366)	2,316	1,701
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	20,755	14,066	1,459	1,133	2,346	747	1,004
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	26,163	15,378	3,558	479	980	3,063	2,705

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

19. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful wtm RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI							
DARIPADA AKTIVITI							
OPERASI							
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	468,245	316,123	72,334	5,434	57,163	6,231	10,960
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(96,236)	(61,545)	(14,111)	(3,142)	(14,414)	(995)	(2,029)
Penerimaan pendapatan pelaburan	116,981	45,356	10,346	49,686	10,008	499	1,086
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	488,990	299,934	68,569	51,978	52,757	5,735	10,017
ALIRAN TUNAI							
DARIPADA AKTIVITI							
PELABURAN							
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan	1,846,606	595,160	314,968	682,612	221,364	12,051	20,451
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,356,555)	(880,553)	(384,060)	(768,479)	(269,965)	(20,494)	(33,004)
Penerimaan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	35,032	–	–	35,032	–	–	–
Pembelian hartanah dan peralatan	(18,149)	(11,695)	(2,494)	(551)	(2,813)	(195)	(401)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(493,066)	(297,088)	(71,586)	(51,386)	(51,414)	(8,638)	(12,954)
(Pengurangan) / penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(4,076)	2,846	(3,017)	592	1,343	(2,903)	(2,937)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	24,831	11,220	4,476	541	1,003	3,650	3,941
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a 20,755	14,066	1,459	1,133	2,346	747	1,004

20. INSTRUMEN KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan untuk memastikan sumber kewangan adalah mencukupi bagi menjalankan aktiviti PIDM di samping menguruskan risiko-risiko mata wang, kadar faedah dan kadar pulangan, kecairan, pasaran dan kredit. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana Kerajaan dan Bank Negara Malaysia atau sekuriti daripada gred pelaburan tinggi yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan kerajaan, yang dijamin oleh kerajaan atau dengan penarafan minimum AAA dengan kematangan berbeza. Berkaitan pengurusan tunai operasi harian, PIDM boleh menempatkan lebih dana dalam pasaran wang atau penempatan semalaman dengan bank-banknya. Tiada pelaburan dibuat dengan bank-bank ahli memandangkan PIDM ialah penginsurans deposit bank-bank ahli tersebut.

Sebahagian daripada portfolio pelaburan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia, yang telah dipindahkan kepada PIDM dalam tahun 2011 terdiri daripada sekuriti pelaburan yang tidak selari dengan Polisi Pelaburan PIDM yang diluluskan. Dalam tahun 2011, kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah telah diperolehi untuk mengecualikan sekuriti pelaburan tersebut daripada mematuhi Polisi Pelaburan PIDM. Sekuriti pelaburan yang tidak mematuhi Polisi Pelaburan PIDM terdiri daripada sekuriti Kerajaan dengan tempoh jangka panjang serta Sekuriti Hutang Swasta.

a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri terutamanya daripada aset pelaburan yang dipegang dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Nota Kewangan Bank Negara. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan atas aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko-risiko ini, PIDM pada masa ini hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti berkenaan.

Pada masa ini PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran (KEPPB) pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan tempoh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

			Dalam tempoh 3 bulan	4 – 12 bulan	13 – 36 bulan	37 – 60 bulan	61 – 120 bulan	Jumlah
Nota	KEPPB %	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dana Insurans								
Deposit Konvensional								
31 Disember 2017								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.98	15,378	–	–	–	–	15,378
Pelaburan	5	2.97	399,847	852,488	382,012	–	–	1,634,347
31 Disember 2016								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.10	14,066	–	–	–	–	14,066
Pelaburan	5	3.14	121,151	650,746	574,852	–	–	1,346,749
Dana Insurans								
Deposit Islam								
31 Disember 2017								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.38	3,558	–	–	–	–	3,558
Pelaburan	5	2.97	11,309	290,035	27,351	–	–	328,695
31 Disember 2016								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.25	1,459	–	–	–	–	1,459
Pelaburan	5	2.80	17,299	137,640	105,124	–	–	260,063

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)**b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)**

Nota	KEPPB %	Dalam	4 – 12	13 – 36	37 – 60	61 – 120	Jumlah
		tempoh 3 bulan RM'000	bulan RM'000	bulan RM'000	bulan RM'000	bulan RM'000	
Dana Perlindungan Insurans Am							
31 Disember 2017							
Kadar tetap							
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.00	479	–	–	–	479
Pelaburan	5	3.06	291,325	501,097	394,990	15,216	1,202,628
31 Disember 2016							
Kadar tetap							
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.25	1,133	–	–	–	1,133
Pelaburan	5	3.07	92,084	260,609	796,366	19,689	1,168,748
Dana Perlindungan Insurans Hayat							
31 Disember 2017							
Kadar tetap							
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.00	980	–	–	–	980
Pelaburan	5	2.97	166,448	43,525	63,452	–	273,425
31 Disember 2016							
Kadar tetap							
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.25	2,346	–	–	–	2,346
Pelaburan	5	2.64	13,468	139,171	74,565	–	227,204

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)

		KEPPB	Dalam tempoh 3 bulan	4 – 12 bulan	13 – 36 bulan	37 – 60 bulan	61 – 120 bulan	Jumlah
Nota		%	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dana Perlindungan Takaful Am								
31 Disember 2017								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan								
tunai	4a	3.58	3,063	–	–	–	–	3,063
Pelaburan	5	3.15	5,136	13,602	–	–	–	18,738
31 Disember 2016								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan								
tunai	4a	3.25	747	–	–	–	–	747
Pelaburan	5	3.07	5,068	5,853	5,683	–	–	16,604
Dana Perlindungan Takaful Keluarga								
31 Disember 2017								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan								
tunai	4a	3.54	2,705	–	–	–	–	2,705
Pelaburan	5	3.13	7,100	33,649	–	–	–	40,749
31 Disember 2016								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan								
tunai	4a	3.25	1,004	–	–	–	–	1,004
Pelaburan	5	3.12	7,103	19,859	5,684	–	–	32,646

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)**b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)**

Berdasarkan kepada portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2017, jadual berikut menunjukkan bagaimana kesan terhadap lebihan bersih daripada kenaikan atau penurunan 50 mata asas dalam KEPPB.

	Lebihan Bersih						
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Kenaikan 50 mata asas							
– 31 Disember 2017	16,817	7,929	1,450	5,957	1,192	97	192
– 31 Disember 2016	14,524	6,282	1,166	5,774	1,084	73	145
Penurunan 50 mata asas							
– 31 Disember 2017	(16,817)	(7,929)	(1,450)	(5,957)	(1,192)	(97)	(192)
– 31 Disember 2016	(14,524)	(6,282)	(1,166)	(5,774)	(1,084)	(73)	(145)

c. Risiko kecairan

Risiko kecairan PIDM berkait rapat dengan keupayaan PIDM memenuhi obligasinya apabila diperlukan, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin disebabkan ketidakupayaan untuk membubarkan aset apabila diperlukan atau memperoleh pembiayaan untuk memenuhi keperluan kecairannya. Sejumlah besar dana daripada kumpulan dana yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha untuk menguruskan profil kematangan sekuriti ini secara berterusan bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani mana-mana pendedahan risiko kewangan mengikut had pendedahan yang diluluskan. Nilai pelaburan mengikut profil kematangan didedahkan di dalam Nota 20(c). Jadual berikut menetapkan aset jangka pendek PIDM dan profil liabiliti matang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2017

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

c. Risiko kecairan (sambungan)

	Nota	2017					
		Kurang Dari 30 Hari RM'000	31 – 60 Hari RM'000	60 – 90 Hari RM'000	Lebih Dari 90 Hari Tetapi Kurang Dari 36 Bulan RM'000	Lebih Dari 36 Bulan* RM'000	Jumlah RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	18,663	–	7,500	–	–	26,163
Pelaburan	5	5,004	726,939	149,223	2,607,265	10,151	3,498,582
Aset lain	6	2,558	15,664	12,774	6,100	2,495	39,591
Akaun belum bayar	9	(3,368)	(3,640)	(17)	(4,225)	(894)	(12,144)
Aset jangka pendek bersih		22,857	738,963	169,480	2,609,140	11,752	3,552,192

	Nota	2016					
		Kurang Dari 30 Hari RM'000	31 – 60 Hari RM'000	60 – 90 Hari RM'000	Lebih Dari 90 Hari Tetapi Kurang Dari 36 Bulan RM'000	Lebih Dari 36 Bulan* RM'000	Jumlah RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	20,755	–	–	–	–	20,755
Pelaburan	5	–	116,612	139,561	2,776,152	19,689	3,052,014
Aset lain	6	1,484	9,340	11,822	6,521	2,549	31,716
Akaun belum bayar	9	(12,178)	(11)	–	(2,237)	–	(14,426)
Aset jangka pendek bersih		8,577	116,601	139,561	2,773,915	19,689	3,058,343

* Sekuriti pelaburan dengan tempoh pelaburan melebihi 36 bulan mewakili sekuriti pelaburan daripada bekas portfolio IGSF.

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk menguruskan keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu adalah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan itu juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

c. Risiko kecairan (sambungan)

- i. **Pembiayaan dalaman** disediakan menerusi pengumpulan lebih bersih operasi selepas perbelanjaan. Pengumpulan lebih bersih dikreditkan ke dalam Dana perlindungan masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumen kewangan.
- ii. **Pembiayaan luaran** boleh diperolehi menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperoleh dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Semasa operasi biasa, PIDM melabur di dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini ialah minimum.

e. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, Nota Kewangan Bank Negara, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit ke atas aset pelaburannya amat minimum.

Selain sekuriti pelaburan Kerajaan dan Nota Kewangan Bank Negara, PIDM juga mempunyai pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang merupakan sebahagian daripada aset pelaburan yang dipindahkan daripada bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia. Pelaburan ini telah dipindahkan kepada PIDM dalam tahun 2011 dan merangkumi Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan yang terus mengekalkan penarafan AAA atau tiada penarafan pada tahun semasa.

Dalam tahun semasa, PIDM melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan kerajaan dengan penarafan AAA. Jadual berikut menunjukkan ringkasan pelaburan baharu dalam Sekuriti Hutang Swasta pada 31 Disember 2017. PIDM sentiasa memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta bagi sebarang potensi risiko penurunan gred dalam penarafan kredit.

	Bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans		Pelaburan Baharu
Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta – Nilai prinsipal (RM'000)	25,000	20,000	15,000
Penarafan Sekuriti Hutang Swasta	AAA	Tiada Penarafan	AAA

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang mana nilai saksamanya dinyatakan di dalam Nota 5 dan dianggap sebagai nilai saksama Aras 2.

PIDM mempunyai rangka kerja dan polisi yang mapan yang memberi panduan mengenai penilaian praktikal, prinsip dan pendekatan analitikal bagi penubuhan penilaian berhemat instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan dan bersetuju dalam transaksi wajar, selain daripada jualan paksa atau pembubaran. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga yang tersenarai dalam pasaran aktif atau dengan menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input boleh cerap atau input tidak boleh dicerap. Pertimbangan pengurusan telah dijalankan dalam memilih dan mengguna-pakai parameter, andaian dan teknik-teknik pemodelan yang sesuai yang mana beberapa atau kesemua input parameter tidak boleh dicerap dalam memperoleh nilai saksama.

Di samping itu, PIDM terus memantapkan reka bentuk dan metodologi serta proses pengesahan yang digunakan untuk menghasilkan penilaian. Model penilaian disahkan secara dalaman dan luaran, dengan semakan berkala bagi memastikan model masih sesuai untuk diguna.

Penilaian nilai saksama

i. Tahap 1: Sebut harga

Merujuk kepada instrumen kewangan yang terdapat dalam pasaran aktif sekiranya sebut harga adalah mudah dan boleh didapati daripada pertukaran, peniaga, broker, perkhidmatan penetapan harga atau agensi kawal selia. Harga tersebut juga perlu mewakili arus niaga pasaran sebenar dan kerap berlaku pada asas wajar. Instrumen kewangan sedemikian termasuk sekuriti kerajaan yang aktif diniagakan.

ii. Tahap 2: Teknik penilaian menggunakan input boleh diperhatikan

Merujuk kepada input selain daripada sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga). Contoh Tahap 2 instrumen kewangan termasuk bon korporat dan bon kerajaan yang lain.

iii. Tahap 3: Teknik penilaian menggunakan input tidak boleh diperhatikan secara ketara

Merujuk kepada instrumen kewangan yang mana nilai saksama diukur menggunakan input pasaran tidak boleh diperhatikan secara ketara. Teknik penilaian adalah konsisten dengan Tahap 2. Teknik penilaian yang dipilih menggabungkan andaian sendiri PIDM dan datanya. Contoh instrumen Tahap 3 termasuk bon korporat dalam pasaran yang kurang kecairan.

21. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian daripada menginsuranskan deposit

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sepanjang tahun, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab Kumpulan Dana menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ianya berlaku. Seperti yang dibincangkan di dalam penyata kewangan Nota 10, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi memastikan tahap dana yang mencukupi untuk membiayai jangkaan kerugian bersih dari aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Pendedahan Operasi

Pada tahun semasa, satu tuntutan telah dibuat terhadap PIDM oleh kontraktor utama bertanggungjawab untuk pembangunan pusat pemulihan bencana PIDM. Tuntutan yang bernilai lebih kurang RM1.2 juta ini berpunca dari pertikaian mengenai kerugian dan ganti rugi yang dikenakan terhadap kontraktor utama tersebut menurut peruntukan kontrak. Selepas pertimbangan nasihat undang-undang yang sewajarnya, walaupun masih ada kemungkinan tuntutan itu berjaya, kebarangkaliannya adalah rendah. Oleh yang demikian, tiada peruntukan dibuat di dalam penyata kewangan.



LAMPIRAN

Senarai Institusi Ahli
Glosari Istilah
Butiran Hubungan

Pada 5 Januari 2018, institusi ahli PIDM ialah seperti berikut:

BANK PERDAGANGAN	BANK ISLAM	SYARIKAT INSURANS
1. Affin Bank Berhad 2. Alliance Bank Malaysia Berhad 3. AmBank (M) Berhad 4. Bangkok Bank Berhad 5. Bank of America Malaysia Berhad 6. Bank of China (Malaysia) Berhad 7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad* 8. BNP Paribas Malaysia Berhad* 9. China Construction Bank (Malaysia) Berhad 10. CIMB Bank Berhad 11. Citibank Berhad* 12. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad* 13. Hong Leong Bank Berhad 14. HSBC Bank Malaysia Berhad 15. India International Bank (Malaysia) Berhad 16. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad 17. J.P. Morgan Chase Bank Berhad 18. Malayan Banking Berhad 19. Mizuho Bank (Malaysia) Berhad 20. National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad 21. OCBC Bank (Malaysia) Berhad 22. Public Bank Berhad 23. RHB Bank Berhad 24. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad 25. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad 26. The Bank of Nova Scotia Berhad 27. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd*	1. Affin Islamic Bank Berhad 2. Alliance Islamic Bank Berhad 3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad 4. AmBank Islamic Berhad 5. Asian Finance Bank Berhad 6. Bank Islam Malaysia Berhad 7. Bank Muamalat Malaysia Berhad 8. CIMB Islamic Bank Berhad 9. Hong Leong Islamic Bank Berhad 10. HSBC Amanah Malaysia Berhad 11. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad 12. Maybank Islamic Berhad 13. OCBC Al-Amin Bank Berhad 14. Public Islamic Bank Berhad 15. RHB Islamic Bank Berhad 16. Standard Chartered Saadiq Berhad	1. AIA Bhd. 2. AIG Malaysia Insurance Berhad 3. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 4. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad 5. AmGeneral Insurance Berhad 6. AmMetLife Insurance Berhad 7. AXA Affin General Insurance Berhad 8. AXA Affin Life Insurance Berhad 9. Berjaya Sampo Insurance Berhad 10. Chubb Insurance Malaysia Berhad 11. Etiqa General Insurance Berhad 12. Etiqa Life Insurance Berhad 13. Gibraltar BSN Life Berhad 14. Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (dahulunya dikenali sebagai Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad) 15. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 16. Hong Leong Assurance Berhad 17. Liberty Insurance Berhad 18. Lonpac Insurance Bhd. 19. Manulife Insurance Berhad 20. MCIS Insurance Berhad 21. MPI Generali Insurans Berhad 22. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd. 23. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad 24. Progressive Insurance Bhd 25. Prudential Assurance Malaysia Berhad 26. QBE Insurance (Malaysia) Berhad 27. RHB Insurance Berhad 28. The Pacific Insurance Berhad 29. Sun Life Malaysia Assurance Berhad 30. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad 31. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. 32. Tune Insurance Malaysia Berhad 33. Zurich General Insurance Malaysia Berhad 34. Zurich Life Insurance Malaysia Berhad
PENGENDALI TAKAFUL		
1. AIA Public Takaful Bhd. 2. AmMetLife Takaful Berhad 3. Etiqa Family Takaful Berhad 4. Etiqa General Takaful Berhad 5. Great Eastern Takaful Berhad 6. Hong Leong MSIG Takaful Berhad 7. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad 8. Prudential BSN Takaful Berhad 9. Sun Life Malaysia Takaful Berhad 10. Syarikat Takaful Malaysia Berhad 11. Takaful Ikhlas Berhad 12. Zurich Takaful Malaysia Berhad		

* Menandakan bank ini menyediakan perniagaan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). SPI ditakrif oleh Bank Negara Malaysia sebagai skim perbankan Islam yang disediakan oleh institusi berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan berasaskan prinsip-prinsip Islam

GLOSARI ISTILAH

Ahli penginsurans

Semua syarikat insurans (termasuk subsidiari syarikat-syarikat insurans asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM 2011. Senarai penuh ahli penginsurans PIDM boleh didapati di halaman 187.

Bank ahli

Semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli PIDM boleh didapati di halaman 187.

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank Islam ahli atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan paras dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung dengan sewajarnya kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Indeks Keterlibatan Berterusan

Kekuatan hubungan kakitangan terhadap organisasinya berdasarkan komitmen dalam mencapai matlamat kerja, pemberdayaan dan pengalaman kerja yang menggalakkan kesejahteraan.

Institusi ahli

Institusi ahli PIDM yang terdiri daripada bank-bank ahli dan ahli penginsurans.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani kebimbangan terhadap institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang pilihan resolusi kegagalan dilaksanakan ke atas institusi ahli tersebut.

Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan dalam menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju.

Jaminan Deposit Kerajaan

Jaminan Deposit Kerajaan yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Oktober 2008 merupakan suatu jaminan deposit sementara yang memberi perlindungan sepenuhnya kepada pendeposit dan instrumen yang dijamin dalam institusi ahli dan institusi kewangan lain yang dijamin. Jaminan Deposit Kerajaan ini merupakan suatu langkah yang diambil oleh negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan. Ia berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pemantauan dan pengawalseliaan berhemat, dan pemberi pinjaman bagi usaha terakhir.

Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

Kumpulan Dana Perlindungan

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful

Merujuk kepada Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Manfaat insurans

Agregat manfaat insurans yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

Manfaat takaful

Agregat manfaat takaful yang ditanggung oleh sesebuah pengendali takaful atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia, iaitu mata wang Malaysia.

Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan-1

Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan-1 dikira sebagai peratusan daripada modal ekuiti biasa kumpulan-1 bank ahli daripada aset berwajaran risiko mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia. Modal ekuiti biasa kumpulan-1 adalah modal kualiti tertinggi untuk bank ahli, manakala aset berwajaran risiko dikira berdasarkan pengagregatan aset bank berwajaran terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan risiko bank. Keperluan kawal selia minimum untuk nisbah modal ekuiti biasa kumpulan-1 adalah 4.5%.

Pembayaran balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau orang yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans dan termasuk pemilik serah hak, iaitu wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada sijil takaful dan termasuk pemilik serah hak, iaitu wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pengurusan Risiko Organisasi

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko utama sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Perjanjian Perikatan Strategik

Perjanjian Perikatan Strategik menjelaskan bagaimana Bank Negara Malaysia dan PIDM bekerjasama dan menyelaraskan aktiviti mereka untuk melaksanakan mandat masing-masing dengan efektif, dan meminimumkan pertindihan yang tidak produktif, dan oleh itu kos dan beban pengawalseliaan terhadap industri. Ia menyediakan penyelarasan penilaian dan pemantauan risiko, serta penyelesaian intervensi dan kegagalan institusi ahli. Ia juga menetapkan protokol bagi perundingan dan pertukaran maklumat secara berkala berkaitan perkembangan dalam industri untuk menggalakkan kestabilan kewangan.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan perlakuan Nabi Muhammad s.a.w.) Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

Rosot nilai

Sesuatu pinjaman / aset pembiayaan dianggap merosot nilai sekiranya bukti objektif rosot nilai adalah disebabkan oleh (i) suatu peristiwa kerugian yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut; (ii) suatu peristiwa kerugian yang mempunyai impak terhadap aliran tunai masa depan yang dianggarkan; dan (iii) anggaran jumlah kerugian andal yang boleh dibuat.

Sistem Insurans Deposit

Perlindungan oleh PIDM untuk pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang disimpan dalam bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Levi Berbeza

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Penilaian Risiko

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menilai tahap dan kawalan risiko institusi ahli dan menyediakan kedua-dua risiko semasa (risiko agregat) dan prospek (arah risiko) institusi ahli. Ini adalah supaya risiko baru muncul dapat dikenal pasti dan tindakan diambil tepat pada masanya, sebelum risiko tersebut menjadi kenyataan.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menentukan pembayaran balik premium yang belum diperolehi bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

Sistem Pengurusan Pembayaran

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses pembayaran balik kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

GLOSARI ISTILAH

Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk mengekalkan butiran perinci pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran.

Sistem Pengurusan Tuntutan

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memantau kemajuan tuntutan dan jumlah yang perlu dibayar kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Perlindungan oleh PIDM untuk pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans mereka yang layak, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses maklumat pendeposit untuk mengira jumlah deposit yang diinsuranskan mengikut entiti. Sistem ini mengendalikan proses yang termasuk pengagregatan akaun deposit bagi entiti yang sama, membuat pelarasan pembayaran, penahanan pembayaran dan menjana fail pembayaran untuk tujuan pembayaran.

Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit

Sistem ini merupakan komponen komunikasi dalam sistem pembayaran balik PIDM. Sekiranya berlaku pembayaran balik deposit, Pusat Panggilan PIDM, yang menguruskan komunikasi, pertanyaan dan permintaan daripada pendeposit, akan menggunakan sistem ini untuk mengakses maklumat pendeposit yang terkandung dalam sistem pembayaran balik.



TALIAN MAKLUMAT BEBAS TOL

1-800-88-1266

Isnin hingga Jumaat

8.30 pagi hingga 5.30 petang

TALIAN AM

603 - 2173 7436

603 - 2265 6565

FAKS

603 - 2173 7527

603 - 2260 7432



LAMAN WEB

www.pidm.gov.my

Soalan-soalan lazim mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans boleh didapati di laman web PIDM



E-MEL

info@pidm.gov.my



ALAMAT

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Menara Axiata,
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Level 12, Axiata Tower,
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Tel: 603 2173 7436 / 2265 6565 Fax: 603 2173 7527 / 2260 7432
Toll Free: 1-800-88-1266 Email: info@pidm.gov.my

www.pidm.gov.my